



# واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN  
X



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

# واريتن كلنتن

## WARISAN KELANTAN X

*Diselenggarakan oleh*  
Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Diterbitkan oleh:  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan  
Istana Jahar  
Kota Bharu, Kelantan

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Pengerusi : Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh  
Setiausaha : Haji Wan Ali bin Wan Ahmad  
Ahli : Haji Salleh bin Mohd. Akib  
Abdullah bin Mohamed (Nakula)  
Jazamuddin Baharuddin  
Wakil Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Kelantan  
Rekabentuk : Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1991

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

M 761468

dijetak oleh  
United Selangor Press, Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur

## ***Kandungan***

- ix **PRAKATA**
- xi **PENDAHULUAN**
- 1 **SEKOLAH PONDOK DI NEGERI KELANTAN:  
SATU TINJAUAN UMUM**  
*Ismail Che Daud*
- 26 **AKADEMI SENI TENGKU TEMENGGUNG: SATU ASPEK DARI  
SEJARAH SOSIAL KELANTAN 1879–1935**  
*Abdullah bin Mohamed (Nakula)*
- 109 **LAWATAN ROMBONGAN BALAI SENILUKIS KELANTAN  
KE INDONESIA**  
*Haji Muhammad bin Haji Daud*
- 129 **GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA**
- 135 **BIODATA PENULIS**



## Prakata

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

**S**AYA mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataalah kerana dengan izinNya, maka Perbadanan Muzium Negeri Kelantan berupaya sekali lagi menerbitkan monograf tahunannya yang bernama "WARISAN KELANTAN" dan untuk bilangannya yang ke-10.

Sepertimana para pembaca sedia maklum tujuan asal penerbitan monograf "WARISAN KELANTAN" ini ialah untuk meneroka jalan kearah lebih banyak lagi karya-karya sejarah, khususnya sejarah tempatan yang akan diusahakan oleh para peminat sejarah tempatan dan para sarjana sekalian. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk mengumpul, mengkaji dan membukukan bahan-bahan yang ada hubungkait dengan sejarah dan budaya Negeri Kelantan dan masyarakatnya. Memandangkan hakikat bahawa Kelantan dari segi sejarah merupakan satu-satunya negeri yang tertua di Semenanjung Tanah Melayu dan juga bahawa masih banyak lagi aspek-aspek sejarah Kelantan yang belum diketahui dengan tepat, jelas dan terperinci, maka nyatalah peranan "WARISAN KELANTAN" amat penting sebagai forum atau saluran untuk mengenengahkan karya-karya sejarah dan lain-lainnya yang bersangkutan-paut dengan Kelantan dan masyarakatnya.

Saya juga suka mengambil peluang ini menyeru supaya lebih ramai lagi peminat-peminat sejarah dan budaya serta para sejarawan tanahair, khususnya dalam kalangan anak-anak Kelantan sendiri untuk memberi sumbangan mereka masing-masing kepada "WARISAN KELANTAN".

Akhir kata, saya sebagai Pengerusi dan juga bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Publisiti dan Dokumentasi serta juga para penulis yang berkenaan yang telah bersama-sama berusaha dengan gigih dan dedikasi bagi menjayakan penerbitan "WARISAN KELANTAN" bilangan ke-10 ini.

Sekian. Wassalam.



(HAJI MOHD ROZALI BIN ISOHAK)

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Merangkap

Pengerusi

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Kota Bharu

Kelantan Darulnaim

30 Julai 1991





## Pendahuluan

Bismillahi rRahmani rRahim

**W**ARISAN KELANTAN bilangan 10 yang diterbitkan pada kali ini menandakan bahawa monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mencapai usia 10 tahun. Selama satu dekad sejak dari tahun 1982 **Warisan Kelantan**, tanpa gendala, telah dapat menampilkan dirinya setiap tahun menghadapi pada pembacanya dengan menghidangkan berbagai jenis essei atau karya yang bersangkutan-paut dengan Negeri Kelantan Darulnaim dan masyarakatnya. Dengan itu juga berarti, selama sepuluh tahun **Warisan Kelantan** telah berjaya memainkan peranannya menyungkil serta menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai Kelantan dan masyarakatnya kepada para pembaca, khususnya para peminat dan pencinta sejarah dan budaya Kelantan.

Sejarah penerbitan monograf **Warisan Kelantan** berkaitrapat dengan sejarah penubuhan Muzium Negeri Kelantan sendiri yang telah ditubuhkan dengan rasminya di bawah Enakmen Bilangan 6 Tahun 1975, dan mulai berkuatkuasa pada 1 September 1976 mengikut Warta Kerajaan Kelantan KN.P.U.26 bertarikh 26 Ogos 1976. Lima tahun kemudian, iaitu pada tahun 1981, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, membuat keputusan untuk menerbitkan monografinya sendiri setiap tahun bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim. Penerbitan monograf ini adalah sebahagian daripada usaha Perbadanan untuk mengumpul, mengkaji dan membukukan bahan-bahan yang bersangkutan-paut dengan sejarah dan budaya negeri Kelantan dan masyarakatnya.

Pada awal tahun 1981, diterbitkan monograf pertama yang berjudul *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah* yang diusahakan oleh Encik Abdullah bin Mohamed (NAKULA), satu-satu ahli dan sejarawan Kelantan yang ulung dan unggul yang telah mula berkecimpung dengan pengkajian dan penulisan sejarah dan budaya Kelantan sejak tiga dekad yang lalu tanpa lelah dan penat, jemu dan muak. Monografinya itu merangkumi setebal 45 mukasurat. Sebenarnya monograf itu lebih merupakan sebuah monograf khas yang julung kali diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Berikutnya pada awal tahun 1982 Perbadanan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil yang dinamakan Jawatankuasa Penerbitan bagi mengurus penerbitan monograf Perbadanan di masa akan datang. Jawatankuasa itu dianggotai oleh enam orang iaitu: Encik Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

(Pengerusi), Tuan Haji Wan Ali bin Wan Ahmad, Kurator Muzium Kelantan (Setiausaha), Encik Jazamuddin bin Baharuddin (Ahli), Prof. Khoo Kay Kim (Penyunting), Encik Hasan bin Majid (Rekabentuk), dan Encik Mohd. Idris bin Shariff (Rekaletak). Pada masa itu juga telah diputuskan iaitu mulai dari tahun 1982, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan akan menerbitkan secara tetap sebuah monograf tahunan dengan menggunakan judul **Warisan Kelantan**. Dengan keputusan tersebut maka **Warisan Kelantan** bilangan 1 dengan hidangan tujuh essei telah diterbitkan pada tahun 1982 itu juga.

Pada awal tahun 1984 nama Jawatankuasa Penerbitan telah diubahsuai kepada nama Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti dan keanggotaannya pula disusun semula. Keanggotaannya adalah seperti berikut: Encik Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh (Pengerusi dan Penyelenggara), Tuan Haji Wan Ali bin Wan Ahmad (Setiausaha), Encik Jazamuddin bin Baharuddin (Ahli), Tuan Haji Wan Zakaria bin Wan Ismail (Ahli), Encik Abdullah Tuan Mohamed/Nakula (Ahli), Wakil Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kelantan (Ahli), Pengarah Penerangan Negeri Kelantan (Ahli).

Pada tahun 1988 keanggotaan Jawatankuasa tersebut disusun semula sekali lagi seperti berikut: Encik Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh (Pengerusi dan Penyelenggara), Tuan Haji Wan Ali bin Wan Ahmad (Setiausaha), Encik Jazamuddin bin Baharuddin (Ahli), Tuan Haji Salleh bin Mohd. Akib (Ahli), Encik Abdullah bin Mohamed/Nakula (Ahli), Wakil Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kelantan (Ahli).

Selanjutnya pada tahun 1990 nama Jawatankuasa itu telah diubahsuai sekali lagi kepada Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi tetapi keanggotaannya masih kekal seperti pada tahun 1988.

Sebagai yang telah disebut penerbitan monograf **Warisan Kelantan** terus diusahakan setiap tahun sejak dari tahun 1982 hingga sekarang dan pada tahun 1991 ini bilangannya yang Ke-10 telah berjaya diterbitkan.

Dalam tempoh satu dekad itu **Warisan Kelantan** telah dapat menghidangkan kepada para pembaca sejumlah lima puluh sembilan essei yang merangkumi pelbagai aspek atau bidang seperti sejarah, budaya, sastera, pendidikan, ekonomi, seni, perusahaan dan sebagainya mengenai Kelantan dan masyarakatnya. Essei-essei tersebut tentu akan menambahkan lagi khazanah ilmu pengetahuan mengenai negeri Kelantan dan masyarakatnya serta juga memberi manfaat dan berfaedah kepada para pembaca, khususnya para peminat dan pencinta sejarah dan budaya Kelantan.

Akhir kata, diharapkan lebih ramai lagi dari kalangan tempatan sama ada cendekiawan, pegawai-pegawai, guru-guru, ahli-ahli politik, peminat-peminat sejarah dan budaya Kelantan serta individu-individu yang lain supaya tampil ke hadapan memberi sumbangan mereka mengikut kemampuan masing-masing kepada **Warisan Kelantan** di masa-masa akan datang. Tentu ada banyak lagi bidang atau aspek sejarah dan budaya Kelantan yang belum diterokai yang perlu dikaji, ditulis dan dibukukan untuk faedah generasi masakini dan akan datang.

Penulis-penulis kali ini terdiri daripada tiga orang iaitu Encik Abdullah bin Mohamed (Nakula), Encik Ismail bin Che Daud dan Tuan Haji Mohammad bin

Haji Daud. Akhir kata, saya bagi pihak Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, dengan ini suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan serta berbilang-banyak terima kasih kepada para penulis yang budiman yang telah turut memberi sumbangan masing-masing kepada "WARISAN KELANTAN" bilangan Yang Ke-10, tahun 1991 ini.

Sekian, wassalam,



DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH

Pengerusi,  
Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti,  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu,  
Kelantan Darulnaim

30 Julai 1991



## *Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum\**

ISMAIL CHE DAUD

### **Pengenalan**

**K**EMASYHURAN Kelantan sebagai *Serambi Makkah* berkait rapat dengan sekolah pondok. Hakikat ini adalah jitu kerana Kelantan ditakdirkan menjadi negeri percambahan sekolah pondok lebih daripada negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.

Institusi pondok merupakan institusi yang paling istimewa kedudukannya dalam masyarakat Melayu tradisional, terutama masyarakat Kelantan. Pertumbuhannya berhubung rapat dengan kemunculan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan yang berwibawa. Ini memang tepat sekali kerana pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 Masihi terdapat puluhan ulama terbilang di seluruh Kelantan.<sup>1</sup>

Dengan wujudnya sistem pengajian pondok maka peluang untuk belajar ilmu menjadi lebih terbuka kepada seluruh anggota masyarakat, tidak tertutup sebagaimana sebelumnya di mana peluang menuntut ilmu hanya terbatas pada orang-orang tertentu seperti tok bomoh, tok mudin, tok bidan, tok juragan, tok pendekar, tok penyadap, tukang urut, tukang gulai, tukang jemeleh, tukang lagu dan bermacam-macam profesion yang lain lagi. Lazimnya, mereka memperoleh melalui penurunan nenek moyang.

Walaupun tulisan ini lebih merupakan satu tinjauan umum, mengetengah-

---

\* Makalah ini asalnya ditulis untuk siaran majalah *PERISTIWA* bagi mengisi ruangan *Sejarah Silamnya*. Lihat *PERISTIWA* bil. 12 (15-30 April), 13 (1-15 Mei 1991) dan 15 (1-15 Jun 1991). Disusun semula dengan beberapa pindaan, pembetulan dan tambahan di sana ini.

1 Jumlah tersebut tidak termasuk yang menetap dan mengajar di kota Makkah seperti Tok Wan Ali Kutan (Syaiikh Muhammad Ali bin Abdul Rahman al-Kalantani), Tuan Abdul Muttalib Tuan Faqih Kota, Haji Muhammad Saleh bin Haji Abdullah Salor, Haji Muhammad Saleh bin Tok Leman Seribong; juga yang berhijrah ke negeri-negeri lain seperti Haji Uthman Gaung (Mufti Kerajaan Pahang), Haji Abdullah Pasir Pekan (Mufti Kerajaan Johor), Haji Wan Muhammad (Mufti Kerajaan Perak) dan paling ramainya ialah para da'i yang pergi berdakwah di Kemboja.

kan banyak tapak sekolah pondok serta guru-gurunya (termasuk latar diri pelopor sekolah pondok di Kelantan), beberapa sudut lain juga turut disentuh.

### **Pondok Awal di Pulau Chondong**

Setakat ini penulis belum menemui sumber bertulis yang rasmi mengenai kemunculan dan perkembangan pondok di negeri Kelantan. Kendatipun demikian, beberapa maklumat lisan dan catatan peribadi yang telah dapat dikumpul dengan jelasnya menunjukkan bahawa antara kampus perpondokan paling awal ialah yang bertunas di Kampung Surau Pulau Chondong (sekarang dalam Jajahan Machang). Ia diasaskan oleh "Imam Haji Abdul Samad Tuan Pulau Chondong bin Imam Lebai Abdullah bin Imam Lebai Hashim..... digelar Imam Bukit<sup>2</sup> Kelantan.....", iaitu kira-kira pada permulaan suku kedua abad ke-19 Masihi.

Jelasnya, pusat pendidikan Islam tradisional cara pondok telah pun wujud di negeri Kelantan seawal satu kurun sebelum tiba zaman kegemilangannya (pertengahan pertama abad ke-20 Masihi).

### **Latar Diri Pelopornya**

Tuan Pulau Chondong atau Tok Pulau Chondong @ Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah lahir di Kampung Bukit dalam daerah Pulau Chondong pada tahun 1207 Hijrah/1792 Masehi. Pergi melanjutkan pelajaran di Masjid al-Haram, Makkah pada tahun 1223 H/1808 M. Dalam kunjungan kali kedua (1256 H/1840 M), sempat ke Mesir, menziarah makam Imam Shafie. Pada tahun 1273 H/1856 M, surau awalnya hangus dijilat api, lalu dibangunkan pula yang baru di tapak masjid yang ada sekarang, lengkap dengan menara azan yang sampai ke hari ini pun masih tetap utuh. Pada tahun 1290 H/1873 M, meninggal dunia di Makkah.

Selepas kematian Tok Pulau Chondong kegiatan dakwah Islamiah diteruskan oleh anak-anaknya. Terpenting ialah Haji Muhammad Arshad (1848 – 5 Januari 1912) selaku Imam Surau Pulau Chondong,<sup>3</sup> Haji Omar (meninggal pada malam Sabtu 20/21 Oktober 1911) menjadi Imam Surau Kerawang yang pertama<sup>4</sup> dan Haji Taib yang menjadi Imam Surau Bagan.

Salah seorang murid Haji Muhammad Arshad bin Haji Abdul Samad yang terkenal alim lagi bermulut masin ialah Haji Abdul Rahman bin Wan Bebakar yang berjaya membuka pondok di Kampung Kemubu, Kota Bharu.<sup>5</sup> Antara

- 
- 2 Dipanggil "Imam Bukit" kerana pada awalnya Abdul Samad berkhidmat sebagai Imam di Kampung Bukit, Pulau Chondong bagi menggantikan ayahandanya yang telah meninggal dunia. Pada masa itu Kampung Surau Pulau Chondong masih belum lagi dibuka.
  - 3 Imam Pulau Chondong selanjutnya ialah Haji Muhammad bin Haji Muhammad Arshad (meninggal 26 Januari 1944), kemudian Haji Hamzah bin Haji Muhammad (1909–9 Mac 1964) dan Haji Yusuf bin Haji Muhammad (lahir 1912) yang masih menjadi Imam Tuanya sampai sekarang (Jun 1991).
  - 4 Imam Kerawang yang kedua ialah Haji Abdullah bin Haji Omar (meninggal 11 Ogos 1932), kemudian saudaranya, iaitu Haji Abdul Kadir bin Haji Omar (meninggal 22 Februari 1947); selanjutnya Haji Muhammad bin Haji Abdul Kadir (meninggal 1966) dan sekarang, Haji Muhammad Arshad bin Haji Ahmad bin Haji Abdul Kadir.
  - 5 Tuan Guru Haji Abdul Rahman Kemubu meninggal dunia di Makkah pada bulan Zulhijjah 1345 (Jun 1927).

sekitan ramai anak muridnya terdapat juga anak pondok dari Sarawak yang kemudiannya menetap di negeri Kelantan.

Cucu Tok Pulai Chondong, iaitu Haji Abdullah bin Haji Omar (bergelar Tok Kerawat) yang pernah berguru dengan Tok Chekli @ Haji Yaakub bin Muhammad<sup>6</sup> dan Tok Jerulong @ Haji Muhammad Said bin Muhammad, kemudiannya melepaskan jawatan Imam Kerawang lalu berpindah ke Dalam Kerawat, Pangkal Nersing dan membuka pondok sendiri.

Tiga orang murid utama Tok Kerawat ialah Haji Abdul Jalal bin Haji Idrus,<sup>7</sup> Pak Cu Haji Ismail bin Saleh<sup>8</sup> dan Tok Wali Haji Taib bin Lebai Talib.<sup>9</sup> Bahkan, sasterawan Abdul Kadir Adabi bin Ahmad (meninggal 24 Februari 1944) pun pernah mendampingi Tok Kerawat semasa bersuaka di pedalaman Kemubu.

Demikianlah sedikit latar diri tentang pelopor sekolah pondok di negeri Kelantan (serta keturunannya) yang terbilang sebagai rumpun keluarga yang alim turun-tumurun.

### Alim Ulama Terdahulu (Sebelum Permulaan Abad 19 Masehi)

Sungguhpun begitu, Tuan Abdul Samad Pulai Chondong bukan tergolong tokoh ulama Kelantan dari generasi yang paling awal. Sebelum kemunculannya, telah sedia lahir barisan ulama tempatan yang tidak kurang juga jasa mereka. Antaranya termasuklah:

1. Faqih Muhammad, Chengal.
2. Sayyid Baginda Dimam al-Hafiz, Imam sulung di Surau Bot.
3. Tok Derahim @ Haji Wan Abdul Rahim, Banggol.
4. Tok Tun Datu, Jelatang.
5. Tok Tebing @ Haji Wan Senik, Padang Enggang.
6. Tok Kakbah @ Haji Wan Mahmud, Jelatang Kakbah.
7. Lebai Abdul Latif, Delima.

### Pusat Pengajian Pondok

Umumnya mengetahui bahawa sistem pengajian pondok di Kelantan lazimnya berpusat di masjid, surau dan balaisah. Dengan sebab itulah kita boleh dapati nama-nama seperti Kg. Masjid di Kota Bharu dan Tumpat; Kg. Surau

<sup>6</sup> Tuan Haji Yaakub @ Tok Chekli adalah murid Tok Pulai Chondong. Beliau meninggal dunia pada 27 November 1907.

<sup>7</sup> Haji Abdul Jalal berasal daripada negeri Melaka. Berkahwin dengan Mak Su Minah binti Mat San (waris Tok Kerawat). Kemudiannya membuka pondok berhampiran Paloh Rawa, Machang. Meninggal dunia dalam bulan Disember 1953. Anak sulungnya, Kamariah pernah berkahwin dengan Tuan Guru Haji Husain Hafiz bin Abdul Samad (meninggal 15 Oktober 1979) yang berasal daripada Umbai, Melaka. Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Sulaiman, pengasas Pondok Sungai Durlan yang ternama itu pun pernah menimba ilmu di Pondok Paloh Rawa ini.

<sup>8</sup> Berasal daripada Kampung Kasar, Pasir Mas tetapi menetap di Pasir Kelang, Kuala Krai. Meninggal dunia di Makkah dalam tahun 1959.

<sup>9</sup> Haji Taib, Kampung, Ketereh adalah cicit Tok Gondang yang masyhur keramat itu. Juga berguru dengan Haji Abdul Rahman Kemubu, Haji Mahmud bandar Pasir Mas dan pernah tinggal selama 3½ tahun bersama Dr. John Desmond Gimlette (24 Februari 1867-24 April 1934), Pegawai Perubatan bangsa Inggeris yang pertama bagi negeri Kelantan (Doktor Besar yang bertaraf 'Residency Surgeon' ini tiba di Kota Bharu pada hari Sabtu, 30 Oktober 1909). Tok Wali Haji Taib meninggal dunia pada petang Khamis, 6 Ogos 1981 dalam usia 92 tahun.



Pulai Chondong, Kg. Surau Kota, Kg. Surau Chekli, Kg. Surau Badang, Kg. Surau Bangga, Kg. Surau Pasir Puteh, Kg. Kutun, Kg. Surau Bot, Kg. Surau Kemunchut dan Kg. Balaisah di Pasir Pekan.

Meskipun demikian, konsep pencarian ilmu pada zaman silam bukan kerana kedudukan tapak sesuatu pusat pengajian, tetapi kealiman/kepakaran dan kehebatan seseorang guru yang menerajuiinya.

Misalnya, sebelum kepulangan Tok Kenali (Haji Muhd. Yusuf bin Ahmad @ Haji Awang Kenali) dari kota ilmu Makkah (dan alim ulama seangkatan dengannya),<sup>10</sup> Sukatan pengajian zaman lampau lebih menekankan keutamaan pengajian bacaan al-Wuran<sup>11</sup> (tanpa huraian maksud dan falsafah atau hikmatnya) serta penadahan kitab-kitab Jawi sahaja. Selain itu, ada yang menambahnya dengan pendidikan adab/akhlaq dan bimbingan untuk bakal pengantin.<sup>12</sup>

Hanya selepas kepulangan Tok Kenali pada tahun 1327 H/1909 M barulah timbul satu macam kecenderungan baru di kalangan anak-anak pondok Kelantan — mereka teringin belajar kitab-kitab berbahasa Arab pula. Ini kerana Tok Kenali adalah tokoh yang paling berjasa dalam memperkenalkan sistem pengajian pondok yang teratur, dengan memberi tempat yang sewajarnya kepada pengajian tatabahasa Arab serta pecahan ilmu alatnya.

Hasil daripada didikannya itu maka lahirlah tokoh-tokoh berwibawa seperti Haji Yaakub bin Ismail @ Abang Kub Legor (tokoh ilmu fiqh dan nahw), Haji Ali Solahuddin bin Awang @ Haji Ali Pulau Pisang (tokoh ilmu sarf), Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad Bunut Payong (tokoh ilmu fiqh) dan ramai lagi.

Menjelang awal 1920-an, masyarakat Islam Kelantan didedahkan pula pada ilmu hadith apabila. Maulana Tok Khurasan, seorang ulama pendatang daripada Pakistan memperkenalkannya secara ilmiah. Maulana Khurasan @ Abu Abdullah Sayyid Hassan bin Nur Hasan disebut-sebut hafal 10 ribu hadith.

Pengajian ilmu hadith (juga tafsir al-Quran) mendapat tempat yang lebih kukuh lagi dengan kepulangan Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa pada tahun 1934. Murid Maulana Ubaidullah al-Sindhi, Makkah inilah yang mula-mula membawa pengajaran aliran falsafah Shah Waliyullah al-Dehlawi ke negeri Kelantan.

- 10 Seperti Tok Bachok (Haji Uthman bin Haji Muhammad), Tok Jerulong (Haji Muhd. Sajid bin Muhammad), Tok Perlis (Haji Abdullah bin Sudin), Tok Padang Jelapang (Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdul Halim), Tok Selehor (Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman), Tok Seridik (Haji Muhd. Saman bin Awang Senik), Tok Kemuning (Haji Ismail bin Haji Senik), Tok Buya, Tok Pulau Ubi (Haji Yusuf bin Abdul Rahman), Haji Ahmad Hakim, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusuf @ Tok Raja, Haji Che Leh Salor, Haji Yunus Seribong, Haji Ismail Nering, Haji Saleh Wakaf Berangan dan Haji Saman Tebing Tinggi.
- 11 Antara guru al-Quran yang masyhur pada zaman silam ialah Tok Konok @ Haji Nik Zainal Abidin bin Nik Ismail (dikenali juga sebagai Nik Haji Wan Konok atau Nik Haji Konok), Tok Mesir @ Haji Wan Mahmud dan Haji Nik Mat Dagu di Kota Bharu; Haji Daud Kubang Bunut, Haji Ismail Pangkalan Paung, Tok Kasim Kelar dan Tok Ayah Kerasak di Pasir Mas; juga Tok Malek Sungai Pinang (Haji Abdul Malek bin Hassan) dan Pak Cu Haji Mat Saman Lambor di Tumpat.
- 12 Contoh pengajaran seumpama itu terdapat di Pondok Pasir Perah, Pasir Mas. Guru pengasasnya, Haji Sulaiman bin Abdul Ghafur lebih dikenali dengan panggilan Haji Sulaiman Keramat, juga masyhur sebagai seorang bomoh penyakit 'orang baik'. Tokoh ulama lepasan Pondok Pattani ini adalah bapa mertua kepada Tuan Guru Haji Saman bin Abdul Rahman, Kok Jering/Tebing Tinggi, Pasir Puteh dan datuk kepada Tuan Guru Haji Husain Rahimi bin Haji Saman, Bunut Payong, Kota Bharu.

### **Pakar Bidang – Bidang Tertentu**

Berdasarkan kepakaran yang ada pada tokoh-tokoh berkenaan, maka wujudlah rangkain macam-macam gelaran atau panggilan – sama ada berpangkal-kan *Tok* atau tidak, setimpal dengan pakar bidang masing-masing. Beberapa contoh gelaran atau panggilan tersebut ialah seperti: Tok Nahu, Tok Saraf, Tok Faqih/Tuan Faqih, Tok Syair, Tok Maher, Tok Alim, Tok Bai, Tok Sibaweh, Tok Falak, Tok Faraid, Tok Miqat, Tok Khat, Qurra', Tasawwuf dan lain-lain gelaran lagi.

Antara tokoh-tokoh yang dimaksudkan, termasuklah mereka yang berikut:

1. Haji Ibrahim Tok Nahu bin Haji Awang, Imam Keranji, Pasir Mas.
2. Pak Da Awang Nahu bin Haji Mat Sim, Tambak, Bachok.
3. Pak Cu Latif Tok Nahu bin Awang, Pohon Tal, Bachok.
4. Imam Hashim (Datuk Saraf), Kg. Bukit, Pulau Chondong.
5. Faqih Haji Abdullah, Kg. Bukit, Pulau Chondong.
6. Tuan Faqih Abdullah, Kota, Kota Bharu.
7. Haji Abdul Rahman Syair bin Haji Othman @ Tok Selehor, Tumpat.
8. Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail al-Azhari, Mufti Kerajaan Kelantan.
9. Haji Awang Alim @ Haji Muhammad Zain, Atas Banggol.
10. Haji Mamat Alim bin Ibrahim, Telok Kandis.
11. Haji Wan Muhammad Alim bin Wan Puteh, Merbol.
12. Haji Saleh Alim bin Pandak, Batu Tiga/Repek.
13. Tok Ayah Tok Alim @ Haji Abdul Samad, Pangkalan Kekuk.
14. Tok Nik Mat Alim @ Haji Nik Mat bin Raja Banjar, Pulau Melaka.
15. Mat Tok Bai @ Lebai Ahmad bin Ismail, Kubang Kerian.
16. Haji Abdul Rahman Tasawwuf bin Ismail, Wakaf Bharu.
17. Haji Ismail Qurra', Kubang Kaki, Rantau Panjang.
18. Haji Ismail Qurra', Kubang Terap, Pasir Mas.
19. Haji Mat Qurra', Banggu, Kota Bharu.
20. Haji Muhammad Ali Solahuddin bin Awang (Tok Sibaweh), Pulau Pinang.
21. Haji Abdullah bin Abu (Tok Faraid), Kg. Kelerek.

### **Kegiatan Karang-mengarang/Menterjemah**

Di samping mengajar secara lisan, puluhan daripada mereka juga turut menceburkan diri dalam kegiatan karang-mengarang dan menterjemah kitab agama/tajwid, kemudian dicetak dan dijadikan sebagai teks tadahan atau rujukan umum. Antara karya cetak yang paling terkenal ialah karangan-karangan Haji Abdul Samad bin Muhd. Salleh @ Tuan Tabal, Haji Wan Ali bin Haji Abdul Rahman @ Tok Wan Ali Kutan, Haji Omar bin Ismail Nuruddin @ Haji Omar Sungai Keladi, Syaikh Uthman Jalaluddin bin Muhammad @ Syaikh Uthman Jalaluddin Sering, Syaikh Noh Jamaluddin al-Kalantani, Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja), Haji Mahmud Othman Pasir Mas, Muhammad Ahmad al-Kalantani (Pak Cu Haji Mat Pintu Geng), Haji Daud Omar al-Libadi Bukit Abal dan hasil pena dari tokoh-tokoh yang lain juga.

Tetapi karangan tokoh-tokoh berikut tidak dikenali umum – mungkin kerana tidak beredar lagi. Antaranya termasuk karangan-karangan Haji Nik Man Dakwat, Mufti Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Ibrahim Tok Raja @ Haji Ibrahim bin Haji Yusuf, Haji Ismail bin Haji Abdul Majid Labok, Haji Isa Serian, Haji Che Noh Penambang, Haji Mat Limbat, Haji Leh @ Haji Salleh Pedada, Maulana Abdullah Noh @ Haji Abdullah bin Haji Awang Noh, Haji Wan Ismail Tok Jelapang, Haji Abdul Hamid Isa, Muhammad 'Akar' bin Abdul Ghani dan beberapa orang lagi.

Tidak kurang juga yang berjasa menulis/menyalin kitab suci al-Quran seperti Tok Wan Beris, Tok Tebing, Syaikh Seman @ Syaikh Uthman Kg. Balaisah. (Pasir Pekan), Haji Saamah Kg. Dusun/Lembu dan Lebai Chik Tanjong Dal.

### **Barisan Alim Ulama Sejak Dari Tahun 1870-an**

Berikut disenaraikan antara tokoh alim ulama yang menjadi tulang belakang gerakan Islam dan penggiat sekolah pondok di negeri Kelantan, semenjak tahun 1287 Hijrah/1870 Masihi<sup>13</sup> hingga sekarang (tahun 1412 H/1991 M) merangkumi tempoh kira-kira 125 tahun (mengikut kiraan tahun Masihi). Dipecah kepada tujuh angkatan – berdasarkan tahap kemunculan dan kegiatan keguruan mereka.<sup>14</sup>

#### **TAHAP I (bergiat 1870–1910)**

##### **Sekitar Bandar Kota Bharu**

1. Tuan Tabal @ Haji Abdul Samad bin Muhd. Salleh, Lorong Tok Semian.
2. Tuan Padang @ Haji Ahmad bin Haji Abdul Halim, Medan Tuan Padang.
3. Tok Konok @ Haji Nik Zainal Abidin bin Nik Ismail, Jalan Kelochor/Merbau.
4. Tok Mesir @ Haji Wan Mahmud, Jalan Gajah Mati.
5. Haji Kechik, Pulau Beluru/Kampung Sireh.
6. Haji Wan Abdul Mubin, Pulau Beluru.
7. Haji Muhammad Ta', Kampung Tok Semian Tua.

13. Sempena tahun kelahiran Tok Kenali – tokoh ulama Kelantan yang paling terkemuka. Tok Kenali meninggal dunia di Kubang Kerian, Kota Bharu pada pagi Ahad 2 Syaaban 1352/19 November 1933.

14. Ada juga yang sukar digolong-tahapkan kerana beberapa sebab. Antaranya mati muda, seperti Haji Ahmad bin Haji Muhammad Saleh (Pondok Pohon Chelagi), Haji Yusuf bin Awang (Pondok Kampung Bukit Mak Lipah yang meninggal di Makkah), Haji Mas'ud bin Haji Idris (Kedai Buruk Pasir Mas), Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa (Kota Bharu) dan Haji Zakaria bin Haji Ahmad (Kampung Darat, Demit). Atau lokasi pondok/tempat mengajar yang kerap beralih, seperti Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdul Halim @ Tok Padang Jelapang (Palekbang/Padang Jelapang/Pondok Dalam/Sungai Golok), Haji Yusuf bin Abdul Rahman @ Tok Pulau Ubi (Sungai Pinang/Pulau Ubi/Telaga Lanas), Syaikh Uthman Jalaluddin Sering (Pasir Kasar/Belukar Tapang/Lepah/Makkah/Penanti), Haji Idris Qurra' (Kampung Tok Burong/Kampung Telok/Kampung Puteh/Pangkalan Haji Ali/Mek Dayang/Jelawat/Bukit Tanah/Padang Kala/Tualang Rendah) dan ramai lagi, termasuk Haji Che Noh Penambang, Haji Daud Selising, Haji Muhammad Limbat, Haji Abdul Muttalib Mahligai/Bukit Abal, Haji Abdul Latif Padang Lengkuas, Haji Hasbullah Bot, Haji Ahmad Batu Tiga/Repek serta Haji Uthman Chicha Tinggi/Padang Siam. Juga yang mati tidak lama sekembali ke Kelantan selepas puluhan tahun mengajar di Makkah, seperti Pak Chik Musa bin Abdul Rahman (meninggal 1931) dan Haji Omar bin Haji Abdul Muttalib Kota (meninggal 1918). Dan beberapa sebab yang lain lagi.

8. Haji Nik Mat Dagu, Sungai Budor/Kubang Pasu.
9. Haji Wan Abbas, Kampung Kemaman/Sungai Budor.
10. Haji Awang Alim @ Haji Muhammad Zain, Atas Banggol.
11. Haji Ismail Kadi, Jalan Atas Banggol.
12. Haji Abdul Rahim, Atas Banggol.
13. Haji Wan Taib, Jalan Tengku Petra Semerak.
14. Haji Wan Ismail, Langgar.
15. Haji Nik Wan Tamat, Lundang.

#### **Jajahan Kota Bharu**

16. Syaikh Wan Musa, Kampung Tapang.
17. Tuan Jamal @ Haji Jamaluddin bin Lebai Muhammad, Peringkat.
18. Tok Ayah Banggol @ Haji Abdul Salam, Padang Salim.
19. Tok Chekli @ Haji Yaakub bin Muhammad, Kampung Surau Chekli.
20. Tok Panchor @ Haji Muhammad Saleh, Panchor.
21. Tok Salor @ Haji Saman, Salor.
22. Haji Omar, Kampung Stan.
23. Haji Mamat Alim, Kampung Telok Kandis.
24. Haji Saamah, Kampung Dusun/Kampung Ular Lembu.
25. Haji Yaakub, Kubang Purong.
26. Haji Awang Noh, Padang Dalam.
27. Haji Boto', Padang Bemban.
28. Haji Petah, Kampung Kerasak.
29. Haji Abdullah, Tepi Kubor Kechupu.
30. Haji Muhammad Said, Kampung Hangus.

#### **Jajahan Pasir Mas**

31. Haji Daud, Kubang Bunut.
32. Haji Sulaiman Keramat, Pasir Perah.
33. Haji Ismail, Chetok.
34. Haji Ismail, Pangkalan Paung.
35. Haji Yaakub, Kampung Aur Cina.
36. Haji Muhammad Akib, Pangkal Gerap.
37. Tok Bachok @ Haji Muhammad Saleh, Pohon Chelagi.
38. Tok Jias @ Haji Ahmad, Kampung Jias.
39. Tok Ayah Kerasak @ Haji Wan Muhammad, Kampung Kerasak.
40. Tok Wan Hitam @ Haji Abdul Rahman, Kampung Teliar Tua.

#### **Jajahan Tumpat**

41. Tok Ayah Tok Alim @ Haji Abdul Samad, Pangkalan Kekuk.
42. Haji Abdul Malek, Sungai Pinang.
43. Haji Muhammad Saleh, Chelah Gu.
44. Haji Wan Taib, Palekbang.
45. Haji Abbas, Telaga Bata.
46. Haji Tahir, Kampung Lubok Durian.
47. Haji Awang Kechik, Kubang Batang.
48. Haji Wan Muhammad Din, Kampung Kota Kubang Labu.

### **Jajahan Bachok**

49. Tok Pondok @ Haji Senik, Kampung Nipah.
50. Tok Kampung @ Haji Yusuf, Kampung Padang.
51. Datok Segedung Ilmu @ Haji Abdullah, Kampung Kemudi.
52. Haji Ahmad, Tualang Salak.
53. Haji Jamaluddin, Lubok Kawah.
54. Haji Yaakub, Kampung Pak Ali Haji.
55. Lebai Tahir, Pangkalan Cina.
56. Haji Saman, Jejawi.

### **Jajahan Machang**

57. Tok Langgar @ Haji Che Him, Pemanok.
58. Haji Muhammad Arshad, Pulai Chondong.

### **Jajahan Pasir Puteh**

59. Tuan Pangkalan Tangga @ Haji Wan Ismail, Kampung Lembah.
60. Tok Merbol @ Haji Senik, Merbol.

## **TAHAP II (1890–1920-an)**

### **Jajahan Kota Bharu**

61. Mufti Haji Nik Wan Daud, Masjid Besar Kota Bharu.
62. Haji Abdul Rahman, Peringkat.
63. Haji Muhammad Said Khatib, Masjid Besar Kota Bharu.
64. Haji Taib bin Haji Ahmad, Medan Tuan Padang, Kota Bharu.
65. Haji Ahmad, Masjid Langgar, Kota Bharu.
66. Haji Daud, Kampung Menuang.
67. Haji Pak Chik Musa, Masjid Besar, Kota Bharu.
68. Haji Nik Abdul Rahman, Jalan Che Su, Kota Bharu.
69. Haji Ismail Bukit, Jalan Che Su, Kota Bharu.
70. Haji Omar, Kampung Kota, Kota Bharu.
71. Haji Yunus, Padang Bamban.
72. Haji Yusuf, Atas Tubir Gertak Kechupu.
73. Haji Shamsuddin, Kampung Chengal.
74. Ku Haji Nik Abdullah Hakim, Kuala Dasar.
75. Tok Kemboja Tua @ Haji Abdul Manaf, Binjai.

### **Jajahan Tumpat**

76. Haji Wan Mahmud, Pasir Pekan.
77. Haji Che Mamat, Pasir Pekan.
78. Haji Muhammad Said, Kubang Batang.
79. Haji Mat Saman, Lambor.
80. Haji Senik, Lambor.
81. Haji Yusuf, Perupok.
82. Haji Wan Abdullah, Kampung Chap.

### **Jajahan Machang**

83. Tok Kemuning Tua @ Haji Senik/Haji Abdul Hamid, Machang.
84. Haji Yaakub, Pangkal Berangan,
85. Haji Ibrahim, Tok Bok.
86. Haji Yahya Perlis, Baka.
87. Lebai Ismail, Baka.

### **Jajahan Bachok**

88. Lebai Idris, Pangkalan Setol.
89. Haji Mamat, Kampung Panjang.
90. Haji Saleh, Kampung Nipah.

### **Jajahan Pasir Mas**

91. Haji Ahmad, Liang Belut.
92. Wak Haji Khatib @ Haji Ahmad, Bemban-Binjai.

### **Jajahan Pasir Puteh**

93. Haji Daud bin Haji Abdullah, Kampung Durau Pasir Puteh.
94. Haji Senik, Seligi.

## **TAHAP III (1910<sup>15</sup>–1930-an)**

### **Jajahan Kota Bharu**

95. Haji Omar, Sungai Keladi.
96. Haji Wan Muhammad, Lorong Tok Semian.
97. Haji Wan Musa, Jalan Merbau.
98. Haji Wan Abdullah (Tok Khatib Haji Nik Lah), Lorong Tok Semian.
99. Haji Ahmad Hakim, Jalan Merbau.
100. Haji Wan Hasan Kemboja, Atas Banggol.
101. Tok Kenali @ Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad, Masjid Besar/Pondok Kenali.
102. Haji Nik Mahmud, Masjid Besar, Kota Bahru.
103. Haji As'ad Kangkong, Masjid Besar, Kota Bharu.
104. Haji Idris Simpang Lido, Masjid Besar.
105. Haji Ibrahim Tok Raja bin Haji Yusuf, Masjid Besar Kota Bahru/Kampung Penambang.
106. Haji Ismail, Bawah Lembah Lundang.
107. Haji Ahmad Atas Banggol, Pulau Panjang.
108. Tok Wali Haji Ismail, Lundang Paku.
109. Tok Perlis @ Haji Abdullah bin Shamsuddin, Kampung Surau Badang.
110. Tok Jerulong @ Haji Muhammad Said bin Muhammad, Salor.
111. Tok Kemboja @ Haji Ahmad, Binjai.
112. Tok Ayah Kedah @ Haji Arshad, Panchor.

15 Dikecualikan Haji Omar Sungai Keladi (95) yang mulai mengajar di Masjid Besar Kota Bharu pada hari Isnin 9 Januari 1905. kebanyakan guru-guru lain bergiat mulai awal dekad 1910-an. Pada 24 Julai 1913, beliau berpindah daripada rumahnya di Kampung Atas Banggol ke Sungai Keladi kerana membuka pondok sendiri.

113. Haji Awang Che Suri, Lundang Paku.
114. Haji Omar, Kampung Teras Kechik.
115. Haji Muhammad Saleh, Salor.
116. Haji Yunus, Seribong.
117. Haji Muhammad Amin, Kubang Kerian.
118. Haji Abdul Rahman, Kemubu.
119. Haji Ali, Gertak Kechupu.
120. Haji Taib, Seberang Pairs Mas.
121. Haji Che Ismail, Banggol.
122. Haji Ismail, Kedai Buloh.

#### **Jajahan Tumpat**

123. Tok Selehor @ Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman, Selehor.
124. Tok Pulau Ubi @ Haji Yusof bin Abdul Rahman, Sungai Pinang/Pulau Ubi.
125. Haji Che Leh, Kampung Laut.
126. Haji Abbas, Kampung Baru, Pasir Pekan.
127. Haji Abdul Samad, Geting.
128. Haji Nik Dir, Geting.
129. Haji Abdullah, Atas Kok, Geting.

#### **Jajahan Pasir Puteh**

130. Haji Husain, Pangkalan Pauh.
131. Haji Wan Muhammad Alim, Merbol.
132. Haji Awang Limbat @ Haji Wan Ahmad, Bukit Abal.
133. Haji Ismail, Nering.
134. Haji Saman, Kok Jering/Tebing Tinggi.
135. Haji Muhammad Saleh, Wakaf Berangan.

#### **Jajahan Bachok**

136. Tok Bachok @ Haji Uthman, Kampung Tok Burong.
137. Tok Seridik @ Haji Muhammad Saman, Kuala Nipah.
138. Haji Besar @ Haji Ahmad, Badak.
139. Haji Damat, Pauh Sembilan.
140. Haji Che Omar, Teratak Pulau/Cabang Tiga Bator.

#### **Jajahan Machang**

141. Tok Kerawat @ Haji Abdullah bin Haji Omar, Pangkal Nering.
142. Tok Kemuning @ Haji Ismail, Kuin Itam.
143. Tok Buya @ Haji Ismail, Pangkal Meleret.

#### **Jajahan Pasir Mas**

144. Tok Jelapang @ Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdul Halim, Padang Jelepang.
145. Haji Awang Kechik, Kampung Mat Lajin.

Kebanyakan mereka yang tersenarai pada Tahap Ketiga boleh disifatkan sebagai golongan ulama bertuah kerana berpeluang berguru dengan guru-guru

ternama di kota ilmu Makkah. Kota Makkah pada dekad-dekad 1890-an dan 1900-an sememangnya menjadi pusat penyebaran ilmu pengetahuan, menampilkan tokoh-tokoh jempolan seperti Syaikh Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani, Syaikh Muhammad bin Syaikh Ismail Daudi al-Fatani (Syaikh Nik Mat Kecil), Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (Tok Guru Wan Ahmad), Syaikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif Minangkabau, Syaikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syaikh Uthman bin Abdul Wahhab Sarawak, Syaikh Muhammad Ali bin Abdul Rahman al-Kalantani (Tok Wan Ali Kutan), Tuan Abdul Muttalib bin Tuan Faqih Abdullah Kota, Syaikh Said bin Muhammad al-Yamani, Syaikh Mustafa al-Afifi, Syaikh Abdul Karim al-Daghastani, Syaikh Abdul Karim al-Bantani, Syaikh Nawawi Banten, Syaikh Muhammad Said Babsail, Syaikh Surur, Syaikh Saruji, Syaikh Abdullah Senggora, Syaikh Zainuddin Sumbawa, Syaikh Muhammad bin Yusuf al-Khayyat, Syaikh Hasbullah, Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Sayyid Abdullah al-Zawawi, Sayyid Abu Bakri bin Sayyid Muhammad Syata, Sayyid Muhammad Amin bin Sayyid Ahmad dan puluhan mahaguru mursyid yang lain lagi.

#### TAHAP IV (akhir 1920-an – awal 1950-an)

##### Jajahan Kota Bharu

146. Syaikh Uthman Jalaluddin Sering, Kelantan/SeberangPerai.
147. Haji Mat Jebeng, Pondok Lorong Kubor Tok Kenali, Kubang Kerian.
148. Haji Awang Faqir @ Haji Abdullah, Kampung (Ular) Lembu.
149. Haji Abdul Rahman, Lubok Jambu.
150. Haji Abdul Rahman, Kubang Gatal.
151. Haji Mat Diah, Sabak.
152. Haji Seman, Padang Salim.
153. Haji Isa, Serian/Kubang Bemban/Belukar.
154. Haji Muhammad, Pintu Geng.
155. Haji Che Mamat, Padang Mengkali.
156. Haji Muhammad, Kerasak.
157. Haji Wan Ahmad, Pangkalan Kubor.
158. Haji Ibrahim, Pangkal Kalong.
159. Haji Uthman, Kampung Chenerong Tuah/Bot.
160. Haji Che Noh, Penabung/Kelaweh/Jedok.
161. Haji Idris, Pasir Kota.
162. Haji Ismail Gok Kapor, Pasir Tumboh.
163. Haji Yaso<sup>4</sup>, Kampung Kor.

##### Jajahan Pasir Mas

164. Haji Muhammad Zain, Kampung Meranti Kechik.
165. Lebai Deraman, bandar Pasir Mas.
166. Haji Abdullah, Pondok Padang, Bandar Pasir Mas.
167. Haji Omar, Banggol Kulim.
168. Haji Wan Idris, Rasal.
169. Haji Abdullah Jal, Kampung Jalah.
170. Haji Abdullah, Tasek Berangan.



171. Haji Abdul Rahman, Rengas.
172. Haji Isa, Kampung Manok.
173. Ku Haji Sayyid Hasan, Repek/Lemal.

#### **Jajahan Tumpat**

174. Haji Wan Min, Kampung Jal Besar.
175. Haji Muhammad Akib Kelar, Sungai Pinang.
176. Haji Che Mat, Pasir Pekan Hilir.

#### **Jajahan Tanah Merah**

177. Tok Guru Mat Melaka @ Muhammad bin Husain, Pondok Lama.

### **TAHAP V (awal 1930-an – akhir 1950-an)**

#### **Jajahan Kota Bharu**

178. Abang Kub Legor, Masjid Muhammadi.
179. Haji Ahmad Hafiz, Masjid Muhammadi.
180. Haji Yaakub Gajah Mati, Masjid Muhammadi.
181. Haji Ali, Masjid Muhammadi/Pulau Pisang.
182. Haji Abdullah Tahir, Bunut Payong.
183. Haji Abdullah, Tanjong Pagar.
184. Haji Wan Abdul Kadir, Melor.
185. Haji Musa Kota, Batu 8 Kadok.
186. Haji Wan Ismail, Tapang.
187. Haji Awang, Kampung Serendah.
188. Haji Hamzah, Padang Bemban.
189. Haji Hasbullah, Bot.
190. Haji Muhammad Nor bin Haji Abdullah, Bot.

#### **Jajahan Pasir Puteh**

191. Haji Ahmad Garam, Gong Datok.
192. Maulana Abdullah Noh, Wakaf Bunut/Dalam Kemunting.
193. Haji Wan Hasan Besut, Wakaf Bunut.
194. Haji Daud, Selising.
195. Haji Idris, Lepah.
196. Haji Abdul Muttalib Mahligai, Bukit Abal.
197. Haji Muhammad, Padang Seladang.
198. Haji Daud Limbat, Bukit Abal.
199. Haji Abdul Rahman, Masjid Ibrahimi.

#### **Jajahan Pasir Mas**

200. Haji Awang, Kampung Cherang/Kampung Mat Lajin.
201. Pak Teh Haji Yunus, Kampung Sakar.
202. Haji Abdullah, Tal Tujuh.
203. Haji Abdul Rahman, Tepi Sungai Tendong.
204. Haji Ahmad, Batu Tiga.
205. Haji Abdullah, Lati.
206. Haji Abdul Rahman, Pondok Lubok Tapah.

### **Jajahan Bachok**

207. Haji Muhammad Amin, Temesu.
208. Haji Awang Baruh @ Haji Abdul Rahman, Kemudi.
209. Haji Yaakub, Nipah.
210. Haji Mat Tubuh, Panchor Beris.

### **Jajahan Tumpat**

211. Haji Ismail Kampung Besar Surau Beganding, Chenderong Batu.
212. Haji Awang Lambor @ Haji Abdullah, Padang Merbau.
213. Haji Muhammad Saleh Pedada, Kampung Bunohan.
214. Haji Abdullah, Kampung Bunut Sarang Burong.

### **Jajahan Machang**

215. Haji Abdul Jalal, Paloh Rawa.
216. Haji Ahmad, Kampung Padang, Temangan.

### **Jajahan Tanah Merah**

217. Haji Nik Daud, Pondok Lama.

## **TAHAP VI (akhir 1930-an – awal 1960-an)**

### **Jajahan Kota Bharu**

218. Haji Ali Pasir Pekan, Ketereh/Pasir Puteh.
219. Haji Nik Abdul Rahman Khatib bin Haji Nik Abdullah, Lorong Tok Semian.
220. Haji Yusuf Bukit Abal, Kampung Panjang.
221. Haji Mat Pauh, Beris Kubor Jambu/Rambutan Rendang.
222. Haji Hasan, Ketereh.
223. Haji Ismail, Perol.
224. Haji Abdullah, Kok Lanas.
225. Haji Abdullah Takang, Pondok Lorong Kubor Tok Kenali, Kubang Kerian.
226. Pak Chik Haji Hasan, Kedai Baru.
227. Haji Muhammad Nor, Kedai Mulong.
228. Haji Che Mat, Padang Upeh.
229. Haji Ahmad Bakok, Pondok Kenali.
230. Haji Abdul Latif, Padang Lengkuas.

### **Jajahan Pasir Mas**

231. Haji Abdullah, Aur Cina.
232. Haji Abdullah Gemuk, Cherang Tok Rong/Hutan Pasir.
233. Haji Che Hasan, Pondok Lemal.
234. Haji Abdul Ghani, Kubang Bemban.
235. Pak Su Wail @ Haji Ismail, Kampung Dangar.
236. Sheikh Ahmad, Kubang Batang.
237. Haji Mat Saleh, Padang Che Sulaiman.
238. Haji Abdul Latif, Banggol Kulim.
239. Haji Zakaria, Kubang Pak Amin.

- 240. Haji Yusuf, Alor Lenggok.
- 241. Haji Ibrahim, Kampung Perah.
- 242. Haji Uthman, Chicha Tinggi.
- 243. Haji Abdul Rahman, Dalam Pator.

#### **Jajahan Tumpat**

- 244. Haji Daud, Geting.
- 245. Haji Muhammad, Chekok Geting.
- 246. Haji Awang Beta, Cherang Melintang.
- 247. Haji Daud, Pohon Tanjong/Chabang Empat.
- 248. Haji Yaakub Kelong, Berangan.
- 249. Haji Abdullah, Kampung Laut.
- 250. Haji Nik Mat, Geting.

#### **Jajahan Machang**

- 251. Haji Muhammad Zain, Kampung Galang Hulu.
- 252. Haji Ghazali bin Haji Ismail, Kampung Galang Hilir.
- 253. Haji Wan Yusuf bin Haji Wan Ngah, Kemuning.

#### **Jajahan Bachok**

- 254. Haji Daud, Wakaf Zing.
- 255. Haji Awang Noh, Beris Kubor Besar.

#### **Jajahan Pasir Puteh**

- 256. Haji Abdul Kadir, Gaal Hulu.
- 257. Haji Nik Soh, Kedai Menanti.

### **TAHAP VII (1950-an – 1980-an)**

#### **Jajahan Pasir Mas**

- 258. Haji Abdul Rahman, Slow Machang.
- 259. Haji Yusuf, Jabor.
- 260. Haji Wan Mamat, Paya Ular.
- 261. Haji Che Ibrahim, Kampung Apa-Apa.
- 262. Haji Omar, Kubang Bemban.
- 263. Haji Harun, Batu Tiga.
- 264. Haji Sulaiman, Kampung Siram.
- 265. Haji Zakaria, Banggol Setol.
- 266. Haji Abdullah, Lubok Tapah.

#### **Jajahan Kota Bharu**

- 267. Haji Yusuf Nasruddin, Kampung Bemban.
- 268. Haji Ismail, Padang Lepai.
- 269. Haji Ismail, Dendang.
- 270. Haji Daud, Mahligai.
- 271. Haji Mustafa, Terusan.
- 272. Haji Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar, Terusan
- 273. Haji Hashim Kedah, Terusan.

**GAMBAR AHLI JEMAAH ULAMA MAJLIS AGAMA ISLAM KELANTAN  
PADA TAHUN 1964**



*Duduk dari kanan: Haji Muhammad bin Idris (Haji Mat Pauh); Haji Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdullah (Khatib); Haji Ahmad Maherat-Azhari bin Haji Ismail (Dato' Mufti Kelantan dan Pengerusi); Haji Muhammad Ali Solahuddin bin Awane (Haji Ali Pulau Pisang); dan Haji Husam Rahim bin Haji Saman (Burnut Payong).*

*Berdiri dari kanan: Haji Yaakub bin Haji Hasan (Seritauसाहा); Haji Ghazali bin Haji Ismail (Pondok Galang Hilir Pasir Puteh); Haji Muhd. Nor bin Haji Abdullah (Pondok Bor); Haji Wan Yusof bin Haji Che Tengah (Kemuning); Haji Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar (Pondok Terusan); Haji Abdul Ghani bin Haji Awang Kechik (Pondok Kubang Bemban); Haji Muhammad bin Haji Yusuf (Atas Banggol) dan Haji Muhammad bin Abu Bakar (Kerani Mesyuarat).*

### **Jajahan Tanah Merah**

- 274. Yusuf, Bukit Panau.
- 275. Haji Wook, Panglima Bayu.
- 276. Haji Muhammad, Pondok Baru Padang Siam.
- 277. Haji Wan Daud, Pondok Jenub.
- 278. Haji Muhammad, Repoh Jagung/Bukit Gading.

### **Jajahan Pasir Puteh**

- 279. Haji Muhammad, Selising.
- 280. Haji Zakaria, Selising.

### **Jajahan Tumpat**

- 281. Haji Sulaiman, Chabang Tiga Berangan.
- 282. Haji Wan Mat, Jal Besar.

### **Jajahan Machang**

- 283. Haji Awang Muhammad, Kampung Kak Bah.

### **Jajahan Kuala Krai**

- 284. Haji Abdul Rahman, Sungai Durian.

### **Jajahan Bachok**

- 285. Haji Awang Padang @ Muhammad, Kolam.

Dari tokoh-tokoh yang tersenarai di atas, hanya di bilangan 190, 214, 242, 243, 257, 263, 264, 265, 266, 270, 273, 278, 281, 282 dan 285 yang masih hidup pada masa tulisan ini disiapkan (30 Jun 1991).

Perlu diingatkan, senarai tersebut di atas bukanlah satu daftar yang paling lengkap. Masih ada ramai lagi tokoh ulama/guru pondok tempatan yang belum diketengahkan pada kesempatan kali ini.

### **Pondok Masyhur Dewasa Ini**

Tiga buah pondok tradisional paling masyhur dewasa ini yang telah kematian guru pengasas tetapi masih mampu bergiat dengan jayanya kerana ada guru pelapis dan penerus yang karismatik ialah Pondok Terusan/Pasir Tumbuh (Jajahan Kota Bharu), Pondok Lubok Tapah (Jajahan Pasir Mas) dan Pondok Sungai Durian (Jajahan Kuala Krai). Huraian singkatnya seperti berikut:

#### **a) Pondok Terusan**

Diasaskan pada tahun 1954 oleh Haji Mustafa bin Haji Abu Bakar dan saudaranya, Haji Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar serta dibantu oleh ipar mereka, Haji Hashim bin Haji Abu Bakar Kedah. Menampung ribuan anak pondok dari seluruh negara, malah kira-kira separuh daripada penghuninya berasal daripada luar Kelantan. Haji Mustafa meninggal pada 19 April 1984, manakala Haji Abdul pula pada 18 Jun 1987. Kini diterajui oleh Haji Hashim Kedah bersama 22 orang guru pembantu, termasuk Haji Atiqullah bin Tuan Guru Haji Yaakub Gong Serai, iaitu menantu Haji Abdul Aziz sendiri.

#### b) Pondok Lubok Tapah

Diasaskan pada tahun 1932 oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Che Wan serta dibantu oleh besannya, Haji Abdul Rahman bin Haji Ngah, selaku guru al-Quran. Akhir 1960-an, Haji Abdullah (anaknyanya) pulang ke tanahair setelah menuntut selama 14 tahun di kota Makkah. Ini meneguhkan lagi keyakinan orang ramai terhadap pondoknya. Haji Abdul Rahman bin Haji Che Wan meninggal di Lubok Tapah, Pasir Mas pada 4 Februari 1989, manakala Haji Abdul Rahman bin Haji Ngah pula meninggal di Makkah pada 8 Oktober 1983. Sekarang, Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman bukan sahaja bertanggungjawab terhadap Pondok Lubok Tapah, tetapi juga berulang mengajar di Pondok Kubang Bemban peninggalan bapa mertuanya, Tuan Guru Haji Abdul Ghani bin Haji Awang Kechik yang meninggal dunia pada 15 Jun 1985.

#### c) Pondok Sungai Durian

Diasaskan pada 25 Ogos 1958 oleh Haji Abdul Rahman bin Sulaiman dan terus menerajuiannya sehingga ke akhir hayatnya pada 20 Ogos 1988. Sekarang diteruskan oleh anaknya, Haji Ahmad Shukri dan dibantu oleh saudaranya, Pak Su Wail @ Haji Ismail Sulaiman.

#### Pondok Baru

Antara sekolah pondok lain yang baru dibuka di seluruh negeri Kelantan sepanjang 10 tahun yang lalu termasuklah yang dibangunkan di Padang Tunjong (tapak baru), Kampung Pek, Mengkebang, Telaga Lanas/Geting, Banggol Neing/Gelang Mas, Bukit Gading, Permatang Sungkai dan Pusat Pengajian Pondok kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) di Kampung Telong, Kandis, dalam Jajahan Bachok. Madinatul Ilmi, sebuah lagi pusat pendidikan Islam yang berdasarkan madrasah rasulullah s.a.w, telah dipersetujui penubuhannya pada 22 Disember 1984 dan muali bergerak dua tahun kemudian. Kampus kekalnya tidak berjauhan dari tapak Pondok Moden YIK di Kampung Telong, Kandis termaklum. Mutakhirnya, Institut Pendidikan al-Balaghulmubin al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Aaifuddin di Rong Chenok, Kangkong, Pasir Mas yang diusahakan oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir (bekas Menteri Besar Kelantan).

#### Pondok Mati Awal

Umumnya mengetahui bahawa hidup mati atau jatuh bangun dan maju mundurnya sesebuah pondok itu bergantung pada kecekepan pengasasnya dalam menyediakan guru pelapis, juga pengaruh usia dan keadaan kesihatan tok guru.

Dalam pada itu pun ada juga pondok yang mati awal, yakni berubah menjadi malap semasa tok gurunya masih hidup dan masih sihat. Sebabnya bermacam-macam, termasuk masalah dalaman dan luaran, juga melibatkan persaingan dan cabaran semasa yang mengaitkan soal-soal peribadi serta fahaman siasah seseorang tokoh. Mereka termasuk:

1. Haji Che Omar bin Che Mamat, Bator.
2. Haji Muhammad Saleh bin Yusuf, Kampung Bunohan.
3. Haji Muhammad Nor bin Haji Abdullah, Kampung Bot.

4. Haji Abdullah bin Haji Muhammad Saleh, Bunut Sarang Burong.
5. Haji Ghazali bin Jalaluddin Lubis, Lubok Jong.
6. Haji Mat Pauh (Muhammad bin Idris), Neris Jambu/Rambutan Rendang.
7. Haji Abdullah bin Musa, Kampung Laut.
8. Haji Ahmad bin Yusuf, Padang Upeh.
9. Haji Uthman bin Musa, Padang Siam.
10. Haji Abdul Rahman bin Muhammad Amin, Dalam Pator. ;
11. Haji Muhammad Sulaiman bin Haji Omar, Chabang Tiga Berangan.
12. Haji Muhammad Nor bin Haji Abdullah, Teliar.

### **Generasi Kelahiran Pondok**

Walaupun apa pun pandangan dan tohmahan masyarakat masa sekarang terhadap sekolah pondok, namun lipatan sejarah tetap mengabadikannya sebagai institusi pemasyarakatan yang telah berjaya mentarbiah dan melahirkan insan-insan yang berakhlak tinggi, peribadi-peribadi yang bersedia memberi khidmat kemasyarakatan, golongan pejuang dan ilmuwan berpendidikan agama yang sanggup hidup berdikari.

### **Peribadi Unggul**

Bukti sekolah pondok telah melahirkan ramai insan yang berperibadi unggul adalah seperti yang disenaraikan dibawah ini (sekadar menyebut beberapa nama):

1. Tok Perlis @ Haji Abdullah bin Shamsuddin, guru pondok Kampung Surau Badang (lepasan Makkah).
2. Tok Lebai Che Noh bin Che Long, Kampung Lapang Pari (murid Tok Perlis).
3. Haji Che Leh bin Che Isa, guru pondok Kampung Laut (murid Haji Che Tahir bin Che Senik, Kampung Laut).
4. Haji Yasok bin Haji Saleh, guru pondok Kampung Kor (murid Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Kota Bharu).
5. Pak Teh Haji Yunus bin Haji Ali, guru pondok Kampung Sakar (lepasan pondok Pattani).

Sekilas senario tentang peribadi tokoh-tokoh yang tersebut di atas (tiga contoh sahaja) adalah seperti berikut:

- Kampus perpondokan Tok Perlis dipisahkan menjadi dua zon (dipagari sasak buluh). pondok dalam (berkelamin) dan pondok luar (bujang). Juga melibatkan pengasingan di antara anak pondok lelaki dan perempuan dalam segala majlis dan kegiatan. Matlamatnya, membina keperibadian unggul yang terpelihara dari pangaruh keruntuhan jiwa dan kerosakan akhlak.
- Tuan Guru Haji Che Leh Kampung Laut disebut-sebut seorang yang kuat beramal, dilakukan secara istiqamah sehingga tidak cukup tidur; makan pun sedikit sampai menjejas kesihatan dirinya. Apabila sakit, enggan berubat, tetapi tidak mengeluh. Tidak menggunakan sabun wangi, kluatir keharuman bau sabun akan menyinggung ketenteraman orang lain.

- Pak Teh Haji Yunus Kampung Sakar terkenal sebagai seorang ahli tasawwuf yang pemurah. Daripada nada ketak ayam peliharaannya dia tahu ada orang yang sedang mencuri, tetapi dia tidak marah. Sebaliknya meminta si pencuri itu supaya mengambil yang besar-besar sahaja dahulu, tinggalkan yang kecil-kecil sebagai baka. Apabila jangkanya sudah dewasa kelak serta biak molek, datanglah semula dan ambil pula mana-mana yang berkenan.!

### **Khidmat Masyarakat**

Antara peribadi yang banyak memberi khidmat kemasyarakatan termasuklah Haji Abdul Salam Padang Salim, Haji Jamaluddin Peringkat, Haji Boto' Padang Bemban, Tok Kasim Kelar, Lebai Deraman Pasir Mas dan Pak Su Wail Kampung Dangar.

- Haji Abdul Salam Padang Salim yang masyhur alim kitab Jawi dan Quran itu, semasa mudanya (pertengahan abad 19) memondok di Pattani. Giat menulis papan berayat (seperti loh) untuk hafalan dan rujukan murid-muridnya. Tempat dia menulisnya ialah di atas alang rumah yang dibentuk semacam para. Muslihatnya supaya terlepas daripada gangguan anak cucunya.
- Haji Jamaluddin Peringkat yang pernah berguru dengan Tok Pulai Chondong ini terkenal sebagai seorang imam mukim dan pemimpin masyarakat yang berkarisma. Mengerah anak mukim dan sama-sama merintis/menggali parit guna mengalirkan air daripada Baruh Kubang Gatal melintasi jalan utama Peringkat-Gunung, sepanjang 2.4 kilometer Langkah bijak membuang air sedemikian membolehkan anak mukimnya mengerjakan bendang padi (kerana tidak digenangi air secara berlebihan).
- Tok Kasim Kampung Kelar (murid Tok Konok Kota Bharu) pula masyhur sebagai seorang guru Quran yang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan murid dan kehadiran kelas bimbingannya. Jika didapati ada mana-mana murid yang tidak hadir tiga hari berturut-turut, dia sendiri akan pergi siasat di rumah murid berkenaan, menanya kedudukan yang sebenar. Sebab itulah ramai anak didiknya berjaya menjadi guru pelapis yang dihormati.
- Tuan Guru Lebai Deraman Pasir Mas (murid Tok Jerulong Salor) disebut-sebut tidak menunaikan rukun Islam yang kelima kerana tidak berwang (bukan faktor tunggal); pun enggan menerima pemberian daripada orang ramai. Sebaliknya, hendak pergi ke Makkah dengan duit simpanannya sendiri. Wallahu a'lam.
- Tuan Guru Pak Su Wail Kampung Dangar (muird Tok Selehor) pun mengambil sikap seperti Lebai Deraman juga. Hanya pada tahun 1979 baru menunaikan fardu haji, iaitu tiga tahun sebelum kematiannya (14 Januari 1982).

Tegasnya, walaupun tergolong pemimpin masyarakat yang disegani, mereka tidak ingin menyusahkan anak buah mereka. Tetapi lebih rela menjadi penyuluh, ibarat karak atau obor yang sedia membakar diri, buat petunjuk generasi muda.



## Hidup Berdikari

Antara beberapa ramai ilmuan yang sanggup menghadapi cabaran dan pancaroba hidup secara berdikari ialah Tok Pulau Ubi, Haji Nik Mat Geting, Haji Abdul Rahman Sungai Durian, Haji Ibrahim Kenor @ Ustaz Him Madinah, Pak Chik Musa Sabak/Tumpat dan Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady Kampung Telok/Masjid Kasar. Hidup mereka penuh dengan suka duka.

Tok Pulau Ubi @ Haji Yusuf bin Abdul Rahman yang telah berjaya membuka pondok di Sungai Pinang dengan rela hatinya mengundur diri jauh-jauh ke Pulau Ubi, di sirip negeri Kelantan. Peristiwa tersebut berlaku pada pertengahan tahun 1916 setelah dia ditawarkan jawatan Mufti bagi menggantikan Haji Wan Musa yang telah meletak jawatan. Dia bukan setakat menolak, malah lebih gembira berjauhan daripada ibu negeri kerana ingin menghirup udara kebebasan. Berkat niat baiknya, Pondok Pulau Ubi kemudiannya muncul sebagai salah sebuah sekolah pondok yang paling terkemuka di Tumpat Barat. Antara murid-murid kenamaannya ialah Syaikh Uthman Jalaluddin Sering, Haji Ali Pulau Pisang, Haji Daud Geting dan Haji Nik Mat Geting.

Haji Nik Mat Geting pula masyhur kerana berjaya meneruskan sekolah pondok peninggalan ayahandanya (Tuan Guru Haji Abdullah bin Ismail), di samping menubuhkan Madrasah Meheliah iaitu Sekolah Menengah Agama (Arab) persendirian yang terbesar di sebelah barat Sungai Kelantan. Ia bukan sahaja menampung keperluan tempatan, malah ratusan pelajar dari seberang sempadan (Thailand) juga. Tuan Guru Haji Nik Mat meninggal dunia pada 26 Februari 1991 dalam usia genap 76 tahun.

Cabaran yang dihadapi oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Sungai Durian pun tidak kurang hebatnya. Selepas menuntut di beberapa buah sekolah pondok dan di Makkah, akhirnya dia membeli tanah di Sungai Durian di pinggir bandar Kuala Krai dan membuka madrasah yang berserampang dua mata: sekolah pondok berkitab dan sekolah menengah (Arab) moden. Kurikulumnya, 100% berunsur agama.

Apa yang sangat membanggakan ialah kesediaan pihak Universiti Islam Madinah menerima para lulusannya. Antara tokoh pelajarnya termasuk Ustaz Ibrahim Mahmud daripada Kampung Kenor yang pada tahun 1984 berjaya mengasaskan pondok sendiri — Darul Quran, bertempat di Rancangan Kemajuan Tanah Mengkebang, Kuala Krai. Dan dalam pilihanraya umum tahun 1990, dia terpilih menjadi Ahli Parlimen Kuala Krai.

Sementara Ustaz Muhammad Uthman bin Muhammad pula, pada tahun 1973, dengan tekad tersendiri melepaskan jawatan pensyarah Universiti Malaya dan selanjutnya membentuk insittusi terbiyah Islamiah sendiri, berpusat di Masjid Kampung Kasar/Tal Tujuh, Pasir Mas. Pun begitu, dia sering dijemput membenteng kertas kerja keagamaan di dalam dan di luar Kelantan, serta diberi kepercayaan menganggotai pelbagai badan dakwah dan pertubuhan kebajikan, termasuk menjadi ahli Dewan Syura, Majlis Agama Islam Kelantan.

## Pecah Ruyung

Walau apa pun tuah nasib yang menyelubungi kehidupan guru-guru pondok dan para ilmuan didikan mereka, kita harus ingat bahawa jarang sekali ilmu datang secara terus (ilmu ladunni). Lazimnya dapat dicapai hanya setelah ber-

jerih payah “memecah ruyung” atau selepas “berakit-rakit ke hulu” sebagaimana coretan yang berikut ini:

1. Haji Abdul Malek bin Hasan (meninggal 18 Disember 1934), Sungai Pinang. Sewaktu kecilnya, tidak mampu beli masyaf, lantaran itu tidak berani naik belajar di atas rumah tok guru seperti budak-budak lain. Hanya berdiri di tepi tangga, tumpang mengikuti pengajaran guru kepada rakan-rakannya yang mempunyai naskhah al-Quran. Ada kalanya dia menulis atas papan loh; apabila ruangan menjadi penuh lalu disapunya dan ditulis semula. Lama kelamaan dia diberi upah menyalin – dapatlah “sekepeng dua” untuk satu papan. Dengan bantuan masyarakat kampung, dapat meneruskan pengajian ke pondok Pattani dan seterusnya ke Makkah. Di Kota Makkah juga di kerap menulis kitab dan menyalin al-Quran. Akhirnya, Pondok Sungai Pinang yang diterajunya berjaya melahirkan tokoh-tokoh penting seperti Haji Ibrahim Tok Raja daripada Kampung Penambang, Haji Yusuf Pulau Ubi, Haji Muhammad Akib Kelar dan Haji Ali Pulau Pisang.

2. Tok Jerulong @ Haji Muhammad Said bin Muhammad (meninggal 13 Mei 1939), Salor. Asalnya seorang yang berat tulang lagi celika. Akhirnya berasa malu dan terasa tercabar, lebih-lebih lagi bacaan Qurannya berbunyi telor kerana tidak dapat menyebut huruf ra’ dengan betul. Asyik kena tegur, malah disindir oleh Haji Diman, gurunya. Lalu dia merantau mencari ilmu dengan tekad tidak akan pulang selagi belum mampu mengajar Abbas, anak Haji Diman. Antara guru-guru awalnya ialah Haji Abdul Malek Sungai Pinang, serta Haji Awang Alim Atas Banggol, Haji Ismail Kadi Jalan Atas Banggol dan Tuan Tabal di Lorong Tok Semian, Kota Bharu. Apabila terasa dahaga (se-pulangannya daripada mengaji), terus mencapai katam tebu yang terletak di bawah kekuda kitab, lalu disuling dua ruas, iaitu sementara menunggu nasi masak. Tahun 1886, belayar ke Makkah dan menuntut ilmu selama saku abad. Apabila pulang, bukan sahaja boleh mengajar anak bekas gurunya dahulu, malah berjaya membuka pondok besar di kampungnya. Lebai Deraman bin Muhammad, guru pondok masyhur di bandar Pasir Mas itu pun termasuk salah seorang murid Tok Jerulong.

3. Tok Salehor @ Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman (meninggal 20 Februari 1935). Pada zaman mudanya paling lakling dan gemar belajar seni silat. Sebelum sempat pelimau lagi sudah mampu perebah (menjatuhkan) guru orang. Terkenal bekang dan berhati berani. Sanggup tidur di bawah sarang tebu. Dalam satu peristiwa lain, pulang mengambil lembing untuk berlawan dengan lembu yang menyerangnya. Lapan kali terlibat ‘makan pinjaman’ bertikam di Besut, Terangganu bersama Haji Omar Berangan. Umur sekitar 26 tahun, iaitu setelah beroleh dua orang anak baru pergi menuntut ilmu agama di Pondok Chaok, Pattani. Dalam perjalanan, terserempak dengan Awang Tunggal Buluh (ketua penjahat) dan pengikut-pengikutnya yang ‘bersarang’ di tepi pantai Bukit Tanjong. Berpunca duit bekal 10 kupang, rela bertikam hampir satu jam. Tetapi sama-sama tidak kalah menang dan akhirnya mereka berdamai.

Selepas berguru di Pattani pergi menyambung pula ke Makkah dan sekitar tahun 1921 pulang membuka pondok di kampungnya – mendidik tokoh-tokoh

penting seperti Pak Su Wail Kampung Dangar, Haji Wan Abdul Latif Jerteh, Haji Muhammad Diah Sabak, Haji Abdul Rahman Tendong, Haji Muhammad Padang Seladang, Haji Abdullah Kampung Jalah, Haji Daud Pendekar Chabang Empat Tok Mek Ngah, Haji Abdullah Pondok Padang (Pasir Mas), Haji Saleh Pedada Bunohan, Haji Yaakub Wakaf Bharu, Haji Abdul Rahman Tasawwuf Wakaf Bharu dan ramai lagi.

4. Tok Jelepong @ Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdul Halim (meninggal 4 Mei 1935). Bawa isteri dan dua orang anak sebagai pendorong ketika mula-mula pergi memondok di Chaok, Pattani. Untuk saraan sekeluarga di bertukang rumah, mengambil upah mendirikan bangsal pondok dan membuat cerana (tepak sirih). Pengajian selanjutnya disambung di Makkah. Sekembali di Kelantan, membuka pondok di Palekbang (tempat asalnya). Kemudian berpindah ke Padang Jelapang di Pasir Mas. Di sinilah puncak kegiatan keguruannya. Antara murid-murid kanannya termasuk Haji Abdul Rahman Lubok Tapah, Haji Abdullah Lati, Haji Abdul Ghani Kubang Bemban, Haji Che Hasan Lemal, Haji Hasan Keterah dan Haji Abdullah Kampung Laut – kesemuanya tokoh guru pondok kenamaan. Daripada Padang Jelepong, di berpindah ke Pondok Dalam di bandar Pasir Mas. Dan sekitar tahun 1932, berhijrah menyeberangi Sungai Golok – berkebulan dan membangun Pekan Golok yang masih penuh dengan rimba. Di pekan sempadan ini jugalah dia menetap sehingga ke akhir hayatnya.

5. Tok Seridik @ Haji Saman bin Awang Senik (meninggal 11 Disember 1935). Pengasas Pondok Kuala Nipah, Bachok. Berlatar belakang hidup yang sangat daif, sekitar awal tahun 1890-an dia merantau ke Pattani dengan menumpang perahu pedagang garam yang berulang-alik di antara Terengganu dengan Pattani. Berpindah daripada kampung ke kampung mencari rezeki sambil membuat kerja berat. Hanya pada tahun 1894 baru mulai memondok di Seridik dan enam tahun kemudian (atas nasihat gurunya) berpindah pula ke Pondok Haji Abdul Latif di Garak, belajar selama 12 tahun lagi. Berkat ketekunannya menyalin pelbagai kitab Arab dan Jawi, akhirnya dia muncul sebagai seorang penulis khat dan kaligrafi yang ternama.

Di samping itu belajar juga ilmu-ilmu muslihat keduniaan, termasuk ilmu, gagah, ilmu besi dan petua berjalan cedas/cepat. Akhirnya pergi menamat di kota ilmu Makkah. Penghujung Perang Dunia Pertama (tahun 1918) selamat pulang ke Kelantan, lalu membuka Pondok Kuala Nipah yang masyhur itu. Antara murid-murid utamanya tersenarai nama Haji Abdul Muttalib Bukit Abal, Haji Daud Limbat/Bukit Abal, Haji Yaakub Nipah (pendiri sekolah bercorak madrasah, pendekar dan bomoh) dan Haji Yaakub 'Misal Empat' Kampung Chengal (mahaguru silat gayungan dan mudin terkenal).

6. Haji Idris bin Senik (meninggal tahun ± 1946), Kampung Tok Burong, Bachok. Antara pengalaman suka duka semasa remajanya ialah ketika dalam perjalanan ke Pattani. Dengan berbekalkan beras satu len (dua kopi/tin susu kecil) yang dicetum dalam kain kandi dia berjalan kaki menyusuri pantai. Apabila terasa lapar/dahaga dicelupnya kandi beras tersebut ke dalam air lalu

dihisap. Berguru dengan Tok Maban dan akhirnya terkenal alim sebagai guru al-Quran dan qurra', bomoh ular dan penyakit kayap. Mengajar di beberapa tempat: Kampung Tok Burong, Kampung Telok, Kampung Puteh, Pangkalan Haji Ali, Mek Dayang, Jelawat, Bukit Tanah (Pasir Puteh), Padang Kala dan Tualang Rendah (tempat dia meninggal). Dua orang murid kanannya ialah Pak Chu Lah @ Haji Abdullah bin Awang Senik, Cherang Hangus dan Haji Awang bin Jusoh, Kuin Pasir.

7. Haji Isa bin Derasa @ Lebai Hamad (meninggal sekitar akhir tahun 1949 atau awal tahun 1950), Kampung Belukar, Salor. Semasa mudanya pergi memondok di Pondok Haji Awang Besar, Bendang Lima dan Haji Muhammad Saleh dalam wilayah Pattani. Pulang tiga tahun sekali. Berjalan kaki menyusuri pantai. Pada waktu malamnya, sering kambus tubuh dalam pasir kerana mengelak daripada gangguan penjahat dan ancaman binatang buas. Selepas berjalan lima atau enam malam baru sampai ke destinasi. Menuntut selama 9 atau 14 tahun (khilaf), kemudian (kira-kira tahun 1896) melanjut pengajian di Makkah sehingga tamat ilmu qira'at yang Tujuh Syaikh itu. Tiga lokasi tempat mengajarnya ialah di Kampung Serian, Kota Bharu (7 tahun), dalam Pondok Haji Abdul Ghani Kubang Bemban di Pasir Mas (11 tahun) dan akhirnya pulang menetap di Kampung Belukar, Padang Tengah, Salor di Jajahan Kota Bharu.

Betapa tabah dan cekalnya hati dan semangat anak-anak pondok zaman lampau merantau jauh mencari ilmu.

Keperihatinan mereka berhijrah dari satu tempat ke tempat lain mengembang pendidikan agama, meneroka perkampungan baru bagi mendirikan sekolah pondok guna memenuhi keperluan pendidikan agama di kalangan penduduk sesebuah kampung, juga patut disanjung tinggi, dihormati dan dihargai.

### Generasi Ulama

Mereka, antara lainnya telah melahirkan generasi ulama terbilang sebagaimana berikut, merangkumi pelbagai kegiatan hidup:

- Penterjemah, pengarang dan penerbit seperti Dato' Lela Negara @ Haji Che Ahmad bin Ismail, Kota Bharu (murid Tok Kenali).
- Tokoh pentadbiran, ahli agama, pengarang dan wartawan ulung seperti Dato' Laksamana @ Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said Khatib, Kota Bharu (murid Dato' Muhammad Ghazali bin Muhammad Arifin Singapura, Syaikh Wan Ahmad al-Fatani Makkah, Syaikh Nik Mat Kecil Makkah dan lain-lain).
- Penterjemah, pengarang, sejarawan, ahli siasah dan guru pondok seperti Haji Abdullah Abbas Nasution, Tanjong Pauh, Jitra, Kedah (murid Tok Kenali, Haji Ahmad Maher, Haji Abdullah Tahir Bunut Payong dan lain-lain).
- Penterjemah, pengarang dan penyusun kamus seperti Pujangga Syaikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi, Perak (murid Tok Kenali dan lain-lain), yang juga Tokoh Ma'al Hijrah I.
- Sasterawan Islam dan pendiri pondok moden seperti Syaikh Uthman Jalaluddin Sering yang berpindah ke Penanti, Bukit Mertajam, Seberang Perak (murid Tok Kenali dan lain-lain).

- Ahli siasah, pemidato, pengupas Quran/hadis, nasionalis dan perwira bangsa seperti Maulana Haji Abdullah Noh, Pasir Puteh (murid Tok Kenali, Haji Wan Musa dan lain-lain).
- Pemikir kemasyarakatan, penulis kreatif, novelis, pejuang kebangsaan, wartawan, sasterawan dan penulis petisen seperti Abdul Kadir Adabi bin Ahmad, Kota Bharu (murid Tok Kenali, Tok Kerawat, Dato' Laksamana dan lain-lain).
- Penyelidik, sejarawan, pencipta kamus, penyusun ensiklopedia, sarjana persuratan, ahli siasah dan budayawan seperti Sa'ad Shukri bin Haji Muda, Kota Bharu (lepasan kampus Masjid Besar Kota Bharu).
- Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri seperti Haji Che Hasan Lemal (murid Tok Jelapang), Haji Muhammad Padang Seladang (murid Tok Kenali, Tok Selehor dan lain-lain), Ustaz Haji Abdullah Baung (murid Ku Haji Sayyid Hasan Batu Tiga/Lemal, Haji Mat Jebeng Kubang Kerian, Maulana Abdullah Noh Dalam Kemunting dan lain-lain).
- Tukang-tukang Lagu seperti Haji Ahmad bin Mat Som Pergau (murid Lebai Deraman Pasir Mas, Haji Mahmud Pasir Mas, Haji Pak Muda @ Haji Ahmad bin Muhammad, Lemal; Syaikh Ahmad Hejazi, Syaikh Abdul Samad Jambi dan lain-lain) dan Haji Yusuf bin Haji Bulat Kedondong (murid Tok Ayah Kerasak).
- Tok-tok bomoh seperti Tok Wali Haji Taib Membatu (murid Haji Abdul Rahman Kemubu, Tok Kerawat, Dr. John Desmond Gimlette Kota Bharu dan lain-lain), Haji Yusuf Bukit Abal (murid Haji Haji Abdullah Tahir Bunut Payong dan lain-lain) dan Pak Nik Mahmud 'Api' Kampung Kor (murid Haji Yasok Pondok Kor dan lain-lain).
- Tok Agama, pejuang kemerdekaan, veteran politik, ahli pemidato, dramatis dan sasterawan seperti Dato' Haji Mohd. Asri bin Haji Muda (lepasan Sekolah Majlis, Pondok Masjid Muhammadi dan lain-lain) yang juga tokoh Maal Hijrah tahun 1412 Hijrah.

### **Guru Quran**

Tidak kurang menariknya ialah guru pondok yang antara lainnya terkenal sebagai guru Quran/qira'at yang mahir di Kelantan dan mengasuh ramai murid/guru pelapis yang bersinambung, seperti:

1. Haji Abdul Malek bin Hassan, Sungai Pinang (lepasan Pattani dan Makkah).
2. Tok Mesir @ Haji Wan Mahmud, Kota Bharu (lepasan Mesir).
3. Haji Daud, Kubang Bunut (lepasan Mesir).
4. Tok Konok @ Haji Nik Zainal bin Nik Ismail, Kota Bharu (lepasan Makkah).
5. Tok Lebai Deris, Pangkalan Setol (murid Tok Konok).
6. Haji Omar, Banggol Kulim (murid Lebai Deris dan lain-lain).
7. Haji Muhammad Amin, Kubang Kerian (murid Tok Senggora dan lain-lain).
8. Haji Ahmad al-Hafiz, Masjid Muhammadi Kota Bharu (murid Tok Senggora).

9. Haji Abdullah, Masjid Ibrahim Pasir Puteh (murid Syaikh Noh Jamaluddin al-Kalantani, Makkah dan lain-lain).
10. Haji Abdullah, Pondok Padang, Pasir Mas (murid Haji Omar Pak Lib, Kota; Tok Senggora dan lain-lain).
11. Haji Muhammad, Pintu Geng (murid Haji Omar Kota, Tok Senggora dan lain-lain).
12. Haji Hasan bin Haji Ismail, Pondok Ketereh (murid Syaikh Noh Jamaluddin al-Kalantani, Makkah dan lain-lain).

### Penutup

Demikianlah sedikit tinjauan umum tentang sekolah pondok di negeri Kelantan. Tentulah masih ada beberapa sudut lain lagi yang patut diberi liputan tetapi tidak terangkum dalam tulisan yang serba ringkas ini. Segala kekurangan dan kesilapan adalah kerana keterbatasan ilmu penulis. Keseluruhannya, setiap institusi pendidikan tradisi memiliki kelebihan masing-masing dan mempunyai tempat yang tersendiri dalam sejarah tahahair.

Semoga rencana ini bermanfaat dan akan menambahkan lagi khazanah perpustakaan kita.

### Rujukan

- Ismail Che Daud, (Penyelenggara), "Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)", penerbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu. Di cetak oleh Perniagaan Rampai Utama, Kuala Lumpur, 1988.
- Mohd. Yunan Mahmud, (Penyusun), "Riwayat Hidup Tokoh-tokoh Ulama Kelantan" (Kenangan Seminar dan Ekspo Pendidikan Islam Kelantan 1988), penerbitan Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri, Kota Bharu. Dicitak oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1989.
- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, "Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan" (Pakatan Keluarga Tuan Tabal, Kota Bharu). Dicitak oleh Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1977.
- "Pengasuh", Penerbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dicitak oleh Dian Darulnaim Sdn. Bhd., Kota Bharu, Bilangan-bilangan yang berkenaan ialah seperti berikut.
- 433/1933, 441/1934, 81/1947, 403/1975, 404/1975, 405/1975, 406/1975, 407/1975, 408/1975, 409/1975, 410/1975, 411/1975, 412/1975, 412/1976, 414/1975, 415/1976, 416/1976, 417/1976, 418/1976, 419/1976, 420/1976, 421/1977, 422/1977, 423/1977, 424/1977, 427/1977, 429/1978, 432/1978, 434/1978, 441/1978, 442/1979, 445/1979, 447/1979, 449/1980, 451/1980, 453/1980, 455/1980, 456/1980, 457/1980, 476/1984, 477/1985, 487/1987, 488/1987, 491/1988, 500/1989, 507/1990 dan 510/1991.
- "Peristiwa", Penerbitan Dian Darulnaim Sdn. Bhd., Kota Bharu, bilangan 12 (April 1991) 13 (Mei 1991) dan 15 (Jun 1991).

# *Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan 1879 — 1935*

ABDULLAH BIN MOHAMED (NAKULA)

## **Pendahuluan**

**R**ENCANA ini meskipun merupakan suatu kajian tentang Akademi Seni di Kelantan, kerana mempunyai banyak kaitan dengan masyarakat Kelantan baik adatnya, istiadatnya, keseniannya, agamanya, norma-normanya, ilmunya, pelajarannya, politiknya dan ekonominya, ia merupakan suatu aspek dari sejarah sosial Kelantan dalam suatu tahap zaman meliputi dari tahun-tahun 1879-1935.

Sebahagian terbesar dari fakta-fakta yang telah disusun adalah dari apa yang telah dinyatakan oleh Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir atau Pak Nik Man, seorang tokoh budaya yang sekampung dengan penulis dan ada pertalian kerabat serta telah mengenalinya sejak kecil, tetapi mulai berhubung rapat dengannya sejak tahun 1962 hingga akhir hayatnya pada tahun 1988. Penulis sebagai peminat sejarah, mulai membuat hubungan dengannya untuk mendapatkan bahan-bahan sejarah dan hikayat berupa buku-buku tulisan tangan. Sejak itu penulis mendapat berbagai pengetahuan daripadanya dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889) hingga ke zaman-zaman yang akhir.

Fakta-fakta ini bukanlah diterangkan secara teratur, malah secara berselerak dalam perbualan-perbualan, dalam wawancara-wawancara yang khusus dan dalam berbagai situasi lagi sama ada secara sengaja atau tidak. Fakta-fakta yang diberikan itu mengkagumkan penulis dan dirasa amat beruntung kerana dapat mengetahui latar belakang beberapa aspek masyarakat Kelantan sebagaimana yang wujud dalam zaman Pak Nik Man dan zaman dua generasi sebelumnya. Fakta-fakta yang diberikan itu dapat di pertanggungjawabkan kerana Pak Nik Man amat luas pergaulannya dengan keluarga diraja Kelantan dan pembesar-pembesarnya. Ia sering berhubung dengan Tengku Chik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara) ibni Sultan Ahmad (mangkat pada tahun 1926) pe-

lindung wayang Melayu dan wayang Jawa, berhubung rapat dengan Tengku Besar Long Mahmud (Tengku Sri Maharaja Pemangku Bumi) ibni Sultan Ahmad (mangkat pada tahun 1932) pelindung pencak silat dan berkawan amat rapat siang dan malam dengan Tengku Khalid bin Tengku Chik Tuan Abdullah, Tengku Bendahara itu, seorang ahli sejarah dan budaya Kelantan, Pak Nik Man membaca banyak buku-buku pusaka perpustakaan ayahandanya (Tengku Bendahara). Selain dari itu Pak Nik Man bergaul rapat dengan Dato' Nik Mahmud (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) bin Haji Ismail (Pembesar Kelantan sejak dari tahun 1915 dan Menteri Besar Kelantan dari tahun 1921 hingga tahun 1944), dengan Sultan-Sultan Kelantan terutamanya Sultan Ismail ibni Sultan Muhammad IV (1921-1944) yang sangat berminat dalam seni budaya dan lain-lain, lebih-lebih lagi pergaulannya yang amat rapat dengan Tengku Temenggung (Long Abdul Ghafar bin Sultan Muhammad II) pembangun Akademi Seni, sejak dari tahun 1917 hingga tahun 1935, malah Pak Nik Man pernah menjadi pelajar wayang kulit dalam Akademi Seni itu hingga menjadi guru wayang kulit sebagai dalang dari tahun 1931 hingga tahun 1934.

Dari perhubungan-perhubungan dengan tokoh-tokoh yang ramai itu, banyak sekali maklumat yang didapati oleh Pak Nik Man dan mungkin separuh daripadanya telah dilupai. Manakala penulis sendiri pula ketika mendengar fakta-fakta yang berharga daripadanya tidak berniat hendak menyusun sesuatu buku atau rencana, hanya sebagai modal-modal yang terdapat dalam perbualan sahaja, setengahnya dicatat dan setengahnya tidak dan ini yang terbanyak, kerana ketika itu penulis berminat mengkaji sejarah Kelantan Purba yang lebih hebat, tidak sejarah Kelantan di zaman-zaman kemudian. Hanya dalam bulan-bulan Ogos dan September tahun 1979 baru penulis berhubung dengan Pak Nik Man dan membuat beberapa siri wawancara khusus mengenai Tengku Temenggung dan Akademi Seninya<sup>1</sup>. Dan sekali lagi penulis membuat beberapa siri wawancara khusus mengenai riwayat hidup Pak Nik Man sendiri dari 7 hingga 12 April 1987. Tetapi fakta-fakta ini tidak menjadi sebegini banyak kalau tidak diperbantukan dengan fakta-fakta yang telah diberikannya sebelum dari itu dan selepasnya secara bertabur.

Bagi penulis sendiri pula merasa pelik juga, kerana bila mulai menulis sejarah Akademi Seni ini pada awal bulan Februari 1991, fakta-fakta yang berselerak dan bertindan-tindan dalam akal tak sedar (*unconscious mind*) sejak berhubung dengan Pak Nik Man, muncul semula dalam ingatan hingga dapat menyusunnya dengan teratur seperti dalam tulisan ini dengan bantuan fakta-fakta lain sebagai penyambung dan penyemin, wallahu yahdissabil.

### Kawasan Akademi Seni<sup>2</sup>

Tiada dapat disangkal lagi bahawa di antara negeri-negeri dalam Malaysia yang masih menyimpan dengan banyaknya warisan seni budaya tua ialah "Kelantan". Di Kelantan ini pula, sebelum perang dunia ke-II (1941), pusat kebudayaan tradisi dan kebudayaan Islam, dua kebudayaan yang sebenarnya

1 Hasil dari wawancara ini dapat disusun suatu rencana mengenai Akademi Tengku Temenggung dalam Majalah Budaya keluaran bulan Oktober 1980.

2 Akademi: Sekolah tinggi yang mengajarkan sesuatu pengetahuan keahlian. Akademi Seni adalah Sekolah Tinggi (yang mengajarkan pengetahuan keahlian) Seni.



berbeza pada kulitnya sahaja, adalah terletak dalam kawasan hilir atau utara dari Bandar Kota Bharu yang lebih terkenal di zaman itu dengan "Kawasan Balik Hilir".

Kawasan Bandar Kota Bharu dibahagi secara tradisi kepada tiga kawasan Tengah, Hilir dan Hulu. Kawasan Tengah adalah meliputi suatu kawasan yang agak sempit di tengah-tengah bandar mengandungi Padang Merdeka dan Istana Balai Besar. Di sebelah utara dari kawasan tengah ini dinamakan "Kawasan Balik Hilir" dan di sebelah selatan dari kawasan tengah ini dinamakan "Kawasan Balik Hulu".

Kawasan Balik Hilir itu tidaklah meliputi seluruh kawasan utara Bandar Kota Bharu, istilah ini biasanya dikhususkan kepada bahagian yang hampir dengan Sungai Kelantan sahaja, iaitu meliputi kawasan yang hampir tepat di sebelah Hilir Padang Merdeka dan Istana Balai Besar itu terus ke utara sampai ke hujung kampung-kampung Sungai Keladi dan Penambang yang menjadi sempadan bandaran. Dari kawasan inilah munculnya kebanyakan para seniman tokoh-tokoh agama, pengarang-pengarang, raja-raja, menteri-menteri dan pemimpin besar-pembesar negeri yang semuanya ini menguasai kebudayaan tradisi, kebudayaan Islam, politik dan pentadbiran negeri Kelantan.

Dalam Kawasan Balik Hilir itu, yang menjadi teras pusat dua kebudayaan tersebut ialah kampung Kubang Pasu dan beberapa kampung di sekitarnya seperti kampung-kampung Atas Banggol dan Tok Semian. Dalam kawasan kampung Kubang Pasu ini terletak suatu kawasan perumahan seluas kira-kira 2 ekar dikelilingi dalam bentuk empat persegi oleh pagar dari zink setinggi 6 kaki yang diperkuatkan oleh palang-palang dari kayu. Di dalamnya terdapat suatu istana putera raja atau pengiran yang di sebelah utaranya terdapat satu bangsal sebagai pentas makyong, satu panggung wayang kulit, satu bangsal rebana besar dan satu gelanggang pancak silat. Di sebelah selatan istana itu pula terdapat suatu deretan asrama tempat kediaman para pelajar wayang kulit dan makyong. Para pelajar makyong lebih ramai yang tinggal di sini. Inilah di "Kawasan Akademi Seni Tengku Temenggung".

### **Perpondokkan-Perpondokkan Di Sekitarnya**

Di sekeliling kawasan Akademi Seni atau biasanya disebut dengan "Kampung Tengku Temenggung" ini terdapat perpondokkan-perpondokkan atau pusat-pusat pengajian Islam yang masyhur hampir di seluruh Asia Tenggara. Di sebelah timurnya sejauh kira-kira 200 ela terdapat kawasan perpondokkan Haji Wan Ahmad bin Haji Abdul Samad (Tuan Tabal), imam besar Masjid Muhammadiyah. Berjiran dengan perpondokkan ini ialah kawasan perpondokkan Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (Tuan Tabal), Mufti Kelantan. Di sebelah utara dari kawasan Akademi Seni itu, di sebalik pagar zinknya, terdapat pula kawasan perpondokkan Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan yang terkenal dengan Haji Ahmad Hakim (datuk penulis rencana ini). Tidak ada lagi jarak antara kedua-dua kawasan perumahan, kawasan perumahan drama-drama tradisi dan kawasan perumahan pengajian Islam ini, kerana kedua-duanya berjiran hanya disenggangi (dipisahkan) oleh pagar zink itu sahaja. Di sebelah barat dari kawasan Akademi Seni itu kira-kira 200 ela terdapat kawasan perpondokkan Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad (Tuan Tabal) dan kira-kira 200 ela



*Long Abdul Ghaffar bin Sultan Muhammad II  
(1875 - 1935)  
(Bergelar Tengku Petra dan Tengku Temenggung. Juga dikenali sebagai  
Tengku Petra Dalam Kebun).*

ke barat lagi ialah surau Haji Daud Kecil dan surau Pak Cik Musa, kedua-duanya tidak mempunyai perpondokkan tetapi mempunyai para penuntut dari bermacam-macam perpondokkan. Di sebelah dari kawasan Akademi Seni itu pula, kira-kira 400 ela ialah Masjid Besar Muhammadi, pusat pengajian Islam untuk seluruh Kelantan yang hampir dikelilingi pula di sebelah hilirnya oleh suatu deretan perpondokkan dan di seberang jalanraya ke arah hilir sedikit dari masjid ini terdapat kawasan perpondokkan Tengku Long Nik. Jadinya, sekarang terdapat enam kawasan perpondokkan di sekeliling kawasan Akademi Seni itu, meliputi kawasan seluas kira-kira sebatu persegi. Selain dari ini terdapat dua lagi kawasan perpondokkan yang agak jauh sedikit letaknya ke arah hilir lagi iaitu kawasan perpondokkan Haji Wan Hassan bin Haji Wan Muhammad Zain yang lebih terkenal dengan "Pondok Kemboja" kira-kira ½ batu jauhnya dan ke arah hilir lagi ialah kawasan perpondokkan Haji Omar bin Ismail Nuruddin, kira-kira 2½ batu jauhnya. Semua ini termasuk dalam kawasan Balik Hilir. Dalam perpondokkan-perpondokkan yang tersebut seluruhnya tadi terdapat ratusan penuntut agama dari seluruh Semenanjung, dari Vietnam, Kemboja, Siam, Sumatera, Jawa dan Kalimantan. (lihat rajah 1)

### Siapakah Tengku Temenggung?

"Tengku Temenggung" adalah suatu gelaran, nama sebenarnya ialah "Long Abdul Ghaffar" putera bongsu Sultan Muhammad II (1837-1886) atau Sultan Long Senik Mulut Merah menerusi permaisuri mudanya, Ku Senik Tendong yang digelar "Raja Perempuan II"<sup>3</sup>. Tetapi di zaman-zaman kemudian baginda lebih terkenal dengan nama "Tengku Abdul Ghaffar"<sup>4</sup>. Long Abdul Ghaffar dilahirkan pada 28 Syaaban 1292 H. bersamaan dengan 29 September 1875<sup>5</sup>. Bila dilahirkan, baginda didapati seorang bayi berlangit hitam dan berambut dalam kerongkongnya, menjadi tanda bagi orang-orang tua sebagai putera bertuah. Baginda digelar dengan gelaran "Tengku Petra". Pada waktu mudanya Tengku Petra tinggal dalam suatu istana yang terletak dalam sebuah kebun. Kebun itu dikurniakan kepadanya oleh anak saudaranya Long Kundor ibni Sultan Ahmad bergelar Sultan Muhammad III (1889-1890) iaitu kawasan Sekolah Kebangsaan Merbau, Kota Bharu sekarang. Sebab itulah baginda terkenal dengan gelaran "Tengku Petra Dalam Kebun"<sup>6</sup>. (lihat rajah 2).


Beberapa bulan setelah Long Senik bin Sultan Muhammad III diangkat menjadi "Raja Kelantan" oleh wakil Raja Siam yang datang ke Kota Bharu pada akhir tahun 1899, pada hari Isnin, 12 Safar 1318 bersamaan dengan 11 Julai 1900, baginda (Long Senik) berangkat ke Bangkok bersama puteranya

3 Permaisuri Tua Sultan Muhammad II ini bernama Tuan Boto' @ Ku To' binti Long Yusoff (Raja Bukit Panchor) yang digelar "Raja Perempuan I".


4 Dalam "Ringkasan Tarikh Kelantan" (manuskrip) oleh Encik Othman bin Yusoff (1927) dan "Sinsran Kelantan" oleh Muhammad Yusoff bin Salleh al-Kelantani (1938) disebut dengan nama "Tengku Jaafar". Tetapi menurut Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir dan keluarga Tengku Temenggung ialah "Tengku Abdul Ghaffar".

5 Catatan dari buku peringatan Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

6 "Ringkasan Tarikh Kelantan" oleh Encik Othman bin Yusoff, hlm. 64. Kebun ini berasal dari taman yang dibuat oleh Sultan Muhammad III untuk isterinya Engku Embun anak Raja Patani. Setelah diceraiannya kebun ini dikurniakan kepada Tengku Petra (Long Abdul Ghaffar).



Rajah 1.



Rajah 2

yang bernama Tengku Ismail, Tengku Petra (Long Abdul Ghafar) dan lain-lain pembesar Kelantan<sup>7</sup> dengan kapal ke Singapura, kemudian dari Singapura terus ke Bangkok untuk menghadap Raja Siam. Di istana Raja Siam ini Long Senik dikurniakan gelaran "Phya Pipit Pakdi" dan Tengku Petra dikurniakan gelaran "Phra Phitak Detcha Rat".

Kemudian mereka semua berangkat pulang ke Kelantan dengan kapal Kerajaan Siam dan sampai di Kelantan pada hari Khamis 14 Rabiul Awal 1318 bersamaan dengan 11 Ogos 1900<sup>8</sup>.

Bila Raja Kelantan (Long Senik) menubuhkan "Majlis Mesyuarat Negeri" dalam tahun 1904<sup>9</sup>, Tengku Petra Dalam Kebun dilantik menjadi salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan berlanjutan hingga akhir hayatnya dalam tahun 1935.

Dalam tahun 1918, Tengku Petra sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan melawat negeri Patani dan tinggal lama di sana, kembali semula ke Kota Bharu pada 13 Julai 1918.<sup>10</sup>

Dalam bulan Mei 1919, Raja Muda (Tuan Zainal Abidin @ Tengku Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III) mengadakan perayaan besar istiadat bersunat dua orang puteranya, Tengku Abdullah dan Tengku Muhd. Hamzah. Sultan dan pembesar-pembesarnya menghantarkan usungan-usungan sumbangan. Sultan sendiri menghantarkan usungan yang dibawa oleh 60 ekor lembu. Tengku Petra Dalam Kebun menghantarkan usungan yang paling besar selepas Sultan<sup>11</sup>.

- 7 "Penerang Masa" oleh Muhammad Yusoff bin Salleh al-Kelantani (1935) hlm. 14. Dalam buku ini diterangkan lagi orang-orang yang pergi ke Bangkok bersama Raja Kelantan ialah: Raja Muda (Raja Dewa), Tengku Mahmud ibni Sultan Ahmad (Tengku Sri Maharaja), Tengku Abdul Rahman ibni Sultan Muhammad IV Tengku Sri Jaya Raja, Tengku Abdul Kadir Tuan Kub ibni Sultan Ahmad, Nik Sri Paduka Raja, Dato' Syahbandar (Dato' Menteri), Imam Haji Nik Wan Daud, Imam Haji Abdullah, Haji Awang Bomoh dan Haji Ismail.
- 8 Tarikh pemergian Raja Kelantan dan Tengku Petra ke Bangkok dan kepulangan mereka diberikan oleh Muhammad Yusoff menurut kiraan tahun Hijrah sahaja, tetapi bila dikira semula tarikh ini dengan hari yang disebutkan adalah berlainan. Muhammad Yusoff menulis 12 Safar ialah hari Sabtu, bila dikira jatuh hari Isnin dan 12 Rabiul Awal ialah hari Jumaat, bila dikira jatuh hari Khamis. Tarikh menurut kiraan tahun Masihi itu disesuaikan oleh penulis. Tujuan pemergian mereka ke Bangkok juga tidak disebut oleh Muhammad Yusoff. Penulis mematakannya dengan apa yang telah disebutkan oleh Pak Nik Man, tetapi tidak mempunyai tarikh pula.
- 9 Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri ini sebagaimana yang dicatat oleh Graham adalah sebagai berikut:-  
President, Duli Yang Maha Mulia Raja Senik ibni Almarhum Sultan Muhammad (Phya Pipit Pakdi).  
Resident Commissioner and Adviser W.A. Graham.  
Yang Mulia Raja Muda (Phra Yudi Pradiyut).  
Assistant Resident Commissioner and Adviser, H.W. Thomson.  
Tengku Sri Indra (Phra Ratsada Tibudi But).  
Tengku Petra Dalam Kebun (Phra Phitak Detcha Rat).  
Tengku Chik Penambang (Phra Amnat Amnoe Kit).  
Tengku Sri Maharaja (Phra Phichai Rat Riticharn).  
Tengku Petra Semerak (Phra Nakaret Noraraks).  
Tengku Sri Pekerma Raja (Phra Rachanukorn Prasit).  
Tengku Temenggung.  
Tengku Besar Tuan Yusoff.  
Tengku Chik Tuan Lah.  
Dato' Menteri (Luang Rachanumat Boribun).  
Mufti.

10 Pengasuh, Bilangan 2, Tahun 1, 24 Julai 1918, hlm. 8.

11 Pengasuh, Bilangan 22, Tahun 1, 15 Mei 1919, hlm. 8.

Pada 18 Mei diadakan perarakan burung "Pertala Indra" dihadiri oleh tidak kurang daripada 100,000 orang manusia yang membanjiri bandar Kota Bharu<sup>12</sup>.

Selepas kemangkatan Sultan Muhammad IV pada 23 Disember 1920, Tengku Petra ditugaskan membaca tauliah melantik Raja Kelantan yang baru (Tengku Ismail) sebagai pemerintah negeri Kelantan<sup>13</sup>.

Pada 28 April 1921, pada hari perayaan pertabalan Raja Kelantan itu, Tengku Petra juga ditugaskan membaca peristiharan kepada kaum kerabat diraja dan pembesar-pembesar dan menggelarkan Raja Kelantan dengan "Sultan Ismail al-Yunusi". Kemudian pada jam 9 pagi, 30 April 1921, Tengku Petra memakaikan (meletakkan) Mahkota Kelantan pada ulu Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail di Istana Mahkota Sri Cemerlang<sup>14</sup>. Dan pada hari itu juga ia dikurniakan gelaran "Tengku Temenggung"<sup>15</sup>.

*Kesukaannya.* Tengku Petra ini sejak mudanya lagi gemar membela binatang-binatang di istananya seperti membela kucing dari bermacam jenis, cantik-cantik rupanya dengan bulu-bulu muka mengembang dan bulu-bulu ekor juga mengembang dan bewarna-warni, membela angsa-angsa, ayam-ayam Belanda jantan dan betina yang cantik, juga membela burung-burung merak yang indah, lebih-lebih lagi waktu mereka mengigau dengan mengembang bulu-bulu ekornya. Ada seorang khadam yang khusus bertugas mengurus hal ehwal binatang-binatang ini. Penulis sempat melihat setiap hari binatang-binatang belananya di dalam kawasan Akademi Seninya dalam tahun akhir hayatnya, malah setelah baginda mangkat beberapa tahun kemudian, binatang-binatang belaan ini masih ada.

Kerana mempunyai waktu lapang yang agak luas pada zaman silam, "perdagangan lembu" menjadi salah satu dari kesukaan-kesukaan golongan atasan Kelantan iaitu golongan putera-putera raja, menteri-menteri besar dan lain-lain pembesar negeri dan pembesar tempatan, sebagai suatu alat komunikasi merapatkan hubungan sosial dan kemesraan di antara mereka. Pembesar-pembesar yang tiada terlibat dalam adat ini agak terasing dari golongan pemerintah, serupa dengan permainan "golf" di zaman sekarang. Tengku Petra di zaman mudanya tidak terasing juga dari kesukaan ini. W.W. Skeat yang mengepalai rombongan Universiti Cambridge England dalam lawatannya ke Kota Bharu antara tarikh-tarikh 6 dan 23 Oktober 1899 menyatakan bahawa pada 15 Oktober, ia dan rombongannya telah pergi ke suatu bung untuk menyaksikan perlagaan lembu di mana tersergam suatu panggung besar beratap daun kelapa. Di sini kami dijemput oleh Tengku Petra<sup>16</sup> supaya masuk ke dalam dan di jemput pula oleh saudara sultan<sup>17</sup> dan oleh Raja Muda<sup>18</sup>. Terdapat antara dua atau tiga ribu penonton yang mengelilingi bung itu<sup>19</sup>.

12 Pengasuh, Bilangan 23, Tahun 1, 30 Mei 1919, hlm. 8. Ini adalah perarakan burung yang pertama dalam abad ke-20, sepanjang yang diketahui, yang kedua dalam tahun 1921 dan yang ketiga dalam tahun 1933.

13 "Ringkasan Tarikh Kelantan" hlm. 90.

14 *Ibid.*, hlm. 94-96.

15 *Ibid.*, hlm. 97 dan "Sinaran Kelantan" Jilid I oleh Muhammad Yusoff bin Salleh al-Kelantani, hlm. 4.

16 Tengku Petra Dalam Kebun.

17 Sultan Mansur.

18 Long Senik bin Sultan Muhammad III.

19 Skeat menyatakan seterusnya wang pertaruhan dikira dan didapati berjumlah \$360.00, kemudian segera bertambah menjadi \$400.00. Ada suatu kumpulan di Kota Bharu

*Kehidupan Keilmuannya.* Sejak kecil lagi Tengku Petra belajar al-Quran hingga tamat. Gurunya bernama "Mak Ku Tuan Aminah", seorang qariah yang sedap suaranya. Ia orang istana dan menjadi guru al-Quran istana<sup>20</sup>. Putera berlanjut hitam ini memang bertuah, setelah menamatkan pengajian al-Quran, dalam tahun 1888 ketika berusia 13 tahun baginda telah didatangi secara kasyaf oleh seorang tokoh waliyullah dari Bumi Hakikat atau Alam Kayangan, Syeikh Muhammad Samman Waliyullah iaitu Semar yang mengajarkannya ilmu Ketuhanan, ilmu amal ibadat dan berbagai ilmu lain.

Dalam masa belajar dengan mahaguru dari alam ghaib ini juga, baginda belajar ilmu-ilmu fekah, usuluddin, tasauf dan bahasa Arab dari Tuan Tabal (Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh) dan Haji Abdul Mannan bin Imam Ismail yang bergilir ganti pergi ke Istana Balai Besar untuk mengajar Tengku Petra dan beberapa orang putera raja yang lain. Setelah Tuan Tabal wafat dalam tahun 1891, pengajaran Tengku Petra dan putera-putera raja yang lain itu diteruskan oleh Haji Abdul Mannan bin Imam Ismail itu, yang terkenal dengan gelaran "Tok Mannan".

Di samping ilmu usuluddin yang dipelajari itu, mahaguru dari alam ghaib itu mengajarkannya pula ilmu ketuhanan dalam konteks hubungannya dengan seni budaya Melayu seperti wayang kulit dan hubungannya dengan ilmu ketuhanan, makyong dan hubungannya dengan ilmu ketuhanan, puteri dan hubungannya dengan ilmu ketuhanan, pencak silat dan hubungannya dengan ilmu ketuhanan dan lain-lain ilmu lagi. Mahagurunya itu sering datang kepadanya sejak zaman kanak-kanak, zaman remaja, zaman dewasa dan seterusnya hingga baginda mangkat.

Mahagurunya itu mengajarkan ilmu-ilmu menurut tingkat usianya. Suatu jenis seni budaya yang paling mudah untuk diajarkan ilmu ketuhanan kepada kanak-kanak dan sangat menarik hati mereka ialah "wayang kulit", dalang melambangkan Tuhan yang mentadbirkan makhluk dan patung-patung yang digerak-gerakkan oleh dalang itu melambangkan makhluk-makhluk yang digerakkan oleh Tuhan. Sebab ini sejak zaman kanak-kanak itu Tengku Petra amat berminat bermain wayang kulit dalam kawasan istana orang tuanya iaitu Balai Besar sekarang. Patung-patung wayang kulit diperbuat daripada daundaun kayu, gamelannya daripada tempurung, tin-tin kecil, tong-tong dan lain-lain dengan ditonton oleh ramai kanak-kanak lain.<sup>21</sup>

Makin tinggi tingkat usianya dan makin banyak amal ibadatnya, makin tinggi ilmu yang diajarkan sampai seluruh ilmu seni budaya dalam konteks hubungannya dengan ilmu ketuhanan. Orang yang memandang dari luar melihat kepandaiannya dengan cara mengkagumkan dan mengatakan Tengku Petra mendapat ilmu menerusi ilham.

---

yang mengelolakan penghiburan ini dan membayar wang kepada pemenang-pemenang. Sesiapa yang hendak bertaruh membayar sejumlah wang kepada pihak yang ia sokong dan percaya akan menang, kalau lembu itu menang ia terima kembali wang pertaruhan-nya dan sejumlah keuntungan. Keterangan lanjut, lihat Cambridge University Expedition, oleh W.W. Skeat, M.A. dalam JMBRAS, Jilid XXVI, bahagian 4, Disember 1953.

20 Ia digelar juga "Mak Ku Tuan Aminah Seroja". "Seroja" ertinya "bunga teratai" atau "bunga tunjung", ia digelar demikian kerana rupanya comel meskipun telah tua ketika itu.

21 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.



Selain daripada ilmu yang didapati secara "laduni" ini, bila telah remaja, baginda mendapat banyak pula ilmu seni budaya itu menerusi guru-guru di alam nyata seperti daripada dalang-dalang wayang kulit, sri-sri panggung makyong, guru-guru pencak silat dan lain-lain, Yang paling diminatinya ialah "drama makyong"<sup>22</sup> kerana unsur keindahan atau estatika lebih banyak dalam makyong. Bagi seorang ahli seni, baginda tentu lebih mengkagumi drama ini dari yang lain.

Salah seorang dari guru-guru makyongnya di alam nyata ialah "Makyong Renek" atau "Tok Nek" yang mengajarnya di antara tahun-tahun 1910 dan 1912<sup>23</sup>.

Putera berlangit hitam dan berbulu dalam kerongkong ini mulai nyata keramatnya sejak berusia 13 tahun iaitu tahun baginda dikurniakan Allah seorang mahaguru, mulutnya masin, baginda amat pantang menyumpah orang, kerana kalau disumpah, sumpahnya akan menjadi. Pada suatu masa baginda terlatih mulut menyumpah seorang hamba Allah dengan katanya "kamu ini bangsa tak nampak" tiba-tiba orang ini menjadi buta. Bila dilihat sumpah ini menjadi, baginda berpantang menyumpah sampai ke akhir hayatnya<sup>24</sup>.

Juga Tengku Petra boleh berbomoh orang-orang sakit dengan bacaan ayat-ayat al-Quran dan jampai mentera yang diajarkan mahagurunya dan menyembuhkan penyakit mereka, tetapi baginda kurang gemar dalam ilmu perpawangan ini kerana lebih gemar kepada seni budaya. Bila orang-orang datang hendak mengubat penyakit daripadanya Tengku Putera sering menghindarkan diri<sup>25</sup>.

Di samping ini semua, sejak mudanya Tengku Petra amat berminat dalam sastera klasik dengan membaca dan mengkaji berbagai jenis hikayat, hingga dapat menguasai seluruh sastera klasik dan yang mengkagumkan ia ingat semua hikayat lakun wayang kulit, baik hikayat dalam wayang Purwa seperti Hikayat Ismu Dewa (Garuda), Hikayat Daksa (Jamadagni), Hikayat Arjuna Sasrabahu, Hikayat Sang Boma dan lain-lain, ia ingat hikayat-hikayat dalam wayang Sri Rama (Ramayana), hikayat-hikayat dalam wayang Pandawa Lima (Mahabharata), baginda ingat hikayat-hikayat dalam wayang panji seperti Hikayat Sri Panji Mahisa Kumeter dan Hikayat Mahisa Kelana Sri Panji. Juga Tengku Petra ingat hikayat-hikayat Temenggung Jaga Seteru (Patih Aria Gajah Mada), Hang Tuah dan lain-lain. Bukan sahaja baginda ingat hikayat-hikayat pokok, juga hikayat-hikayat ranting yang banyak dari tiap-tiap hikayat pokok itu. Semuanya ini dinyatakan olehnya sebagai sejarah nenek moyang yang benar-benar terjadi di dunia ini, khususnya di Alam Melayu, bukan legenda<sup>26</sup>.

Tengku Petra ingat banyak lagi hikayat yang tiada berhubung dengan

---

22 *Ibid.*

23 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir. Menurut keterangannya bahawa "Makyong Renek" atau "Tok Nek" ini dalam tahun 1910 itu telah berusia 117 tahun, ertinya ia telah dilahirkan dalam tahun 1793. Tok Nek ini adalah seorang yang mempunyai pengetahuan yang banyak dalam ilmu ketuhanan dan seni budaya, ia sendiri adalah sri panggung makyong yang termasyhur di Kelantan dan Patani dalam abad ke-19. Tok Nek sering berulang alik antara Kelantan dan Patani menjadi mahaguru bagi ahli-ahli makyong dalam kedua negeri ini. Dalam tahun 1923 ia menjadi guru makyong di Akademi Seni Tengku Temenggung, tinggal di asrama bersama Encik Omar dari Patani. Tok Nek meninggal dunia di sini dalam tahun 1933.

24 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

25 *Ibid.*

26 *Ibid.*

wayang kulit termasuk semua hikayat lakon makyong dan menora. Di istananya terdapat bertimbun-timbun buku-buku hikayat yang dikumpulkan dari tiga sumber, yang dipinjam dari perpustakaan Tengku Bendahara, yang dipinjam dari perpustakaan Raja Muda dan kepunyaannya sendiri. Mana-mana hikayat yang tidak ada bukunya tetapi diketahui judulnya, baginda merencanakannya sendiri hikayatnya dan ditulis oleh keraninya Encik Ahmad dari Patani, ini adalah mengkagumkan.

Meskipun Tengku Petra mempunyai perpustakaan yang kaya, sebahagian besar dari ilmu dan ingatannya yang mengkagumkan ini nampaknya adalah datang menerusi ilham, suatu ilmu yang keluar secara spontan dari Allah.

Dalam bandar Kota Bharu ini terdapat "tiga pusat" ilmu sastera klasik sejak awal abad ke-20:-

1. Istana Tengku Petra Dalam Kebun (dalam kawasan Sekolah Perempuan Merbau sekarang).
2. Istana Tengku Bendahara (di tepi Sungai Kelantan, sebelah barat Masjid Muhammadiyah sekarang).
3. Istana Raja Muda (dalam kawasan bekas panggung Odeon atau bangunan UMNO sekarang).

Riwayat Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir atau Pak Nik Man yang cintakan ilmu sastera klasik berupa hikayat-hikayat dapat mewakili sejarah para peminat sastera klasik dalam bahagian permulaan abad ke-20, dan kita dapat mengetahui pula dimanakah pusat-pusat ilmu sastera klasik itu.

Menurut keterangan Pak Nik Man yang dilahirkan dalam tahun 1906, sejak berusia 9 tahun (tahun 1915), ia amat berminat mendengar bari-bari (cerita-cerita dari orang-orang tua). Mulai belajar di "Madrasah 'Muhammadiyah'" yang digelar "Sekolah Majlis"<sup>27</sup> dalam tahun 1917. Dalam masa belajar di sekolah ini antara tahun-tahun 1917 dan 1919, pada setiap malam (selain daripada malam Jumaat), Pak Nik Man pergi mendengar orang-orang membaca hikayat-hikayat pada tiga istana putera-putera raja itu. Dua malam pergi ke istana Tengku Petra mendengar Hikayat Ismu Dewa dibaca oleh keraninya Encik Ahmad dari Patani. Dua malam yang lain pergi ke istana Tengku Bendahara (Tengku Chik Tuan Abdullah) mendengar Hikayat Sri Panji dan Pandawa Lima atau Mahabharata dibaca oleh Tok Guru Encik Muhammad Kampung Masjid (guru al-Quran). Kemudian dua malam lagi pergi ke istana Raja Muda (Tengku Zainal Abidin) mendengar Hikayat Agong Gempita, Hikayat Temenggung Jaga Seteru dan Hikayat Gdak (suatu jenis Hikayat Sri Panji) dibaca oleh Bendaharinya Encik Othman bin Yusoff. Pada setiap malam Jumaat (hari Khamis malam Jumaat) pula di istana Raja Muda ini diadakan bacaan al-Quran oleh qariah-qariah yang terpilih dalam Kelantan.

<sup>27</sup> Sebuah sekolah Melayu yang dibangunkan oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dalam tahun 1917, yang mengajarkan ilmu-ilmu sekular dan agama. Sebuah sekolah Melayu yang pertama di Kelantan dan mungkin di seluruh Semenanjung mempunyai kurikulum seperti ini. Pak Nik Man belajar di sekolah ini bersama dengan Nik Ahmad Kamil, Encik Abdullah Bukhari, Tengku Yaakub, Tengku Ahmad ibni Tengku Petra Dalam Kebun, Encik Hassan yang kemudian bergelar Dato' Bija Sura dan lain-lain, tetapi Pak Nik Man terlewat tiga bulan mendaftarkan diri daripada kawan-kawannya ini.

Kerana Pak Nik Man masih kecil ketika itu, berusia antara 11-13 tahun, ia tidak berani pergi mendengar bacaan-bacaan hikayat itu dari rumahnya di Lorong Tok Semian, oleh itu ia ditemani oleh bondanya Che Limah (Che Hali-mah).

Selepas berhenti daripada belajar di sekolah tahun 1919, ketika berusia kira-kira 13 tahun, Pak Nik Man masih lagi pergi mendengar bacaan hikayat-hikayat itu pada ketiga-tiga istana tersebut pada waktu malam, manakala pada waktu siang ia tinggal di istana Tengku Temenggung membaca sendiri berbagai hikayat hingga tahun 1926, ketika berusia kira-kira 20 tahun iaitu setelah 3 tahun akademi seni ditubuhkan.

Selain dari mendalam ilmunya dalam sastera klasik ini, Tengku Petra sejak mudanya pandai pula dalam lakun wayang kulit hingga baginda dapat menjadi dalang dan pandai dalam lakun makyong dan menora serta dengan nyanyian-nyanyiannya, bunyi-bunyian gamelan, juga pandai dan dapat menjadi guru dalam tarian asyik<sup>28</sup>.

*Ibadatnya.* Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, Tengku Petra mulai diajar ilmu amal ibadat oleh mahagurunya Syekh Muhammad Samman Wali-yullah sejak berusia 13 tahun. Tentunya ilmu ini pada mulanya yang ringan sahaja, tetapi bila usianya makin meningkat ilmu ini dan praktik ibadatnya makin berat seiring dengan ilmu ketuhanan dan seni budaya yang makin tinggi. Di waktu mudanya baginda melakukan ibadat di waktu malam mulai dari selepas sembahyang mangrib sampai ke larut malam. Inilah amal ibadat biasanya setiap malam.

Dalam tahun 1917, ketika berusia kira-kira 42 tahun, Tengku Petra mulai memperhebatkan amal ibadatnya dengan melakukan suluk di istananya dalam kebun. Sejak ini baginda sering kali melakukan suluk-suluk buat seterusnya bila ada masa terluang. Suluk-suluk ini dilakukan paling kurang selama seminggu dan paling banyak selama 40 hari. Bila dapat sesuatu ilmu yang dibukakan Allah, baginda keluar dari suluk dan hidup dengan melakukan amal ibadat yang biasa.

Dalam tahun 1927, ketika menjadi "Pelindung Seni Budaya" dan "Mahaguru Budaya" di Akademi Seninya, Tengku Petra yang ketika itu telah bergelar "Tengku Temenggung" membangunkan sebuah rumah ibadat di Pulau Gemiar, sebuah pulau di hadapan pelabuhan Cik Hel dalam wilayah Narathiwat dalam Siam Selatan sekarang. Di pulau ini, baginda kadang-kadang pergi mengasingkan diri untuk beribadat dalam tempoh-tempoh seminggu, dua minggu atau 40 hari, tetapi lebih banyak tinggal di istananya di Kota Bharu hingga akhirnya baginda hilang di pulau tempat suluknya ini dalam tahun 1935 seperti yang akan dinyatakan nanti<sup>29</sup>.

*Masalah Menuntut Takhta Kelantan.* Oleh kerana Tengku Petra atau Tengku Temenggung sering bersuluk atau mengasingkan diri (uzlah) dalam ibadat itu, ramai orang luar yang tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya termasuk keluarga diraja Kelantan sendiri yang menohmah bahawa beliau berbuat demi-

28 Nik Abdul-Rahman bin Haji Nik Abdul-Kadir.

29 *Ibid.*

kian sebagai "pelarian" atau "escapism" dalam hidup kerana gagal hendak menjadi "Sultan Kelantan", sedangkan jawatan kesultanan ini adalah haknya.


Pada mulanya penulis merasa kes ini lebih baik ditutup sahaja, tetapi kerana memikir demi memikirkan hingga ke hari ini, ketika saat penulis sedang menulis ini, nama yang tidak baik masih terconteng pada kening Tengku Temenggung dalam hubungannya dengan pertapaan-pertapaannya yang suci itu, maka di sini dirasa betapa perlunya diperjelaskan masalah itu yang sebenarnya.

Menurut sistem beraja di mana-mana pun di Alam Melayu termasuk Kelantan, seorang putera yang berhak menjadi sultan menggantikan almarhum ayahandanya mestilah "Putera Gahara" iaitu putera dari permaisuri bukan dari orang kebanyakan atau gundik.

Dalam memahami masalah Tengku Temenggung ini, kita kembali kepada isteri-isteri ayahandanya Long Senik Mulut Merah atau Sultan Muhammad II. Long Senik Mulut Merah, Sultan Kelantan yang paling gagah dalam abad ke-19 mempunyai tiga orang isteri. Isteri yang pertama ialah sepupunya bernama Tuan Boto' @ Ku To' atau Tik puteri Long Yusoff, Raja Bukit Panchor (Gunung sekarang), baginda digelar "Raja Perempuan I", adalah dikatakan baginda (Sultan Muhammad II) tidak mempunyai putera-puteri menerusi Permaisuri ini, kemudian baginda berkahwin dengan seorang perempuan orang kebanyakan (bukan keturunan raja) dari Bachok bernama Zainab yang kemudian diubahkan namanya kepada Ku Zainab atau Ku Asmara dan digelar Ku Chik Bachok. Menerusi isteri ini baginda dikurniakan seorang putera, Long Sulung yang kemudian menggantikannya dengan gelaran "Sultan Ahmad" dan seorang puteri, Ku Nanik atau Tengku Raja. Setelah Raja Perempuan I itu mangkat, Sultan Long Senik Mulut Merah berkawin pula dengan seorang keturunan raja dari Kampung Tendong bernama Ku Senik Tendong dan digelar "Raja Perempuan II". Menerusi Permaisuri ini baginda dikurniakan seorang putera bernama Long Abdul Ghafar yang kemudian bergelar "Tengku Temenggung". Dengan ini, Tengku Temenggung menjadi "Putera Gahara". Tetapi kerana kelahirannya amat lewat, ketika dilahirkan baginda disaksikan oleh kekanda-kekanda dan anak-anak saudaranya yang telah menjadi orang-orang dewasa, malah oleh cucu saudaranya, menyebabkan baginda terlepas daripada beberapa jawatan kesultanan yang sepatut disandangnya, hanya dengan cucu saudaranya, Long Senik atau Sultan Muhammad IV, baru dapat dikejar usianya, tetapi Tengku Temenggung masih jauh lebih muda kira-kira 16 tahun (lihat salasilah).

Dengan begitu keadaannya Tengku Petra, timbul bermacam tohmah orang terhadapnya dalam sejarah dalam konteks hubungannya dengan pengentingan atau tuntutan atas takhta Kelantan dalam beberapa penggantian sultan-sultan. Di bawah ini digambarkan dengan singkat persekitaran politik dalam Kelantan dalam zaman separuh awal dari sejarah hidup Tengku Putera.

Dalam tahun 1880, Sultan Muhammad II atau Sultan Mulut Merah mulai uzur kerana tua. Puteranya Long Sulung mengambil alih pemerintahan Kelantan dengan gelaran "Raja Kelantan". Setelah Sultan Muhammad II yang digelar "Phya Lecha" (Raja Tua) mangkat 6 tahun kemudian (1886), Long Sulung ditabalkan dengan gelaran "Sultan Ahmad". Sultan Ahmad memerintah Kelantan dengan rasmi hanya kira-kira selama tiga tahun sahaja. Baginda



mangkat dalam tahun 1889 dengan meninggalkan kira-kira 25 orang putera-puteri. Di antara putera-puteranya yang penting:-

1. Long Kundur bergelar Bendahara, kemudian bergelar Sultan Muhammad III.
2. Long Mansur bergelar Raja Muda, kemudian bergelar Sultan Mansur.
3. Long Salleh bergelar Tengku Temenggung Aria Wangsa, digelarkannya oleh rakyat dengan "Tengku Besar".
4. Long Mahmud, bergelar Tengku Sri Maharaja, digelarkan juga oleh rakyat dengan "Tengku Besar" juga.
5. Long Sulaiman, bergelar Tengku Sri Pekerma Raja (Sri Vikramaraja) digelarkan juga oleh rakyat dengan "Tengku Nik Tuan Man".
6. Long Yusoff, bergelar Tengku Besar Indera Raja.
7. Tuan Abdullah @ Tengku Chik Tuan Abdullah, bergelar Tengku Bendahara.
8. Long Idris, bergelar Tengku Putera Semerak, digelarkan juga oleh rakyat dengan "Tengku Petra".
9. Long Abdul Rahman, bergelar Tengku Sri Asmara Raja, digelarkan oleh rakyat dengan "Tengku Semara"<sup>30</sup>.

Dapat dikatakan pada setiap kali berlaku penggantian sultan ada sahaja komplot-komplot yang hendak merebut jawatan kesultanan. Selepas kemangkatan Sultan Ahmad ini, putera sulung yang menggantikannya, Long Kundur

30 Encik Othamn bin Yusoff, "Ringkasan Tarikh Kelantan" hlm. 58-59.

telah dicalunkan untuk menaiki takhta dan ini adalah logik kerana baginda adalah Putera Sulung bagi almarhum Sultan Ahmad.

Tetapi dalam mesyuarat keluarga diraja itu, hak Long Kundur itu telah dicabar oleh bapa sepupunya, Tengku Chik bin Long Bongsu (Raja Muda, Penambang) yang mengusulkan supaya diangkat Tengku Putera di atas takhta Kelantan kerana baginda saudara Sultan Ahmad dan lebih hampir dengan jawatan itu. Tetapi keluarga diraja menolak usul ini kerana Tengku Petra terlalu muda. Ketika itu baginda baru berusia kira-kira 14 tahun dan sebenarnya baginda tidak tahu menahu tentang kesnya dibawa ke dalam mesyuarat diraja itu. Sebenarnya Tengku Chik mempunyai kepentingan dirinya sendiri untuk naik ke atas, dengan usulnya itu<sup>31</sup>.

Oleh itu bila Long Kundur ditetapkan menjadi pemerintah Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad III pada tahun 1890, baginda segera menghantarkan suatu perutusan yang terdiri dari dua puteranya, Long Senik dan Long Zainal Abidin dan seorang adindanya Long Mansur ke istana Raja Siam di Bangkok untuk mendapatkan sokongannya.

Tengku Chik (Penambang) menghantarkan suatu perutusan ke Singapura menemui Gabenor Inggeris untuk memohon pertolongan supaya berunding dengan Raja Siam supaya mengakui Tengku Petra (Long Abdul Ghafar) sebagai Sultan Kelantan<sup>32</sup>.

Kemudian Long Kundur menghantarkan suatu perutusan lagi yang diketuai oleh seorang pembesarnya Encik Ha'a (Encik Saad) yang bergelar Mahamenteri untuk mengadap Raja Siam dan mengambil pengakuan bertulis berupa tauliah daripadanya sebagai bukti nyata bahawa Long Kundur diiktiraf oleh Raja Siam. Raja Siam memberikan surat tauliah untuk pembesar-pembesarnya yang telah diangkat. Surat-surat tauliah ini yang dibawa pulang oleh Mahamenteri telah disambut secara besar-besaran di Kota Bharu dan Long Kundur pun ditabalkan dengan rasmi sebagai raja pemerintah Kelantan dengan gelaran "Sultan Muhammad III". Baginda memerintah tidak sampai setahun dan mangkat secara mengejut dalam tahun 1890.<sup>33</sup>

Suatu kerumitan timbul semula dalam masalah melantik sultan yang baru. Pada masa itu Long Senik putera sulung almarhum Sultan Muhammad III, telah dicabar oleh Long Mansur, adinda sultan sendiri. Tetapi dengan kebijaksanaan Tengku Chik Tuan Abdullah (Bendahara) adinda Sultan, juga dan dengan kebijaksanaan dua orang pembesar, Encik Ha'a (Mahamenteri) dan Nik Yusoff (Dato' Sri Paduka), Long Mansur dapat menaiki takhta dengan gelaran "Raja Mansur" dalam tahun 1890 atau awal tahun 1891. Baginda tidak mahu memakai gelaran "Sultan", hanya di masa yang akhir (1898) baru menggunakan gelaran ini. Tengku Petra tidak terlibat dalam mana-mana komplot.

Sultan Mansur mulai gering pada akhir tahun 1899. Suatu perutusan dihantar menerusi telegraf ke Bangkok untuk memaklumkan tentang kegeringan

31 Nik Abdul-Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

32 Dalam buku "Kelantan dari Zaman ke Zaman" oleh Muhammad Hussin Khal'i Haji Awang dinyatakan kedua-dua tokoh, Tengku Petra dan Tengku Chik masing-masing menghantarkan utusan-utusan kepada gabenor Inggeris di Singapura, (hlm. 81) fakta ini nampaknya tidak benar, sebab Tengku Petra masih dalam usia kanak-kanak.

33 *Ibid.*, hlm. 82-85.

ini kepada Raja Siam supaya mengambil apa-apa langkah mengelakkan sebarang kekacauan dan pertumpahan darah dalam masalah peralihan penggantian kerana Sultan Mansur tidak mempunyai putera dan penggantinya yang sepatut ialah Long Senik ibni Sultan Muhammad III yang pada masa itu bergelar Raja Muda, manakala bapa-bapa saudaranya pula iaitu saudara-saudara Sultan Mansur sendiri mencabar pula sebagai mempunyai hak di atas takhta Kelantan. Raja Siam menghantarkan seorang pembesarnya dari Singgora (Songkhla) bernama Phya Sukhum bersama seorang panglima, Khun Pha dan seramai 300 orang askar ke Kota Bharu. Setelah dua hari ia sampai di sini, Sultan Mansur pun mangkat, Phya Sukhum bertindak tegas dan cepat dengan terus mengaku Long Senik putera Sultan Muhammad III sebagai "Raja Kelantan" yang baru.

Pada 11 Julai 1900, Raja Kelantan bersama puteranya Tuan Ismail (kemudian dipanggil Tengku Ismail), Tengku Petra (Long Abdul Ghaffar) dan lain-lain berangkat ke Bangkok menghadap Raja Chulalongkorn (Rama V). Di sini baginda dikurniakan gelaran "Phya Pipit Pakdi"<sup>34</sup>.

Dalam tahun 1911, Long Senik yang bergelar "Raja Kelantan" itu dikurniakan gelaran "Sultan" oleh kerajaan Inggeris dan sejak itu baginda digelar "Sultan Muhammad IV".

Adalah dikatakan bahawa dalam masa kegentingan politik selepas kemangkatan Sultan Mansur itu ada orang cuba menarik Tengku Petra ini untuk masuk dalam suatu komplot menuntut takhta dengan alasan baginda adalah putera gahara manakala Long Senik bukan putera gahara. Dalam masa ini mahagurunya Syekh Muhammad Samman Waliyullah memberikan nasihat supaya jangan turut campur dalam apa bentuk komplot pun, mahagurunya menyatakan andaikanlah Tengku Petra menjadi raja, tanggung jawab adalah besar, kalau tidak adil akan dikutuk oleh Allah, andaikanlah Tengku Petra memerintah dengan adil, takkan tidak ada keturunan Tengku Putera yang akan memerintah dengan zalim. Oleh itu biarlah Tengku Petra hidup sebagai ahli ibadat, selamat dari kutukkan Allah dan selamat pula anak cucu akan datang dari kutukkan ini. Biarlah mereka ini hidup dalam beramal soleh sentiasa bertakwa kepada Allah buat seterusnya, tetapi akan menjadi raja-raja di akhirat, seterusnya mahagurunya menyatakan bahawa sekali zikir yang diterima oleh Allah akan mendapat pahala berupa sebuah alam yang amat indah yang tiada muat untuk diisi di bumi ini, ini adalah pahala sekali zikir apatah lagi ribuan dan jutaan kali zikir? Apakah guna sebuah bumi sebesar kelingking ini yang buruk pula rupanya, lebih-lebih lagi sebuah negeri Kelantan yang tiada sampai sebesar pasir ini? Bila dipandang dari sebaliknya nasihat maharaja waliyullah ini mengisyaratkan bahawa Allah telah redha dengan Long Senik (Sultan Muhammad IV) dan keturunannya menjadi Raja Kelantan buat seterusnya.

Sejak itu, Tengku Petra membuang sama sekali niat dan hasratnya untuk menjadi raja, baginda terus menumpukan hidup kepada amal ibadat dan seni budaya Kelantan yang telah dimulai sejak kecilnya. Ketika ini baginda telah berusia kira-kira 36 tahun.

*Keluarganya.* Isteri-isteri Tengku Temenggung semuanya dari sri-sri pang-

34. Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

gung makyong yang membuktikan sejak mudanya, di samping beribadat baginda amat menyintai seni budaya ini. Isterinya yang pertama yang dikahwininya kira-kira dalam tahun 1903 ialah Che Kembang dari kampung Bunut Susu, Pasir Mas yang digelar "Mak Ku Kembang" dan dianggap sebagai orang yang paling cantik dalam negeri Kelantan pada zaman itu. Adalah dikatakan ia berpinggang ramping, bertengkuk jinjang, kulitnya putih kemerahan pada seluruh tubuhnya, istimewa pada kedua-dua pipi, tengkuk dan kedua betis sampai ke kakinya. Ia disifatkan pada masa itu sebagai Puteri Saadong. Che Kembang ini, adalah keturunan dari raja-raja Yunan, negeri Siti Zubaidah. Perkataan "Yunan" ini adalah perubahan sebutan dari perkataan Yuwun nama bangsa Vietnam purba, maksudnya Che Kembang itu keturunan raja-raja Champa yang negerinya telah ditenggelami oleh bangsa Yunan atau Yuwun<sup>35</sup>.

Dari perkongsian hidup yang pertama ini, Tengku Petra dikurniakan Allah seorang puteri sulung bernama Tengku Aminah dalam tahun 1906 dan seorang putera bernama Tengku Ahmad dalam tahun 1908 yang kemudian bergelar "Tengku Panglima Raja". Tengku Aminah kembali ke rahmatullah pada 15 Mei 1919, ketika berusia 14 tahun<sup>36</sup>.

Kemudian baginda berkahwin pula dengan Che Safiah dari Kampung Bukit Marak yang digelar "Mak Tuan" dan mendapat seorang puteri, Tengku Aishah. Selepas itu berkahwin dengan Tengku Bongsu dan dikurniakan seorang puteri, Tengku Jah (Tengku Khadijah). Kemudian Tengku Petra yang telah bergelar Tengku Temenggung berkahwin pula dengan Tengku Kembang adinda Sultan Abdul Kadir Kamaruddin, Raja Patani. Perkahwinan berlangsung di Kota Bharu, tetapi tidak melahirkan anak.

Selepas itu, Tengku Temenggung berkahwin dengan beberapa orang isteri yang tidak begitu lanjut masa perjodohnya iaitu Che Mariam dari Jalan Atas Banggol, Kota Bharu, Che Zainab dari Bendang Pak Yong, Tumpat dan Che Aishah dari Tawang, Bachok. Mereka ini semuanya sri-sri panggung makyong yang terkenal, yang menjadi guru makyong di akhir zaman Tengku Temenggung ialah Che Zainab. Manakala Che Aishah adalah isterinya yang terakhir. Ketika itu Che Aishah masih dalam usia belasan tahun dan telah meninggal awal tahun 1990 di Kampung Tawang. Ia terkenal sebagai ahli ilmu hakikat dan ahli ibadat hingga akhir hayatnya, dari warisan ilmu hakikat dan ibadat yang dikurniakan oleh suaminya. Tengku Temenggung tidak mendapat putera dan puteri dari ketiga-tiga isterinya itu<sup>37</sup>.

Putera Tengku Temenggung yang satu-satunya ialah "Tengku Ahmad". Nama asalnya "Long Muhammad". Baginda berkahwin dengan Tengku Zainab puteri Sultan Muhammad IV dan adinda Sultan Ismail I. Dari perkahwinan ini dikurniakan dua orang puteri: Tengku Nur Azizah dan Tengku Nur Asiah.


Kemudian Tengku Ahmad berkahwin dengan Che Mah (Che Fatimah) puteri Dato' Abdul Hamid bin Hussin. Encik Abdul Hamid ini berasal dari

<sup>35</sup> Menurut Tengku Ahmad Panglima Raja bahawa bondanya ini keturunan Raja Yunan yang telah memeluk Islam di zaman sahabat-sahabat Nabi Muhammad S.A.W. lagi. Ia maksudkan Yunan ini ialah wilayah Yun-nan dalam negeri China dan ia pernah pergi ke wilayah ini dalam tahun-tahun 50-an dan membawa pulang banyak foto-foto. Dari wawancara penulis dengannya dalam tahun 1988.

<sup>36</sup> Pengasuh bilangan 22, tahun 1, 15 Mei 1919, hlm. 8.

<sup>37</sup> Tengku Nur Asiah binti Tengku Ahmad dan Encik Daud bin Salleh.





*Long Muhammad bin Long Abdul Ghaffar  
atau  
Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghaffar  
(Tengku Panglima Raja: 1908–1989)*

Johor, tinggal di Kelantan dan dikurniakan gelaran Dato' Lela Negara. Dato' Abdul Hamid ini berkahwin dengan Wan Munah (Wan Maimunah) dan mendapat seorang puteri, Che Mah. Dari perkahwinan ini Tengku Ahmad dikurniakan beberapa orang putera dan puteri: Tengku Zaid, Tengku Zaidah, Tengku 'Izzah, Tengku Nora (permaisuri Sultan Ismail Johor), Tengku Zanariah digelarkan Tengku Iit (permaisuri Sultan Iskandar Mahmud Shah Johor) dan Tengku Iskandar.

Kemudian Tengku Ahmad berkahwin pula dengan Tengku Kamariah dan mendapat seorang puteri Tengku Fatimah<sup>38</sup>. Tengku Ahmad Panglima Raja kembali ke rahmatullah pada 1 Ogos 1989, ketika berusia 81 tahun.

Salah seorang dari puteri-puteri Tengku Temenggung iaitu Tengku Aishah berkahwin dengan Tengku Ahmad dari keluarga raja Limbat dan dikurniakan Tuhan beberapa putera dan puteri iaitu Tengku Muhammad, Tengku Salma, Tengku Nur Tama, Tengku Mustapha, Tengku Hamzah, Tengku Nizam, Tengku Hamdan, Tengku Abu Bakar, Tengku Adnan dan Tengku Nur Aishah<sup>39</sup>.

### Seni Budaya Dan Falsafahnya

Sejak dari zaman silam warisan "Seni Budaya Kelantan" dilindungi oleh raja-raja dari satu tapis ke satu tapis, sebab itu ia tidak lenyap dan sentiasa hidup meskipun telah melalui ratusan, malah ribuan tahun lamanya. Kesenian ini dijaga dan dihidup serta sentiasa diberikan nafas baru bukan untuk penghiburan sahaja, tetapi mempunyai "fungsi" untuk memelihara dan mengekspresikan simbol-simbol ketuhanan yang menjadi asas budaya orang-orang Melayu. Simbol-simbol ini terdapat dalam seni budaya itu dengan banyaknya, dalam seni bina pentas-pentas wayang kulit dan makyong, dalam susunan pelakun-pelakun, dalam susunan alat-alat gamelan, dalam bunyi-bunyian gamelan, dalam nyanyian-nyanyian dan tutur kata para pelakun, dalam tarian-tarian makyong, tarian-tarian silat, tarian-tarian asyik dan lain-lain, dalam kata-kata lirik prosa makyong dan puteri, dalam jampi dan mentera dan lain-lain banyak lagi.

Bagi audiens yang faham mereka dapat menghayati setiap simbol itu dan bagi audiens yang tidak faham, menjadi suatu penghiburan. Ini memang terjadi dalam mana-mana masyarakat tanpa dapat dikecualikan lagi, kerana berhubung dengan kewujudan dua kelas manusia: Kelas elit yang dapat menghayati seni itu dengan sebenarnya dan kelas awam yang memandangnya dari segi suatu permainan untuk penghiburan. Dari suatu segi, dapat dibahagikan juga kepada dua kelas menurut usia, kelas dewasa dan kelas anak-anak. Sesuatu drama yang dipersembahkan kepada masyarakat umum itu tidak boleh terlalu serius seperti mengajar sebuah kitab ilmu ketuhanan, kerana ia menjemukan, sebab itu ia dicampurkan dengan unsur-unsur jenaka.

*Adat Dan Istiadat.* Seni budaya ini adalah menjadi suatu bahagian dari istiadat diraja dari aspek pernyataan dan pemasyhuran, seni ini berasal dari "adat" rakyat sejak zaman berzaman, kemudian dipilih oleh raja-raja atau sultan-sultan mana yang sesuai dengan konsep ketuhanan secara hakikat dan

38 Tengku Nur Asiah.

39 Tengku Hamzah bin Tengku Ahmad.

sesuai pula dengan konsep kesultanan, lalu dijadikan "istiadat". Jadinya perkataan "adat istiadat" itu menurut bahasa tradisi Kelantan bukanlah perkataan berganda dengan erti "berbagai-bagai adat"<sup>40</sup> seperti perkataan "gunung-ganang" umpamanya. Perkataan "adat istiadat" itu mempunyai pengertian yang berbeza dalam konteks seni budaya ini:-

- a. Adat: Adalah seni budaya yang diamalkan oleh rakyat sejak turun temurun, diadakan dalam setiap perayaan selepas musim menuai padi dan musim tidak turun ke laut di mana rakyat hidup rehat selepas penat bekerja, juga diadakan dalam setiap perayaan perkahwinan, perayaan berkhatan, bernazar dan menyembuhkan penyakit.
- b. Istiadat: Adalah seni budaya yang diamalkan oleh sultan-sultan, ia diwajibkan dalam setiap perayaan hari pertabalan, setahun sekali dan dipamirkan di sekitar Istana Balai Besar.

"Seni Budaya" yang dipilih dan diamalkan oleh Sultan-Sultan Kelantan dari zaman dulu:-

1. Wayang Kulit yang terbahagi kepada tiga: Wayang Melayu, Wayang Jawa dan Wayang Siam.
2. Makyong.
3. Menora.
4. Puteri.
5. Pencak Silat.
6. Rebana Besar.
7. Tarian Asyik.

Semuanya ini dijadikan "Seni Budaya Rasmi". Mengenai Menora, falsafahnya kira-kira sama dengan Makyong, ia dipilih di zaman-zaman kemudian kerana menghormati golongan minoriti Siam.

Perlu sekali diingati, bahawa apa yang telah dibincangkan di atas ialah "istiadat" dalam konteks seni budaya sahaja yang disebut dengan "istiadat luaran" atau istiadat pernyataan atau pemasyhuran.

Di sana terdapat pula "istiadat dalaman" yang kita tidak bincangkan dalam tulisan ini dan sekarang patut diterangkan contoh-contohnya supaya tidak menimbulkan kekeliruan. Istiadat ini dalam garis-garis kasarnya adalah sebagai berikut:-

1. Istiadat perkahwinan.
2. Istiadat melenggang perut.
3. Istiadat bersalin.
4. Istiadat bercukur.
5. Istiadat berkhatan (bersunat).
6. Istiadat kemangkatan.
7. Istiadat melantik dan menabal Sultan.
8. Istiadat kemahkotaan.

<sup>40</sup> Menurut W.J.S. Poerwadarminta, "adat istiadat" bererti berbagai-bagai adat resam (lihat Kamus Umum Bahasa Indonesia tentang perkataan "adat").

Dalam setiap detik terpenting dari beberapa istiadat di atas terdapat kaitan dengan seni budaya untuk pernyataan atau pemyshuran, umpamanya:-

1. Dalam istiadat meletak kerja perkahwinan diraja, mesti disertai oleh pertunjukan seni budaya.
2. Dalam istiadat perarakan balik dari upacara mengutip daun inai, mesti diiringi dengan paluan-paluan (muzik) seni budaya. Inilah istiadat perarakan yang terbesar dalam istiadat perkahwinan diraja dan kadang-kadang disertai dengan seekor patung naga yang besar dan dinamakan "perarakan naga".
3. Dalam istiadat pijak tanah anak raja diadakan kenduri bersama dengan pertunjukan seni budaya.
4. Dalam istiadat meletak kerja berkhatan (bersunat), mesti disertai oleh pertunjukan seni budaya.
5. Dalam istiadat perarakan berkhatan mesti diiringi dengan paluan-paluan (muzik) seni budaya dan sering kali disertai dengan dua atau seekor patung burung yang besar dan dinamakan "perarakan burung".
6. Dalam istiadat perayaan kemahkotaan, mesti disertai oleh pertunjukan seni budaya secara besar-besaran dan lengkap selama 5 hari dan 5 malam.

Kadang-kadang "istiadat dalaman" itu menjadi "istiadat luaran" seperti perarakan-perarakan dan kadang-kadang sebaliknya pula "istiadat luaran" menjadi "istiadat dalaman" seperti tarian asyik.

*Dari Istiadat Turun Kepada Adat.* Difinisi "istiadat" sebagai berasal dari apa yang dipilih oleh pihak istana dari "adat" rakyat sebagaimana yang telah diterangkan di atas adalah berdasarkan apa yang difahami dalam masyarakat Kelantan dalam zaman-zaman yang akhir dengan ungkapannya "adat istiadat".

Bila dikaji sejarah tiap-tiap satu jenis budaya rasmi itu ternyata bahawa sebahagian besarnya adalah berasal dari raja-raja atau "istana" sejak zaman purba yang mana anda akan terkejut kalau dinyatakan zaman atau tarikhnya. Biar penulis susunkan di sini menurut usia, yang paling tua ialah wayang kulit, kemudian rebana besar, pencak silat, makyong, puteri dan tarian asyik. Semua ini berasal dari "istana" dapat dinamakan juga "tradisi istana", "budaya istana" atau dengan istilah yang dipergunakan dalam tulisan ini ialah "istiadat".

Kemudian, istiadat ini mengalir turun kepada rakyat dan menjadi unsur-unsur "tradisi rakyat" atau "budaya rakyat" atau dengan istilah yang dipergunakan dalam tulisan ini ialah "adat".

Kerana usia seni budaya amat tua, mungkin terjadi saling mengambil antara "istiadat" dan "adat" itu, umpamanya meskipun "adat" ini berasal dari istiadat, tetapi bila bangun sesuatu dinasti baru yang memerintah dan tidak ada kesinambungan tradisi dengan dinasti lama, manakala dinasti baru ini ingin sekali mengembalikan tradisi itu lalu mengambilnya dari "adat" rakyat. Ini barangkali yang dimaksudkan dengan "istiadat" itu berasal dari "adat". Melainkan seni budaya jenis menora, ini tentu bukan berasal dari istana Melayu, meskipun ada juga hubungannya, sebab yang pasti adalah salah satu dari adat rakyat Siam dan diambil oleh dinasti diraja Kelantan dari rakyat minoriti Siam menjadi salah

satu dari jenis-jenis "seni budaya rasmi". Adalah dianggarkan zamannya sangat baru, mungkin sejak zaman Sultan Long Senik Mulut Merah (Sultan Muhammad II) yang mempunyai hubungan yang amat erat dengan kerajaan Siam.

Satu lagi ialah "dikir hadrah" yang di zaman-zaman kemudian dimasukkan juga ke dalam seni budaya tetapi bersifat pinggir, ini mungkin juga berasal dari rakyat Melayu yang diambil dari budaya Arab, kemudian diambil oleh dinasti diraja Kelantan. Sebaliknya ada pula "budaya istana" atau "istiadat" yang turun menjadi "budaya rakyat" atau "adat" buat seterusnya, tidak diambil kembali oleh istana Kelantan sekarang iaitu "permainan wau bulan".

"Perarakan naga" dan "perarakan burung" yang disebut di atas dalam istiadat perkahwinan dan berkhata keluarga diraja adalah menjadi "budaya istana" atau "istiadat" buat seterusnya, tidak turun lagi kepada rakyat dan istiadat ini dalam istana pun diadakan sekali sekala sahaja kerana perbelanjaannya besar.

Satu lagi penggunaan patung naga yang khusus untuk memancutkan air dalam istiadat bersiram dua putera – puteri raja yang akan ke pelamin, juga dalam istiadat bersiram untuk putera-putera raja yang akan berkhata adalah salah satu "budaya istana" atau "istiadat" yang tidak akan turun lagi kepada rakyat untuk menjadi "adat".


Tiap-tiap satu ciri dari adat dan "istiadat" ini semuanya mempunyai falsafah ketuhanan atau falsafah yang berlatar belakangkan konsep ketuhanan yang tinggi, bukannya suatu permainan yang sia-sia dan membazirkan harta benda, tetapi di bawah ini penulis akan huraikan secara sederhana falsafah dari dua jenis seni budaya sahaja iaitu "wayang kulit" dan "makyong".

*Falsafah Wayang Kulit.* Amalan-amalan istiadat itu terutama amalan "wayang kulit" merupakan suatu alat komunikasi yang dapat memberikan mesej atau risalah yang amat berkesan dalam pembentukan watak-watak rakyat dan peningkatan ilmu-ilmu rakyat.

Dalam pembentukan watak-watak, wayang kulit dapat membentuk beberapa watak rakyat Kelantan di antaranya yang terpenting:-

1. *Beradab*<sup>41</sup> dalam hubungan sosial, seperti hubungan dengan adik beradik, dengan ibu bapa, dengan sahabat handai, dengan orang-orang tua dengan guru-guru dan mahaguru-mahaguru, dengan pembesar-pembesar dan dengan raja-raja. Contoh-contoh dari watak-watak ini sangat banyak ditunjukkan dalam riwayat lakun wayang kulit itu dan menjadi ikutan rakyat.
2. *Bijaksana dan sabar* dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang amat rumit adalah di antara watak-watak yang sering ditunjukkan oleh Semar atau Pak Dogol yang digelar juga "Datuk Segedung Ilmu". Sifat-sifat bijaksana dan sabar ini amat-amat terkenal dalam kalangan rakyat Kelantan, lebih-lebih lagi di zaman silam. Kalau bijak biarlah bijak seperti Semar dan kalau sabar biarlah sabar seperti Semar, begitu-lah yang sering terdengar dalam ungkapan-ungkapan rakyat hingga ke

41. Beradab: Bersopan, bersopan santun, bersusila atau mempunyai kehalusan dan kebaikan budi pekerti (tingkah laku).



1  
2  
3  
4

*Empat Tiang (Empat Penjuru Alam iaitu Alam yang Mempunyai Tiga Dimensi)*

### *Panggung Wayang Kulit*

zaman-zaman yang akhir ini.

3. *Berani dan perwira.* Mengajar rakyat berani dan perwira dalam menghadapi sesuatu cabaran besar yang sudah tiada tempat lagi untuk bersabar dalam mempertahankan kebenaran dan menghapuskan kejahatan. Keberanian ini lahir dalam ketegasan tutur kata dan dalam tindakan pahlawan-pahlawan dalam lakun wayang kulit itu, yang mana rakyat Kelantan tahu bahawa pahlawan-pahlawan itu adalah nenek moyang mereka sendiri dan sejarah pahlawan-pahlawan itu adalah sejarah nenek moyang mereka. Ketika menghayati semangat keberanian pahlawan-pahlawan ini dalam wayang kulit Melayu yang melakukan riwayat Sri Panji atau Dewa Muda (Inu Dewa) umpamanya, sering terjadi bila sampai kepada babak lakun Kalambokan atau Kolakalang (putera Sri Panji dan panglima agungnya) berdialog dengan lawannya kemudian bertempur, penonton-penonton di hadapan panggung wayang kulit menghunus keris masing-masing dan bertikam sampai ada yang luka-luka dan kadang-kadang ada yang mati. Sultan-sultan

zaman silam sengaja membiarkan peristiwa ini berlaku supaya rakyat Kelantan menjadi rakyat yang berani dan perwira. Tetapi dalam zaman Sultan Mansur (1890–1899) dikeluarkan perintah melarang melakukan babak sejarah Kalamboan itu dan seterusnya diharamkan rakyat membawa keris bila hendak menonton wayang kulit.<sup>42</sup> Ini satu contoh untuk membuktikan keberkesanan penghayatan rakyat terhadap seni budaya amalan-amalan istiadat itu.

4. *Berkata-kata menurut stail dalang*. Ketegasan, kelantangan suara dan rentak dalang dalam tutur katanya ketika menggambarkan kata-kata pahlawan-pahlawan dan tokoh-tokoh wayang kulit itu sungguh berpengaruh dalam kalangan rakyat Kelantan dan membentuk stail dallog mereka. Seorang raja atau menteri atau jurubicara atau seorang ulama (seperti Haji Nik Salleh bin Haji Wan Musa) yang berjaya memikat hati orang ramai, biasanya seorang yang bertutur sebagai "Tok Dalang".

Dalam peningkatan ilmu-ilmu rakyat, wayang kulit banyak memberikan sumbangan, sumbangan yang jauh lebih berkesan daripada mengajar ilmu menerusi buku-buku dan malah beberapa ilmu yang tidak ada dalam buku-buku hingga zaman sekarang. Di antaranya:-

1. *Ilmu ketuhanan*: Lakun wayang kulit mengajarkan rakyat dengan cara yang mudah tentang hubungan antara manusia dengan Tuhannya. "Dalang" sebagai Tuhan, manakala "patung-patung" sebagai hamba-hambanya. Tiap-tiap seorang hamba Allah merasa "dirinya" yang menggerakkan badannya, tetapi sebenarnya "Tuhan" yang menggerakkan, serupa dengan dalang menggerakkan patung-patung. Bagi kita sebagai subjek yang melihat patung-patung sebagai objek dari luar kelir (layar) wayang, kita tidak nampak dalang, kita hanya nampak patung-patung itu bergerak, sedangkan sebenarnya dalang yang menggerakkannya, kita melihat patung-patung itu bertutur, sedangkan sebenarnya dalang yang bertutur. Hamba-hamba Allah tidak ada apa-apa kuasa serupa dengan patung-patung dari belulang yang kempis dan kaku, hanya Allah sahaja yang berkuasa. Ini adalah suatu tingkat dalam ilmu ketuhanan yang agak tinggi, tetapi menerusi wayang kulit rakyat biasa yang tiada berpelajaran pun dapat memahaminya.
2. *Ilmu mengenai alam atas dan alam bawah*: Dalam struktur seni bina panggung wayang kulit sendiri sudah mempunyai suatu konsep tentang alam ini, tetapi ini sukar untuk difahami oleh rakyat tanpa ada orang yang mengajarkannya, tetapi dengan peristiwa-peristiwa yang ditunjukkan dalam sepanjang lakun wayang kulit memberikan kefahaman yang mudah kepada rakyat tentang sistem pemerintahan alam atas yang dinamakan "alam kayangan" dan alam bawah tempat manusia biasa hidup.
3. *Ilmu sejarah dan sastera*: Riwayat-riwayat lakun wayang kulit itu sebenarnya bukan riwayat-riwayat rekaan, asalnya sejarah nenek moyang yang telah dibentuk dengan pendekatan sastera baik berupa

42 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

prosa atau puisi supaya mudah diingat, bukan menurut pendekatan sejarah yang sebenar dengan menentukan lebih dulu batas-batas geografi kemudian menentukan babak-babak zaman dengan menggunakan tahun-tahun. Sebab itu sejarah ini dianggap sebagai legenda dan mythos. Umpamanya riwayat Arjuna Sasrabhu dalam wayang Purwa berlaku dalam kawasan Asia Tenggara purba yang batasnya mulai dari Nusantara terus sampai ke Sungai Yang-tsi dan kawasan-kawasan India Timur, Selatan dan Sri Lanka di antara tahun-tahun 2600–2500 S.M., Riwayat Sri Rama (Ramayana) dalam wayang Siam berlaku di kawasan-kawasan meliputi kepulauan Jepun, Asia Tenggara sekarang, khususnya Semenanjung – Segenting, India Selatan dan Pulau Sri Lanka, di antara tahun-tahun 2400–2300 S.M. Riwayat Pandawa Lima (Mahabharata) dalam Wayang Jawa berlaku dalam kawasan-kawasan meliputi Asia Tenggara terutamanya Semenanjung – Pulau Jawa sampai ke Segenting – Burma Selatan dan hampir seluruh India dan berakhir dengan terjadinya peperangan besar di India Utara hampir dengan Kota Delhi yang menjadikan riwayat ini amat masyhur, peristiwa ini terjadi di antara tahun-tahun 60–73 M. (dalam abad yang pertama Masihi). Akhir sekali riwayat Sri Panji atau Sang Jaya atau Dewa Muda atau Inu Dewa, maharaja Kelantan yang paling agong dalam Wayang Melayu berlaku dalam kawasan-kawasan meliputi seluruh Asia Tenggara sekarang yang diperlambangkan dengan “wau bulan”, kemudian meliputi Pulau Madagaskar dan bahagian selatan dan tengah dari benua Afrika, kemudian meliputi hampir seluruh India, peristiwa ini terjadi di antara tahun-tahun 711–822 M..

Ini adalah fakta-fakta sejarah yang tiada ternilai harganya diabadikan dalam lakon wayang kulit. Tetapi malangnya ketika orang-orang Melayu mengabadikan sejarah ini dengan tutur (riwayat mulut) dalam wayang kulit-wayang kulit, orang-orang India menuliskannya dalam buku-buku seperti Ramayana dan Mahabharata itu dengan pandangan ke Indiaan. Akhirnya orang-orang Melayu sendiri di zaman-zaman kemudian menganggap riwayat-riwayat itu sebagai berasal dari India, berlaku di India, hasil dari budaya Hindu.

Sekarang jelas bahawa wayang kulit adalah suatu alat untuk memberikan pelajaran dan pendidikan kepada rakyat. Memandang dari aspek ini pembela-pembela drama wayang kulit sejak zaman dulu mempertahankan pembuatan patung-patung wayang kulit sebagai tidak bertentangan dengan larangan nabi Muhammad S.A.W., sebab larangan ini dengan tujuan lain, tetapi dalam wayang kulit pembuatan patung-patung itu untuk “mengajar dan mendidik manusia”.

*Falsafah Makyong.* Di atas telah dinyatakan tentang wayang kulit. Sekarang akan dibincangkan salah satu dari amalan-amalan istiadat yang sangat kontroversi sekarang, tetapi bukan zaman dulu, iaitu “makyong”. Makyong mempunyai ciri-ciri falsafah estatika atau keindahan yang tidak ada pada wayang kulit dan memberikan sumbangan kepada rakyat dalam dua bidang serupa dengan wayang kulit iaitu pembentuk watak-watak yang baik dan peningkatan ilmu-ilmu dengan pendekatan yang lebih tinggi daripada wayang





*Upacara mengadap rebab dalam Makyong.*

kulit. Dalam pembentukan watak-watak rakyat, Makyong dapat membentuk beberapa watak di antaranya:-

1. *Beradab dalam hubungan sosial* terutama dengan raja yang diwakili oleh Nur Muhammad atau Makyong itu. Dari sini rakyat dapat belajar dan menerima contoh-contoh bagaimana berbahasa dengan raja dalam bahasa yang sopan dan lemah lembut dan bagaimana pula raja berbahasa dengan rakyat dalam bahasa yang sopan dan lemah lembut pula.
2. *Bijaksana dan sabar.* Rakyat dapat belajar sifat-sifat bijaksana dan sabar dari sikap Nur Muhammad atau Makyong itu melayani perintahnya secara langsung. Kalau marah pun adalah marah untuk pengajaran.

Dalam peningkatan ilmu-ilmu rakyat, makyong mempersembahkan berbagai ilmu ketuhanan, ilmu sejarah dan ilmu kealaman yang lebih tinggi daripada wayang kulit:-

1. *Ilmu keruhanan.* Makyong mempunyai mesej yang sama dengan wayang kulit dalam memberikan pengajaran kepada rakyat tentang hubungan antara Tuhan dan makhluk. Wayang kulit memaparkan "tauhid al-afaal" ertinya "mengesakan tindakan-tindakan" maksudnya segala tindakan makhluk yang berbagai ragam adalah merujuk kepada "tindakan yang esa" iaitu "tindakan Allah" yang diperlambangkan de-

ngan "tindakan dalang", lahirnya "banyak tindakan", pada hakikatnya adalah tindakan yang esa.

Makyong menekankan ilmu ketuhanan dari aspek lain iaitu memamirkan aspek "keindahan Allah". Dalam hubungan antara Tuhan dan makhluk kita tidak melihat dalam makyong kewujudan "tauhid al-afaal" itu, kerana "sri panggung" yang sama dengan "dalang" kelihatan memberikan arahan-arahan kepada makhluk-makhluk, manakala makhluk-makhluk mempunyai pilihan sendiri hendak melaksana atau tidak, hingga setelah dipiat dengan seberkas rotan baru bertindak, tidak sebagaimana dalam wayang kulit di mana setiap makhluk secara automatik bergerak menurut gerak dalang, tanpa ada pilihan sedikit pun.

Tetapi makyong menyatukan Allah dan makhluk dari aspek lain, aspek yang lebih tinggi iaitu aspek "tajali zat Allah" pada makhluk atau dengan kata-kata yang lain aspek kehilangan makhluk dan yang nampak atau yang tajali hanya "Allah" yang dinamakan juga "tauhid al-zat" ertinya "mengesakan zat (Allah)", suatu tingkat yang lebih tinggi dari "tauhid al-afaal" dalam wayang kulit tadi. Bagaimanakah kita hendak memahami kata-kata yang pelik ini? Pelik bagi orang-orang di zaman sekarang tetapi tidak pelik bagi orang-orang di zaman silam.

Falsafah makyong berakar tunjang pada "zat Allah" yang tiada dapat digambar dan tiada dapat diceritakan. Pada zat itu terdapat dua kelompok sifat-sifat, sifat-sifat jamal (indah) dan sifat-sifat jalal (hebat) yang berlawanan dan bertembung, lalu melahirkan "Nur Muhammad" yang bersifat jamal manakala sifat jalalnya melenyap dalam sifat jamal ini. Oleh itu yang nyata bahawa "Nur Muhammad" itu adalah "jamil" iaitu indah, cantik atau comel. Dua kelompok sifat-sifat Allah itu kalau diterapkan pada pembahagian jenis seks, yang jamalnya diwakili oleh perempuan dan yang jalalnya diwakili oleh lelaki. Oleh itu "Nur Muhammad" ini dalam konteks jamalnya ia diperlambangkan oleh nenek moyang kita dengan "perempuan" dan digelar dalam bahasa Melayu kuno dengan "Mak Hyang" ertinya "Dewi yang menjadi ibu bagi seluruh alam", dari sini muncul istilah "makyong", "makyong" ini adalah "sri panggung" dan "sri panggung" adalah "makyong". Dengan konsep ini, bila hendak digambarkan "Nur Muhammad" ini dalam drama dipergunakan seorang perempuan yang indah, cantik atau comel. Oleh kerana "Nur Muhammad" itu sebagai maharaja seluruh alam adalah memakai "mahkota" dan berbagai hiasan di dada yang digelar bushana, maka "makyong" juga pantas sekali memakai "mahkota" dan berbagai hiasan di dada. Dalam drama makyong, bila sri panggung dan berbagai hiasan di dada. Dalam drama makyong, bila sri panggung berlagak sebagai "raja besar" (Nur Muhammad dalam sifat lelakinya), ia digelar "pa' yong". "Makyong" sebagai lambang "Nur Muhammad" itu mestilah memamirkan keindahannya seboleh yang dapat, memamirkan mukanya, lengan-lengannya dan badannya supaya



*Pencak Silat*

nampak kecantikan aslinya iaitu kecantikan Allah, bukan bertutup dengan pakaian yang mungkin memaparkan kecantikan palsu iaitu kecantikan pakaian. Dengan melihat kecantikan asli ini, orang-orang akan kagum dan tercengan melihatkan keindahan Nur Muhammad, atau lebih tepat keindahan Allah, mereka akan mengucap sesuatu yang memuji Allah. Jadinya mereka tidak melihatnya dari segi seks tetapi merujuk kepada Allah. Daripada Nur Muhammad ini lahir roh-roh manusia dan seluruh alam yang amat besar dan luas meliputi arasy, kursi, syurga dan alam yang kita nampak sekarang, kemudian lahir pula manusia dengan roh dan jasad, yang pada hakikatnya adalah indah pula meskipun kita melihat alam ini ada buruknya. Juga kita melihat manusia ini ada yang baik dan ada yang buruk, tetapi pada hakikatnya adalah indah kerana semuanya keluar dari yang indah iaitu "Allah" menerusi saluran "Nur Muhammad". Keburukan itu hanya pada tanggapan akal kita yang kurang sahaja, tetapi andainya Allah bukakan rahsia di sebalik keburukan itu, kebaikan juga yang



*Pemandangan suatu episod dalam makyong.*

akan ditemui.

Kerana alam yang lahir dari Nur Muhammad ini adalah indah, ia mestilah diperlambangkan dalam drama makyong dengan pelakun-pelakun perempuan lain yang cantik-cantik berada di sekitar sri panggung itu, terdiri dari 12 orang yang digelar "panjak tujuh, pengantin lima", sama dengan jumlah kelopak-kelopak bunga teratai yang mengitari bulatan pusatnya iaitu "Nur Muhammad". Hanya terdapat dua orang lelaki sahaja dalam kalangan pelakun-pelakun ini yang digelar "peran tua" dan "peran muda" serupa dengan "Pak Dogol" dan "Wak Long" dalam wayang kulit. Mereka menjalankan tugas-tugas yang dibebankan oleh sri panggung sebagai penghubung di antara "Nur Muhammad" dan "alam yang indah di sekitarnya". Pelaksanaan tugas adalah dari sifat-sifat jala, sebab itu pelaksana-pelaksananya mestilah lelaki.

Jadinya, pada keseluruhan, struktur pelakun-pelakun makyong itu terdiri dari sifat-sifat jala dan jala juga, sebagaimana keadaan alam seluruhnya. Tetapi kerana penonjolan jala itu lebih banyak, ia disifatkan jala pada keseluruhannya. Kerana makyong itu adalah tajali sifat-sifat keindahan Allah, maka keindahan ini bukan sahaja pada rupa sri panggung dan pelakun-pelakun perempuan yang lain, juga keindahan ini berada pada tarian-tarian yang lemah lembut, nyanyian-

nyanyian yang mendayu-dayu, pada perjalanan yang lemah lembut, meliuk lintuk dengan limbaian tangan dan lengan yang lembut pula, semuanya berada dalam lingkungan "adab" atau "sopan" yang menggambarkan kehalusan budi, yaitu keindahan sifat-sifat Allah pada alam, sesuai dengan yang digambarkan pada ukiran-ukiran. Juga keindahan ini berada pada perkataan-perkataan dalam dialog dan perkataan-perkataan dalam nyanyian yang mengandung makna-makna yang mendalam dalam ilmu hakikat.

Bunyi-bunyian muzik dari setiap alat, ada hubungannya dengan Allah. Di antara alat-alat muzik ini, umpamanya alat rebab, dapat melahirkan kasihan sebagai suara orang insaf yang menangis, merayu dan memohon kasihan belas dan kasih sayang dari Allah. Di antara lagu-lagu rebab yang patut disebutkan di sini ialah "lagu mengumbang alif". Perkataan "mengumbang" ertinya "berbunyi berdengung sebagai kumbang" dan perkataan "alif" adalah nama huruf lambang "Allah", jadinya bererti "lagu memohon maaf, merayu-rayu dan memohon kasih sayang dari Allah" dengan ini lahir pula keindahan Allah dari segi bunyi-bunyian.

Bila keseluruhan para pelakon makyong yang berpusat pada "sri panggung" itu melambangkan tajali keindahan Allah, maka "pentas" atau "teater" tempat mereka berlakun itu mestilah mempunyai makna yang sesuai dengan falsafah ini. Pentas ini yang disebut dengan bahasa yang simpel, "bangsal" dan mempunyai bentuk yang simpel pula, tetapi mengandungi pengertian yang dalam. Bangsal ini dipandang sebagai tajali Allah sama dengan para pelakon di dalamnya sebagaimana alam besar tadi adalah tajali Allah untuk menjadi tempat tinggal manusia di dalamnya. Kalau manusia adalah tajali Allah maka alam besar juga adalah tajali Allah. Allah itu esa dan tajali adalah esa, sebab itu semua apa yang dinamakan alam dan manusia pada hakikatnya adalah esa iaitu "Allah".

Dari konsep ini, bangsal makyong itu disifatkan oleh nenek moyang kita sebagai melambangkan nama "Allah" sendiri iaitu "empat tiangnya" melambangkan "empat huruf" yang membentuk nama Allah iaitu "alif, lam, lam, dan ha" (Allah).

Terdapat lagi beberapa lambang ketuhanan dalam makyong ini seperti lenja yang digantungkan pada alang bangsal dan isinya dan lain-lain lagi yang tentu akan memakan ruangan yang lanjut untuk penerangannya.

2. *Ilmu Sejarah*. Dalam drama makyong terdapat beberapa cerita, tetapi yang paling penting ialah cerita "Dewa Muda" (Inu Dewa), Sang Jaya atau "Sri Panji", serupa dengan cerita wayang kulit jenis "Wayang Melayu". Ini menggambarkan "Dewa Muda" adalah seorang tokoh abad ke-8 dan ke-9 yang amat penting bagi seluruh bangsa Melayu khususnya orang-orang Kelantan. Tetapi pendekatan cerita tokoh ini dalam makyong berbeza dari dalam wayang kulit. Dalam wayang kulit itu ceritanya lebih hampir kepada sejarah di atas permukaan

bumi, tetapi dalam makyong — ceritanya ini seluruhnya merupakan perlambangan yang amat tinggi. Setiap kata-kata yang berhubung dengannya merupakan bahasa hakikat yang penuh dengan perlambangan. Jadinya penceritaan Dewa Muda dalam makyong adalah lebih tinggi dari dalam wayang kulit. Ini adalah sesuai dengan makyong sebagai tajali keindahan, maka bahasanya juga mestilah bahasa seni yang mempunyai nilai estatika dalam struktur dan maknanya. Tidak ada riwayat peperangan-peperangan dalam cerita Dewa Muda ini sebagaimana dalam wayang kulit, yang dipentingkan ialah keindahan itu.

3. *Ilmu mengenai alam atas dan alam bawah.* Sebagaimana dalam wayang kulit, maka begitu juga dalam makyong, kita tidak dapat mengelak dari menghadapi suatu kenyataan yang menjadi pengalaman bagi nenek moyang kita yang tinggi maqamnya di sisi Allah iaitu wujudnya alam atas yang ghaib yang dinamakan "kayangan" dan alam bawah yang nyata iaitu "bumi". Alam kayangan adalah tempat tinggal dewa-dewa iaitu rasul-rasul, nabi-nabi dan orang-orang wali yang ghaib, manakala bumi tempat tinggal manusia biasa, juga tempat turunnya dewa-dewa itu baik secara langsung atau menerusi kelahiran oleh ibu untuk bertugas memberikan hidayah kepada manusia biasa. Cerita Dewa Muda dalam makyong jelas sekali menggambarkan peranan Dewa Muda pada dua alam ini dan akhirnya ia hilang, naik ke atas kayangan, bukan mati.

Kenyataan ini bukan bermakna makyong hendak membawa kita kepada alam khayal, tetapi suatu yang benar-benar wujud dan benar-benar terjadi. Oleh kerana kita sekarang telah diajar dan dilatih oleh pemikiran yang rendah dari barat yang sesuatunya mestilah bersifat empirikal dan objektif, kita merasa semua itu adalah khayal, sedangkan sebenarnya adalah pengalaman yang bersifat objektif bagi nenek moyang kita sendiri yang dulunya dianggap sebagai perkara biasa sahaja. Kemudian menjadi kepercayaan bagi generasi-generasi baru yang berada di antara dua tahap kekosongan dari peristiwa-peristiwa itu.

Demikianlah yang dapat didedahkan secara singkat mengenai makyong dari aspek-aspek falsafah ketuhanan dan keindahan. Apakah gunanya Dewi Durga atau Che Siti Wan Kembang<sup>43</sup> menciptakan drama yang terlalu tinggi falsafahnya ini?

Untuk menjawab soalan ini, kita perlu memandang kepada dua sosio-budaya yang amat berbeza dalam masyarakat kita di antara dua tahap zaman. Bagi manusia Melayu yang hidup dalam zaman pencipta makyong itu, menilai falsafah makyong sebagai suatu yang biasa sahaja dan dapat ditanggapi oleh fikiran manusia biasa, kerana akidah ketuhanan harian mereka, akidah wahdah al-wujud yang telah diterapkan dalam segenap bidang kehidupan lebih-lebih lagi kehidupan kesenian mereka. Tetapi menjadi begitu pelik dan tinggi bagi

43 Makyong ini diciptakan oleh Dewi Durga dalam tahun 1320 di Kota Kuala Krai ketika ia menjadi Raja di Hulu Kelantan.

manusia sekarang, kerana akidah mereka, akidah berasaskan ilmu al-kalam adalah berbeza dari dulu, tanpa wujud suatu kesinambungan atau suatu jambatan yang menghubungkan antara dua tahap sosio-budaya itu dan memperlunakkan perbezaan yang tajam tersebut.

Cuma gunanya makyong itu buat manusia sekarang adalah menjadi bahan untuk kajian ilmu ketuhanan warisan nenek moyang mereka menerusi drama, sama dengan bentuk bangunan Masjid Kampung Laut menjadi bahan kajian ilmu ketuhanan warisan nenek moyang yang sama.

Akibat dari perbezaan dua tahap sosio-budaya itu, nenek moyang kita di zaman silam melihat makyong dari sudut keindahan Allah, tetapi sekarang kita melihat dari segi "permainan" sahaja.

Walau bagaimanapun sikap memandang makyong itu sebagai "permainan" masih beruntung lagi, kerana ia masih kekal dan akan menjadi bahan kajian untuk generasi akan datang untuk mencari falsafahnya yang sebenar, yang paling ditakuti, bila timbul golongan yang mengecapnya sebagai budaya Hindu, maksiat, kafir dan syirik, akhirnya warisan budaya yang amat berharga ini lenyap terus dan generasi akan datang tidak dapat lagi menggali dan menemui kegeniusan dan kebijaksanaan nenek moyang mereka.

### Seni Budaya Di Antara Berbagai Masalah Sosial Ke Arah Akhir Dari Abad Ke-19.

Bencana alam dan kelaparan yang menimpa negeri Kelantan ke arah akhir dari abad ke-19, menjadi latar belakang bagi kemunculan berbagai masalah sosial dalam negeri Kelantan yang penduduknya kuat beragama dan baik. Seni budaya tradisi Kelantan juga turut terumbang ambing dalam kancah berbagai masalah ini dan menjadikan dirinya turut bermasalah.

*Tahun Kelaparan.* Negeri Kelantan telah ditimpa oleh bencana angin puting beliung yang paling besar dalam sejarah Semenanjung, setakat yang diketahui, dan diingati hingga sekarang dengan gelaran "angin besar". Angin ini berserta dengan hujan lebat terjadi dari jam 3.30 petang 10 Zulhijjah 1297<sup>44</sup> bersamaan dengan 13 November 1879 dan berlanjutan hingga petang esok (24 jam).<sup>45</sup>

Angin besar telah memporakperandakan negeri Kelantan dari kawasan hilir yang paling padat penduduknya menuju ke hulunya menuruti sepanjang Sungai Kelantan dan lembah-lembah berpenduduk di kiri kanannya lalu membengkok ke Sungai Pergau bersama lembah-lembah berpenduduk di kiri kanannya, juga menuju ke celah-celah lereng bukit dan gunung yang berpenduduk, menumbangkan pokok-pokok kayu besar dan kecil, menerbangkan rumah-rumah bersama penghuninya, membunuh hampir seratus ribu (100,000) penduduk, hanya tinggal lebih dari seratus ribu yang masih hidup.

Peristiwa yang terjadi dengan teratut dan nyata mempunyai tujuan ini sungguh meyakinkan orang-orang Kelantan pada zaman itu bahawa angin puting beliung itu bukanlah suatu peristiwa bencana alam yang membabi buta, tetapi

44 Tarikh ini bersama jamnya diambil dari Ringkasan Tarikh Kelantan (manuskrip) oleh Encik Othman bin Yusoff, him. 58.

45 Biasanya orang menyamakan tarikh Hijriyah itu dengan tahun Masihi 1880, bila penulis mengubah tarikh Hijriyah itu kepada tarikh Masihi, ia menjadi 13 November 1879.

adalah suatu rancangan Tuhan yang teratur untuk membinasakan penduduk Kelantan yang fasik pada zaman itu yang mana penduduk yang soleh pun turut binasa bersama.

Kefasikan orang-orang Kelantan yang terbesar pada zaman itu ialah "perjudian" dengan segala macam anikanya dari kawasan hilir sampai ke kawasan hulunya. Bila hidup leka dalam perjudian, timbul pasangannya iaitu "tidak sembahayang" dan "perkosaan atas wanita-wanita". Inilah yang menimbulkan kemarahan Tuhan. Orang-orang Kelantan percaya angin puting beliung itu seolah-olah dihembuskan dengan hebat dari suatu jentera ghaib di angkasa yang bebas memilih tempat mana yang akan dihembuskan. Dari kepercayaan ini mereka percaya segala-galanya baik dan buruk adalah dari tindakan Tuhan yang teratur dan bertujuan.

Dari sebalik kemarahan Tuhan yang nyata ini, mengandungi kasih pada hakikatnya kepada penduduk negeri ini dengan cara meletakkan mereka pada status orang-orang yang mati syahid dan tempatnya di dalam syurga.

Ini adalah falsafah hidup yang sering didengar dari orang-orang tua dalam hubungannya dengan peristiwa "angin besar" yang menggerunkan itu.

Hampir dua tahun kemudian, pada pertengahan tahun 1881, berlaku musim kemarau yang amat teruk dan lama, menimbulkan wabak penyakit kolera, malaria dan lain-lain yang mematikan ramai penduduk Kelantan dan menimbulkan wabak penyakit binatang-binatang ternakan yang membunuh  $\frac{3}{4}$  dari lembu-lembu dan kerbau-kerbau kepunyaan kaum tani<sup>46</sup>. Akibat dari kemusnahan binatang-binatang ternakan ini, banyak sawah padi yang tidak dapat dikerjakan. Kerja-kerja menenggal sawah hanya dapat dilakukan dengan tajak dan cangkul sahaja, dan pada setengah-setengah tempat kaum tani menenggal dengan manusia sebagai ganti lembu dengan cara meletakkan nanggal (alat tenggal) di atas tengkok manusia dan mengheretnya dalam sawah. Oleh itu sawah-sawah itu tidak dapat ditanami sepenuhnya.

Keadaan ini menyebabkan berlakunya kelaparan rakyat seluruh Kelantan, di samping memakan buah-buahan mereka terpaksa memakan umbut-umbut kelapa dan pinang, rias-rias pisang, buah-buah betik dan lain-lain untuk pengalasan perut.

Untuk mengatasi keadaan ini, Sultan Muhammad II yang sudah tua itu memohon dari kerajaan Siam supaya menghantarkan beras ke negeri Kelantan yang menyebabkan kelaparan rakyat Kelantan dapat diatasi.

Oleh kerana kemusnahan oleh angin besar dan diikuti oleh kelaparan ini, ramai penduduk Kelantan berpindah keluar, menuju ke wilayah-wilayah Narathiwat dan Patani (Siam Selatan), ke Kedah, Perak, Terengganu dan Pahang. Ada pula yang masuk ke bandar-bandar terutama bandar Kota Bharu menghambakan diri kepada orang-orang berada asalkan dapat makan sesuap nasi sehari. Ada pula yang berhutang daripada orang-orang berada itu dan bila tidak dapat menjelaskan hutang ini menurut tempoh yang ditetapkan lalu menjadi hamba untuk menebus hutang dengan bayaran tenaga.

*Tahun-Tahun Pemulihan.* Dalam tahun kelaparan itu, terlalu ramai orang

<sup>46</sup> Hugh Clifford menganggarkan kemusnahan binatang-binatang ternakan ini sebanyak 60% (lihat *A Journey Through the Malay States of Terengganu and Kelantan*).



yang menjualkan tanah-tanah dengan harga beberapa ringgit sahaja seekar atau sekeping sawah untuk membeli makanan, termasuk tanah-tanah milik raja. Oleh itu dalam tahun 1882, Sultan Muhammad II memerintahkan kweng-kweng (penggawa-penggawa atau penghulu-penghulu) supaya membanci dan mendaftarkan tanah-tanah di seluruh Kelantan untuk memastikan berapa banyak tanah yang telah menjadi milik individu atau rakyat dan berapa banyak tanah milik raja atau negara, untuk membetulkan semula hak milik tanah dan memudahkan kerja pembahagian tanah kepada rakyat untuk mengatasi masalah kelaparan.

Di negeri Kelantan sejak zaman dulu, seluruh tanah adalah milik raja atau milik negara. Kemudian raja mengurniakan tanah-tanah itu kepada rakyat dari semasa ke semasa. Tanah-tanah kurniaan ini menjadi milik individu, dan inilah yang hendak dipastikan oleh raja Kelantan itu dan sekarang telah menjadi kacau bilau oleh penjualan-penjualan tersebut. Tanah-tanah yang telah dijual itu didaftarkan, ditentukan semula batas-batasnya dan disahkan hak miliknya oleh tuan-tuan punya yang baru, takut timbul pertengkaran dan perbalahan di kemudian hari, dan disuruh bersihkan untuk dijadikan sawah dan kebun, manakala raja sendiri membahagi-bahagikan ribuan ekar tanah kepada rakyat yang tidak bertanah langsung atau tanah mereka telah terjual untuk ditanami dan diperakukan sebagai milik individu<sup>47</sup>.

Dengan cara ini, dalam tahun 1883, ekonomi rakyat mulai menempoh zaman pertumbuhan kembali secara beransur-ansur. Beberapa tahun kemudian, kita dapati ramai putera-putera Kelantan yang dapat melanjutkan pelajaran ke Mekah, termasuk Haji Awang Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali) bersama sahabatnya Haji Awang bin Ahmad (Tok Kemboja Tua) yang bertolak ke Mekah dalam tahun 1886<sup>48</sup>.

*Pelaksanaan Hukum-Hukum Jenayah Islam.* Sejak pertengahan tahun 1881, setelah zaman kelaparan itu bermula, tindakan-tindakan jenayah dari orang-orang yang kelaparan terjadi di mana-mana dalam negeri Kelantan iaitu "pencurian" dan "perompakkan", mereka melakukannya untuk mendapat rezeki bagi keperluan hidup harian, kalau tidak melakukan tindakan-tindakan ini, mereka akan mati kelaparan.

Bila melihat kesalahan-kesalahan jenayah ini begitu banyak, pada akhir tahun 1883 Sultan Muhammad II memerintahkan pelaksanaan "hukum-hukum jenayah Islam" dalam pencurian dan perompakkan iaitu "hukum pengudungan"

47 Fakta-fakta mengenai kelaparan dan pemulihan di atas ini berdasarkan keterangan Mohd. Hussin Khal' bin Haji Awang dalam 'Kelantan Dari Zaman ke Zaman' halaman 73-7 dan Riwayat-Riwayat Tradisi yang penulis sering mendengarnya dari orang-orang tua sejak zaman sebelum Perang Dunia II, hingga selepas banjir besar di Kelantan pada akhir tahun 1966 dan awal tahun 1967. Biasanya cerita-cerita ini diriwayatkan oleh orang-orang tua sesuai dengan peristiwa-peristiwa besar seperti ribut dan banjir dan kesusahan hidup di zaman-zaman kemudian.

48 Berdasarkan kajian penulis tentang empat orang ulama Kelantan yang bertolak dari Mekah menuju ke Kamboja di antara tahun-tahun 1892 dan 1896, kalau kita andaikan mereka telah belajar di Mekah selama 8 tahun, ini bererti mereka telah bertolak dari Kelantan ke Mekah antara tahun-tahun 1884 dan 1888. Kalau lebih lama dari ini mereka belajar di Mekah tentu tidak kurang daripada selama 12 tahun. Ertinya mereka bertolak dari Kelantan ke Mekah paling akhir dalam tahun 1879, beberapa bulan sebelum angin besar (lihat "Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam", Warisan Kelantan VIII, 1989, hlm. 6-41).

bagi pencuri-pencuri dan "bunuh" bagi perompak-perompak yang membunuh. Meskipun telah banyak rakyat yang telah dikudung dan dibunuh, pencurian dan perompakkan itu tetap menjadi-jadi. Ada suatu cerita tradisi yang masyhur terjadi dalam zaman ini, seorang hamba Allah di Kota Bharu yang mencuri telah dikudungkan tangan kanannya, bila ia didapati mencuri kali yang kedua, dikudungkan tangan kirinya, didapati mencuri kali yang ketiga, dikudungkan kaki kanannya dan bila didapati mencuri kali yang keempat, dikudungkan kaki kirinya. Meskipun demikian ia tetap mencuri lagi dengan menyauk sebuah kawah dengan kedua-dua lengannya, menjunjung dan melarikannya bila tuannya alpa, kemudian menjualnya kepada orang lain untuk mendapat rezeki sesuap nasi pagi dan petang. Bila ia ditangkap dan diserahkan kepada Sultan, baginda memeliharanya hingga keakhir hayatnya<sup>49</sup>.

Bila ekonomi mulai pulih, pencurian dan perompakkan untuk hidup itu makin berkurang, tetapi bercambah pula orang-orang tamakkan harta dengan cara beradu untung nasib iaitu "berjudi". Mereka melakukan kerja-kerja berlaga lembu dan kerbau, berlaga biri-biri dan kambing, menyabung manusia menerusi peraduan silat, menyabung ayam, burung puyuh, ikan sepilai, ikan kekaring dan lain-lain, yang anih mereka berlaga semut dan berlaga kukuran (alat mengukur nyior) dengan membaca jampi-jampi menyebabkan dua kukuran berlaga. Mereka melakukan tindakan-tindakan perlagaan dan penyabungan ini dengan tempik sorak sebagai suatu penghiburan, tetapi mesti ada "wang pertaruhan" dan ini adalah "perjudian".

Orang yang kalah dalam perjudian ini, "mencuri" dan "merompak" untuk mendapatkan semula modal pertaruhan yang telah hilang dan menyara kehidupan keluarganya dan orang yang menang juga "mencuri" dan "merompak" kerana tamakkan harta supaya menjadi lebih kaya. Sering juga terjadi orang yang kalah judi diperas ugut dan dipaksa oleh yang menang supaya merompak. Orang-orang ini meskipun tahu hukum-hukum agama Islam tentang dosa dan pahala, tahu tentang cara-cara sembahayang dan puasa, tetapi semua pengetahuan ini dicampakkan ke belakang, sembahayang dan puasa tidak dilakukan, hidup sebagai "orang-orang jahil"<sup>50</sup>.

Sekarang kita berbicara tentang pencurian dan rompakan dalam Kelantan akibat kelaparan dan kemudian akibat perjudian serta hukum-hukum jenayah Islam yang dikenakan atas pesalah-pesalah selama tiga tahun (dari tahun-tahun 1883 hingga tahun 1886) dalam sepanjang akhir zaman pemerintahan Sultan Muhammad II. Bila memandang kepada isu ini sahaja, tergambar dalam fikiran kita alangkah jahatnya penduduk Kelantan itu dan alangkah ramainya pesalah-pesalah yang dihukum kudung dan bunuh. Sebenarnya, penduduk seluruh Kelantan tidaklah seburuk yang tergambar itu, sebahagian terbesarnya adalah orang-orang baik dan hidup bekerja dan berusaha dalam segenap bidang ekonomi seperti biasa. Menurut sumber-sumber dari pihak orang yang rapat dengan istana dan penulis pernah mendengarnya sejak zaman pemerintahan Jepun dulu bahawa orang-orang yang telah dihukum kudung kerana mencuri, dihukum bunuh kerana melakukan pembunuhan dalam rompakan dan termasuk

49. Dari riwayat orang-orang tua.

50. Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir dan orang-orang tua lain.

orang yang dihukum rejam kerana berzina dalam tempoh tiga tahun itu, tidak lebih daripada 200 orang sahaja dan jumlah ini tidak begitu besar dibandingkan dengan jumlah penduduk Kelantan pada zaman itu.

Tetapi Hugh Clifford yang datang ke Kelantan dalam tahun 1895 dan mendengar berita ini telah membuat suatu anggaran yang tidak masuk akal, dicampur dengan kebenciannya terhadap pelaksanaan hukum-hukum syariat di Kelantan, dengan menyatakan bahawa dalam zaman Sultan Muhammad II telah berlaku pembaziran jiwa manusia secara besar-besaran di Kelantan dan mengatakan bahawa orang yang dihukum bunuh menerusi hukum-hukum syariat sahaja, kiranya hidup semula "boleh membuka sebuah negeri dan kerajaan baru dalam Semenanjung Tanah Melayu". Keterangan ini katanya diambil dari Nik Soh (Nik Yusoff bin Nik Abdul Majid) Dato' Sri Paduka<sup>51</sup> yang menjadi Menteri Besar Kelantan buat kali yang kedua (1894-1900).


*Pengharaman Atas Seni Budaya.* Dalam zaman kerosakan masyarakat dari segi ekonomi ini, dari segi rohani juga masyarakat Kelantan mengalami kerosakan, banyak kumpulan wayang kulit dan makyong yang berusaha untuk mempunyai "pendapatan" yang lebih, mencari reputasi dan kemasyhuran dalam masyarakat dengan memelihara makhluk-makhluk halus seperti jin, hantu raya, pelesit dan lain-lain. Penduduk kampung-kampung yang terkena sihir kumpulan-kumpulan seni budaya seperti ini akan tergila-gila kepada kumpulan-kumpulan ini, mereka mengikuti lakunan-lakunan wayang kulit dan makyong sejak selepas isyak hingga sampai naik fajar begitulah seterusnya. Inilah yang dikatakan orang bila terkena ilmu pengasih makyong "makan tak kenyang, tidur tak lena". Oleh itu kumpulan-kumpulan wayang kulit dan makyong yang unggul seperti ini sahaja yang laris dijemput ke majlis-majlis kahwin dan kenduri.

Sultan Muhammad II atau Sultan Long Senik Mulut Merah yang menghadapi cabaran-cabaran masyarakat yang berat pada akhir zaman pemerintahannya telah mangkat dalam tahun 1886. Baginda diganti oleh puteranya Long Sulung dengan memakai gelaran "Sultan Ahmad" (1886-1889).

Dalam tahun 1887, hampir setahun setelah baginda memerintah, seorang puteri baginda yang cantik telah digoda oleh ilmu pengasih seorang peran makyong yang menyebabkan puterinya jatuh cinta dan dilarikan oleh peran itu

51 Lihat bukunya 'Studies in Brown Humanity', terjemahan dalam 'Pengasuh' bilangan 219/220, tahun ke-10, 2 dan 16 Mei 1927 hlm. 20. Nampaknya Clifford telah silap faham bila mendengar keterangan dari Menteri Besar Kelantan itu, tentunya yang dimaksudkan oleh Menteri Besar ialah seluruh penduduk Kelantan yang telah terbunuh oleh kerana perang saudara dalam tahun 1839, percubaan-percubaan memberontak, angin besar, wabak penyakit dan yang dihukum bunuh kerana merompak dan berzina dalam sepanjang zaman pemerintahan Sultan Muhammad II dari tahun 1837 hingga tahun 1886. Andainya dijumlahkan semuanya tentulah mencapai angka separuh penduduk negeri Kelantan. Tadi telah dinyatakan bahawa yang terbunuh dalam peristiwa angin besar sahaja mencapai angka hampir 100,000. Kalau dikira jumlah keseluruhan yang terbunuh itu dapat diterima akal kiranya mereka hidup kembali dapat membuka sebuah negeri dan kerajaan baru dalam Semenanjung Tanah Melayu ini. Tetapi bila mendengar keterangan ini, tergambar dalam fikiran Clifford yang anti syariat Islam itu sebagai pesalah-posalah yang dihukum bunuh secara sewenang-wenang oleh Sultan Muhammad II atau pun mungkin ia sengaja memutarbelitkan fakta sejarah itu dengan bersandar kepada kenyataan seorang tokoh yang dihormati.

## GUNUNGAN



*Pokok lambang bagi alam dan batang lambang "Jalan yang lurus" menuju kepada Allah, bangunan lambang tempat beribadat untuk sampai kepada Allah Raksasa dan binatang-binatang lambang ujian-ujian Allah ditengah jalan menuju kepadanya.*

entah ke mana. Kemudian baru diketahui telah dibawa ke negeri Perak tempat yang agak ramai orang-orang Kelantan berpindah dalam zaman kelaparan beberapa tahun yang lalu.

Bila mengetahui peristiwa ini, Sultan Ahmad amat malu dan marah, ia bertindak mengharamkan drama makyong dan seluruh jenis seni budaya tradisi yang dikatakannya permainan-permainan tempat syaitan-syaitan bertandang.<sup>52</sup>

Tetapi pengharaman ini berkuatkuasa kira-kira setahun sahaja. Ramai orang merayu hal kepada Menteri Besar ketika itu, Nik Yusoff bin Nik Abdul Majid (Dato' Sri Paduka) supaya seni budaya itu dihalalkan semula kerana kasihan kepada rakyat hidup tanpa penghiburan.

Bila rayuan-rayuan rakyat ini diangkat oleh Dato' Seri Paduka kepada baginda, baginda menerimanya atas alasan kasihan belas kepada rakyat. Tetapi bagi baginda bukanlah rayuan rakyat yang menentukan arah pentadbirannya dalam sesuatu yang melibatkan kehidupan seni budaya tradisi ini. Sebab yang sebenarnya dalam lubuk hati baginda sendiri adalah kasih terhadap seni budaya ini, yang baginda marah ialah tentang salah gunanya. Oleh itu baginda ingin berhubung dengan Allah sendiri untuk mendengar apa-apa komen daripadanya, kalau Allah melarangnya baginda akan meneruskan pengharaman, kalau tidak baginda akan terus menghalalkannya. Sultan Ahmad memasuki suluk beberapa hari beramal dan mentawajuhkan kalbu terhadap Allah dan berakhir dengan mendapat jawapan yang positif dari Allah, kemudian baginda memohon dengan rasa penuh rendah diri: "Wahai Tuhanku! moga-moga tidak akan berlaku apa-apa lagi fitnah atas semua jenis permainan orang-orang Kelantan ini."<sup>53</sup>

*Lima Orang Pelindung Seni Budaya.* Setelah keluar dari suluk itu Sultan Ahmad memerintahkan supaya semua seni budaya itu dihalalkan. Baginda melantik lima orang tokoh menjadi "pelindung-pelindung kecil" bagi semua jenis seni budaya. Manakala Sultan sendiri sebagai "pelindung besar". Perlantikan ini dapat dikira sebagai terjadi dalam tahun 1888 tersebut.

Pelindung-pelindung kecil ini sebahagian besarnya adalah putera-putera baginda sendiri:-

1. Wayang kulit terdiri dari "Wayang Melayu" (yang melakukan cerita-cerita Sri Panji) dan "Wayang Jawa" (yang melakukan cerita-cerita Pandawa Lima) diletakkan di bawah perlindungan Tengku Chik Tuan Abdullah bin Sultan Ahmad bergelar "Tengku Bendahara".
2. Wayang kulit dari jenis "Wayang Siam" (yang melakukan cerita-cerita Sri Rama) di bawah perlindungan Long Sulaiman bin Sultan Ahmad bergelar "Tengku Sri Pekerma Raja" (Sri Vikramaraja).
3. Makyong di bawah perlindungan Long Salleh bin Sultan Ahmad, bergelar "Tengku Temenggung Aria Wangsa".
4. Menora di bawah perlindungan Tengku Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III bergelar "Raja Muda".


52 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir. Dalam 'Hikayat Sri Kelantan' dinyatakan: "... hingga sampai (zaman) Sultan Ahmad dilarang menora, makyong dan segala yang haram semuanya ikut hukum Allah, maka pada masa itu jadi amanlah adanya", hlm. 53 (naskhah taip huruf Jawi).

53 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.




Pak Dogol  
(Semar)

(Syeikh Muhammad Samman Waityulla)



Wak Long  
(Gareng)



Tok Maha Siko  
(Maha Resyi)  
(Nabi Khaidir)

Tiga tokoh Dewa (Wali/nabi) yang telah turun berkali-kali ke dunia untuk bertugas. Nama-nama dalam bahasa Melayu Kuno adalah ketika kelahiran mereka di Alam Melayu dalam zaman purba dan nama-nama dalam bahasa Arab adalah ketika kelahiran mereka dalam Dunia Arab. Rupa-rupa mereka di atas adalah secara simbolik, bukan sebenar, sesuai dengan watak-watak mereka dalam drama.

5. Puteri di bawah perlindungan Tengku Chik bin Long Bongsu Penambang bergelar Tengku Panglima Raja dan amat terkenal dengan gelaran "Tengku Pra'-nat" (Phra Amnat).
6. Pencak silat di bawah perlindungan Tengku Besar Long Mahmud bin Sultan Ahmad bergelar "Tengku Sri Maharaja Pemangku Bumi".
7. Tarian asyik dan rebana besar di bawah perlindungan Sultan sendiri<sup>54</sup>.

Dengan cara tiap-tiap seorang tokoh menjadi pelindung tiap-tiap satu jenis seni budaya itu, dapatlah diteliti dan dipastikan dengan sebenar mana-mana yang telah kemasukkan unsur-unsur yang salah, supaya dapat dibetulkan kembali hingga menjadi bersih dan tulen.


*Badan Tribunal Diraja.* Lima orang pelindung ini kemudiannya menjadi suatu "Badan Tribunal Diraja" (Badan Pengadilan Diraja) atau dapat dikatakan sebagai "Mahkamah Inquisition" (Mahkamah Penyelidikan) yang menjalankan tugas pembersihan secara besar-besaran terhadap ajaran-ajaran salah dalam "seni budaya". Dua pelindung wayang kulit, Tengku Chik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara) dan Long Sulaiman (Tengku Sri Pekerma Raja) mengadakan pemeriksaan atas tiap-tiap kumpulan wayang kulit dalam seluruh negeri Kelantan. Pelindung makyong, Long Salleh (Tengku Temenggung) mengadakan pemeriksaan atas tiap-tiap kumpulan makyong dalam seluruh negeri Kelantan. Begitulah pelindung tiap-tiap jenis seni budaya yang lain memeriksa jenis seni budaya yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Tetapi yang amat dipandang berat dalam tribunal ini ialah drama-drama wayang kulit dan makyong. Ada empat ciri penting ajaran salah dalam dua drama ini yang ditujukan dalam pemeriksaan:-

1. Pemeliharaan makhluk-makhluk halus seperti jin, hantu raya, pelesit dan lain-lain.
2. Akidah yang salah.
3. Cerita-cerita yang karut.
4. Cerita-cerita yang menyinggung Sultan.

Telah dikenal pasti bahawa punca yang menimbulkan ajaran salah ialah pemeliharaan makhluk-makhluk halus itu. Oleh kerana kumpulan-kumpulan wayang kulit dan makyong adalah begitu banyak dalam abad ke-19, menyebabkan terjadi persaingan hebat di antara mereka. Kumpulan wayang kulit atau makyong yang unggul mendapat sambutan dan sanjungan dalam masyarakat. Oleh faktor inilah masing-masing kumpulan berikhtiar untuk reputasi kumpulannya dengan memelihara makhluk-makhluk halus. Kalau seorang dalang, ia memuja patung Semar dan meletakkan makhluk halus itu pada patung Semar. Kalau seorang sri panggung makyong, ia sendiri memakai makhluk halus itu menerusi semacam ilmu supaya ia kelihatan comel dan menarik minat para penonton.

Pemeliharaan makhluk-makhluk halus ini menjadi punca bagi munculnya dua ciri yang berikutan: akidah yang salah termasuk jampi mentera yang sesat dan munculnya cerita-cerita karut dalam wayang kulit dan makyong.

54 *Ibid.*



Siti Dewi (Sinta Dewi)  
(Siti Zubaidah)



Hanuman.



Raja Sri Rama.

Tiga tokoh dewi dan dewa ini juga telah turun berkali-kali ke dunia sejak zaman purba untuk bertugas. Di sini diberikan tumpuan khas kepada Siti Dewi (Sinta Dewi) sahaja. Ia telah turun ke beberapa negeri di timur dan di barat dalam sepanjang sejarah dunia, ia adalah salah seorang dari tiga dewi yang paling cantik dalam alam dan sentiasa menjadi sebutan dimana-mana. Ia terkenal dengan nama-nama: Dewi Tara, Dewi Izanami, Dewi Venus, Puteri Balqis, Dewi Sambhudra, Ken Dedes, Dewi Nareswari, Dewi Sudaksina, Puteri Sa'dong, Siti Zubaidah dan lain-lain.



Ciri ajaran ilmu salah yang keempat, iaitu cerita-cerita yang menyinggung Sultan tidak berpunca dari pemeliharaan makhluk-makhluk halus itu, tetapi dari rasa tidak puas hati dengan tindak tanduk Sultan. Perasaan ini diluahkan dalam drama-drama itu terutamanya makyong, cerita-cerita kelakar "kera kudung" dan "monyet tempang" adalah di antara cerita-cerita sindiran terhadap hukum "pengudungan" pada zaman itu. Jadinya wayang kulit dan makyong menjadi media untuk rakyat meluahkan perasaan terhadap raja di zaman dulu.

Berhubung dengan "akidah", semua dalang wayang kulit dan sri panggung makyong mempunyai akidah "wahdatul wujud" iaitu akidah ahli-ahli hakikat dan makrifat, tetapi mereka tidak beramal ibadat. Oleh kerana ilham dari makhluk-makhluk halus yang mereka pelihara, akidah itu menyeleweng dan rosak. Dalang-dalang dan sri panggung-sri panggung makyong mempunyai akidah-akidah yang ganjil bunyinya kalau mereka ucapkan dalam jampi dan mentera dan umumnya mereka meninggalkan sembahyang kerana akidah itu, bukan kerana malas.

Oleh itu "pemeliharaan makhluk-makhluk halus" itu yang ditekan benar-benar dalam pemeriksaan sebelum dibawa kepada "hakim" atau "Sultan". Pelindung-pelindung seni budaya yang muda-muda itu sebelum memegang tugas mereka, sejak lama dahulu adalah ahli-ahli ibadat dan ahli-ahli hakikat yang memang telah dapat berhubung dengan orang-orang wali, khususnya, Syeikh Muhammad Samman Waliyullah. Bila seorang dalang atau sri panggung yang disyaki memelihara makhluk-makhluk halus dibawa ke depan seorang pelindung, pelindung memastikan lebih dulu ajaran salah yang dipunyai mereka dengan soal siasat. Bila mereka berkeras tidak mengaku salah, baru ia sembahyang hajat memohon Allah tunjukkan benarkah atau tidak benar pengakuan si terdakwa ini, kemudian beramal ibadat memohon Allah datangkan Syeikh Muhammad Samman Waliyullah supaya memberikan kenyataan yang sebenar. Kemudian Syeikh Muhammad Samman Waliyullah datang memberitahu jenis makhluk halus yang ada bersama si terdakwa itu, kalau pelesit ia nyatakan namanya dan kampung tempat datangnya.

Kemudian kes ini diserahkan pula kepada beberapa orang ahli pertapa dan kasyaf yang akan menangkap pelesit itu. Ada tiga orang ahli pertapa dan kasyaf pada zaman itu yang bekerjasama dengan Sultan Ahmad, mereka ialah Nik Soh (Yosoff), Nik Lah (Abdullah) dan Nik Sin (Hussin)<sup>55</sup>. Mereka dapat menangkap pelesit itu dan mana-mana pelesit yang dapat melepaskan diri dikejar sampai ke rumahnya dan menangkapnya, memenjarakannya atau menambatnya dengan ilmu kebatinan hingga tinggal di dalam penjara atau di tempat tambatannya tanpa makan minum dan tanpa dapat berjalan hingga hari kiamat.

Selepas dalang-dalang dan sri panggung-sri panggung dibersihkan dari syaitan-syaitan yang mempengaruhi jiwa mereka, barulah kes mereka dibawa kepada "hakim" atau "Sultan" untuk dihukum. Mereka dihukum dengan cara dimandikan dengan air kolah atau dihukum selam dalam kolah yang terletak dalam kawasan Balai Besar. Air kolah itu telah dibacakan dengan ayat-ayat al-

55 Nik Soh itu berasal dari Jawa, nama asalnya lain. Gelaran "Nik" yang diberikan kepada mereka bertiga bukan kerana mereka keturunan "Nik", tetapi adalah perbahasaan raja kepada mereka kerana kasih, bermanja dan berharap.



*Rawana.*



*Jin Pentra (Batara) Kala.*

Quran supaya ada barakahnya. Hukuman ini bukan apa-apa hanya sebagai suatu syarat terakhir menandakan segala-galanya telah selesai dan memberi malu kepada pesalah-pesalah itu, kerana Sultan sendiri yang melaksanakan hukuman ini dengan disaksikan oleh orang ramai.

Bukan semua dalang dan sri panggung tergereng ke ajaran salah, sebahagian lagi dari mereka adalah bersih. Setelah diperiksa mereka dibebaskan. Yang tetap salah dan dihukum dalam zaman Sultan Ahmad ini hanya kira-kira 15 orang dalang dan 7 orang sri panggung sahaja.

Di antara dalang-dalang yang telah dihukum selam dalam kolah dan masih diingati:-

1. Dalang Awang Besar dari Kuala Besar, kesalahan-kesalahannya memelihara makhluk halus, mengatakan Semar adalah mani Tuhan (Dewa Sang Hyang Tunggal) dan tidak sembahyang.
2. Dalang Pak Dolah Pantai Damat (Dalang Bulat), kesalahan-kesalahannya memelihara makhluk halus, mengatakan Semar adalah mani Tuhan (Dewa Sang Hyang Tunggal) dan tidak sembahyang.
3. Dalang Kadir Tok Suri dari Pulau Suri dekat Teluk Ranjuna, kesalahan-



*Dewa Sang Hyang Tunggal  
(Nur Muhammad)*

kesalahannya memelihara makhluk halus dan tidak sembahayang<sup>56</sup>.

Di antara beberapa orang sri panggung yang dihukum dan masih diingat:-

1. Che Fatimah yang digelaran "Cik Atin", seorang yang comel, dihukum selam kerana memakai makhluk halus untuk mencantikkan rupa.
2. Siti Selamah yang digelaran "Mas Ayu", seorang yang lebih comel lagi. Ia tidak dihukum selam, hanya dihukum mandi dengan air kolah sahaja oleh Sultan, kerana memakai makhluk halus untuk mencantikkan

<sup>56</sup> Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

rupanya, sambil Sultan bertitah: "Kamu orang yang sudah comel, apa guna lagi pakai ilmu comel"<sup>57</sup>.

Dalang-dalang yang telah diperiksa dan didapati bersih berjumlah kira-kira 30 orang dan sri panggung makyong yang telah diperiksa dan didapati bersih berjumlah kira-kira 15 orang.

Tribunal diraja ini berjalan selama 5 tahun<sup>58</sup>, dari tahun 1888 hingga tahun 1893, zaman Zultan Mansur (1891-1899) dengan Maha Menterinya.

*Perbaikan-Perbaikan Masyarakat Oleh Maha Menteri, Che Haa' (Saad) bin Ngah* yang segera diangkat menjadi Menteri Besar Kelantan setelah bertakhtanya Raja Mansur dalam tahun 1890 (kemudian bergelar Sultan Mansor) dan bergelar "Maha Menteri" mendapati bahawa "pencurian" dan "perompakan" yang masih berleluasa dalam negeri Kelantan sekarang, bukan ditimbulkan oleh tekanan ekonomi yang berat seperti pada akhir zaman Sultan Muhammad II (1837-1886) dulu. Ekonomi rakyat Kelantan telah pulih. Ia dapati punca timbulnya dua kesalahan jenayah ini ialah "perjudian". Oleh itu setelah mendapat persefahaman dengan Raja Mansur dan restunya, Maha Menteri mengeluarkan perintah "pengharaman" atas segala macam "perjudian" baik yang dilakukan oleh golongan rakyat atau golong atasan, oleh orang-orang miskin atau oleh orang-orang kaya dan meneruskan pelaksanaan hukum-hukum jenayah Islam iaitu "pengundungan" (Potong tangan) atas pencuri-pencuri dan "bunuh" atas perompak-perompak yang membunuh.

Tetapi menurut wawasan Maha Menteri, hukum jenayah Islam sahaja tidak dapat menghapuskan dua jenis kesalahan jenayah itu tanpa disertakan dengan ibadat. "Masyarakat yang fasik" itu hendaklah ditukarkan menjadi "masyarakat yang soleh" serentak dengan hukum-hukum jenayah itu. Maha Menteri dengan persefahaman bulat dari Raja Mansur mengeluarkan perintah supaya rakyat dipaksa melaksanakan suruhan-suruhan Allah dengan melakukan ibadat sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat serta puasa bulan Ramadhan. Dengan ini jiwa rakyat menjadi lebih jernih dan suci yang akan mengurangkan "nafsu-nafsu jahat" (pencurian dan perompakan) tersebut di samping takutkan hukum jenayah Islam yang dilaksanakan dengan tegas.

Begitulah Maha Menteri memerintahkan kweng-kweng (penggawa-penggawa) dan imam-imam seluruh Kelantan melaksanakan perintah-perintah sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat kepada rakyat, juga menyuruh mereka berpuasa dengan taat. Mereka disuruh memeriksa dan meneliti tiap-tiap orang dan tiap-tiap rumahtangga adakah melaksanakan perintah-perintah ini atau tidak. Manakala Maha Menteri sendiri bersama pegawai-pegawainya melakukan pemeriksaan dan penelitian ini di balai-balaisah (surau-surau) dan masjid-masjid dalam bandar Kota Bharu.

Orang-orang yang bersalah didenda menurut status mereka: yang mempunyai pendapatan sendiri didenda dengan wang menurut kadar pendapatan masing-masing dari \$2.00 hingga \$10.00 dan yang di bawah tanggungan (biasanya belia-belia) didenda dengan mencuci masjid dan kolah sambil dipaksa

---

57 *Ibid.*

58 *Ibid.*



*Pak Dogol (Semar)  
menurut versi Wayang Purwa*



*Wak Long (Gareng)  
menurut versi Wayang Purwa*

belajar agama pada guru-guru tertentu hingga guru ini menerusi kweng mengangkat laporan kepada Sultan bahawa pesalah-pesalah ini sudah pandai dan boleh mengamalkan sembahyang dan puasa dengan tetap dan stabil. Denda dari jenis ini paling singkat selama seminggu dan paling lama selama empat bulan bergantung pada jaminan guru-guru tadi.

Dengan cara ini rakyat Kelantan hidup aman damai dan makmur dalam zaman pemerintahan Raja Mansur bersama Menteri Besarnya, Maha Menteri. Raja Mansur pula banyak membuat kebajikan untuk penuntut-penuntut Kelantan di Mekah dengan membina sebuah bangunan batu yang digelar "al-Bait al-Abyad" (Rumah Putih) di Kota Mekah sebagai asrama untuk penuntut-penuntut Kelantan yang tinggal di sana, juga baginda banyak mengurniakan sawah-sawah padi dan kebun-kebun kelapa sebagai wakaf kepada orang-orang alim yang pulang dari Mekah dan mengajar agama di Masjid Besar Kota Bharu. Kurniaan ini sebagai gaji tetapi untuk mereka<sup>59</sup>.

59 Hugh Clifford dalam bukunya 'Studies in brown Humanity' dan pernah datang ke Kelantan dalam tahun 1895, menyifatkan ketegasan Maha Menteri melaksanakan ajaran-ajaran Islam di Kelantan sebagai "fanatism". Ia menyatakan "pengudungan" atas pencuri-pencuri dan "bunuh" atas perompak-perompak yang membunuh sebagai suatu yang dahsyat dilakukan atas rakyat Kelantan yang baik dan kedahsyatan ini ditambah lagi oleh Maha Menteri dengan suatu "ikhtiar yang direka" iaitu: Mengerahkan orang supaya hadir sembahyang Jumaat dan yang membantah disiksa dengan bermacam-macam hukuman, mengintai pada tiap-tiap rumah dalam Kota Bharu dengan tujuan hendak mengetahui adakah penghuni rumah itu melaksanakan sembahyang lima waktu, menyuruh orang berpuasa, merentikan persabungan ayam, perlagaan lembu, persabungan orang, perburuan dan memelihara anjing, bahkan semua permainan orang-orang kaya, seterusnya melarang orang-orang lelaki memakai sutera,

### *Kumpulan-Kumpulan Wayang Kulit Dan Makyong Yang Mengembara.*

Dalam zaman malapetaka di antara tahun-tahun 1879 dan 1882 tidak usah diceritakan lagi tentang kegiatan seni budaya, tetapi bila ekonomi Kelantan mulai menempuh zaman pertumbuhan kembali sejak tahun 1883 dan seterusnya beberapa tahun kemudian, wayang kulit dan makyong masih kurang mendapat pasaran dalam negeri, majlis-majlis perkahwinan dan kenduri amat jarang yang dibuat secara besar-besaran dengan mengadakan pertunjukkan-pertunjukkan wayang kulit atau makyong, kerana taraf penghidupan rakyat masih rendah. Oleh itu banyak kumpulan wayang kulit dan makyong yang keluar dari Kelantan untuk "mencari makan" dengan mempertunjukkan drama-drama mereka, ada yang pergi ke wilayah-wilayah Narathiwat (Bangnara) dan Patani, ke Terengganu dan Pahang. Perpindahan keluar ahli-ahli seni drama wayang kulit dan makyong ini ditambah oleh suatu faktor lain di zaman-zaman kemudian, iaitu berkuatkuasanya "Badan Tribunal Diraja" di antara tahun-tahun 1888 dan 1893 yang menghukum dalang-dalang dan sri panggung-sri panggung yang tidak sembahyang, mempunyai iktikad yang salah dan memelihara makhluk-makhluk halus untuk daya penarik dengan hukuman "selam dalam kolah". Tambahan pula bila mendengar pelaksanaan hukum-hukum Islam yang tegas oleh Maha Menteri dalam sepanjang tempoh pemegangan jawatannya dari tahun-tahun 1890 hingga 1894, menyebabkan mereka takut hendak pulang ke Kelantan.

Tentang kumpulan-kumpulan makyong yang mempertunjukkan drama di negeri Pahang, Hugh Clifford yang bekerja di Pahang ketika itu menggambarkan: "... banyaklah kumpulan-kumpulan makyong itu mengembara melangkah gunung ganang yang berhutan rimba yang membahagikan Kelantan daripada Pahang kerana menjelajah ke serata-rata negeri Pahang mengambil upah her-

---

kecuali perempuan, melarang orang-orang "main makyong" seperti yang dimainkan di seluruh Semenanjung, jampi-jampi dan seruan-seruan kepada hantu-hantu waktu hendak buka bangsal makyong disifatkan oleh Maha Menteri sebagai "najis". Larangan terhadap "main makyong" yang digambarkan di sini merujuk kepada "Badan Tribunal Diraja" yang Clifford tidak tahu latar belakang masalahnya dan meletakkannya di atas bahu Maha Menteri. Seterusnya Clifford menyatakan bahawa Maha Menteri membuat suatu yang pelik iaitu tidak membenarkan orang mengambil gambarnya dan mengambil gambar ratusan orang lain dalam Kota Bharu. Ini mungkin ia mendengar fatwa dari beberapa orang ulama kolot yang disangka oleh Clifford sebagai undang-undang yang dikeluarkan oleh Maha Menteri. Ia tidak tahu bahawa Maha Menteri ini adalah ahli sastera di zaman Munshi Abdullah dan ahli politik yang sering berulang alih ke Bangkok dan rapat dengan Raja Siam.

Dengan menuruti dan meneliti detik-detik peristiwa yang telah penulis gambarkan, anda boleh menentukan baik buruknya apa yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin anda dulu. Orang-orang bukan Islam dan bukan Melayu tentu tidak mempunyai pandangan yang serupa dengan kita, mereka memandangi dari sudut mereka, kita memandangi dari sudut kita. Kerana pandangan yang berbeza ini, Clifford memandangi pemerintahan negeri Kelantan itu seperti orang memandangi pemerintahan komunis sekarang. Ia hendak membuktikan bahawa pemerintahan penjajah Inggeris sahaja yang liberal dan adil (lihat tulisannya dalam buku "Studies in Brown Humanity," terjemahan dalam Mingguan Pengasuh, bilangan 219/220, tahun ke-10, 2 dan 16 Mei 1927, halaman 20-23 dan sambungannya dalam bilangan 222, 15 Jun. 1927, hlm. 9-10). Kerana kurang minatnya terhadap dasar pemerintah Kelantan pada masa itu, Hugh Clifford tidak menyentuh secara panjang lebar mengenai pentadbiran Kelantan sebagaimana yang ia tuliskan tentang pentadbiran Terengganu dalam tulisannya yang lain, "A Journey Through the Malay States of Terengganu and Kelantan". Bila menyebut tentang pentadbiran Kelantan, ia tidak melepaskan peluang dari menuduh pentadbiran Maha Menteri sebagai "fanatisme agama". Ia lebih mengagumi "makyong" daripada lain-lain dalam Kelantan.



*Dewa Muda (Inu Dewa) (Sri Panji)*



*Haruman, menurut versi Wayang Purwa*

main pada tempat-tempat orang berkahwin dan berkenduri.... maka amatlah besar kesukaan orang-orang Pahang, dan pada seluruh negeri itu riuh rendahlah bunyi gendang makyong, gong-gong dan rebana-rebana serta menjerit dan mendayulah bunyi ragam serunainya. Riuhlah bunyi suara orang tertawa mendengarkan jenaka-jenaka daripada perannya dan begitulah hal kesukaan orang-orang Pahang pada segenap kampung....”.

*Seorang Peran Makyong Yang Mengkagumkan.* Menurut Clifford bahawa di antara kumpulan-kumpulan makyong yang menjelajah ke negeri Pahang itu tidak ada seorang pun yang mendapat perhatian yang sebegitu banyak dari para penonton dan perempuan-perempuan seperti seorang bernama “Salleh” dan disebut dengan nama singkat “Leh”. Ia mempunyai banyak kebolehan yang mengkagumkan sebagai ahli gesek rebab yang amat manis lagunya dan memberikan kesukaan besar kepada orang-orang Melayu yang mendengarnya, juga ia seorang ahli jenaka dan rupanya lawa serta terlalu pandai bercerita.

Sebagai ahli jenaka, kata Clifford, bila ia memakai topengnya yang bewarna merah dengan bulunya yang buruk di atas mukanya yang comel itu riuhlah orang tertawa pada tiap-tiap gerakgerinya. Ia pandai membuat jenaka yang sangat diperkenankan oleh penonton-penonton Melayu dan pandai pula meniru bunyi-bunyi burung dan suara binatang.

Lebih-lebih lagi Leh pandai bercerita. Dengan lagu dan suaranya yang manis itu, bernyanyilah ia mendendangkan cerita “Awang Lutong” (Awang Luntong) yang ajaib hingga ayam berkokok dan naik fajar.

Hugh Clifford menyatakan pada suatu masa Leh bersama beliau selama dua minggu dan beliau tuliskan seluruh cerita “Awang Luntong” itu dan bila tamat, tulisan ini memenuhi 60 halaman kertas. Bila disuruh Leh bercerita semula untuk dibandingkan, tidak berubah sebarang perkataan pun daripada dulu. Ini menunjukkan ia hafaz tiap-tiap perkataan dan tiap-tiap bahagiannya. Katanya ia telah belajar cerita itu daripada seorang tua dalam Kelantan dan katanya lagi tidak ada seorang lain yang mengetahui cerita itu dengan sepenuhnya. Apabila telah siap semuanya beliau hantarkan naskah itu dengan suatu terjemahan kepada suatu persekutuan ahli-ahli ilmu, tetapi telah hilang semuanya.

Kerana Leh ini sangat dicintai oleh perempuan-perempuan atasan dan bawahan di seluruh Pahang, ia pernah ditikam oleh orang yang marah kepadanya pada antara tulang rusuk yang keempat dan yang kelima, tetapi terselamat. Ia tetap hidup hingga ia dapat pulang ke negerinya sendiri.

Pada suatu malam dalam tahun 1894, Maha Menteri terbunuh ditembak orang di rumahnya. Menurut Clifford, Maha Menteri dibedil pada malam itu dari sebuah rumah orang lain oleh tuan rumah itu sendiri dan dibantu oleh dua orang lain. Tiap-tiap orang mengetahui orang yang menembaknya dan raja geram sekali hendak membunuh balas atas pembunuh-pembunuh itu, tetapi mereka tidak diapa-apakan kerana duduk di bawah perlindungan seorang anak raja yang muda, yang Raja Kelantan tidak berkuasa berkelahi dengannya oleh beberapa sebab politik. Oleh yang demikian raja itu, Menteri Besar dan pegawai-pegawainya berpura-pura hairan siapakah yang melakukan tindakan yang buruk itu membedil Maha Menteri pada tiga tempat. Kes ini direntikan begitu sahaja, meskipun ada sungutan-sungutan yang riuh rendah dari pihak waris si mati.



Clifford menyesuaikan sikapnya yang anti syariat Islam dengan menyatakan bahawa Maha Menteri dibunuh oleh orang-orang Kelantan yang merasa tertindas di bawah pentadbiran Maha Menteri yang memaksakan syariat Islam atas mereka. Ingat! ini adalah pendapat Clifford, orang lain boleh memberikan sebab-sebab lain pula dari segi politik atau dari segi politik campur agama.

Bila mendengar berita kematian Maha Menteri ini, kumpulan-kumpulan makyong yang melarikan diri dari "Badan Tribunal Diraja" itu, merasa bebas kalau mereka pulang ke Kelantan, sebenarnya mereka tidak sedar bahawa badan ini telah dimansuhkan dalam tahun 1893, kira-kira setahun sebelum kematian Maha Menteri. Seterusnya Clifford menyatakan bahawa ketika kumpulan-kumpulan makyong itu bersiap-siap hendak pulang, datang ramai lelaki dan anak dara yang menangis dan meratap bila kekasih-kekasih mereka bertolak pergi.

Leh pulang ke Kelantan ikut laut. Tidak lama setelah tiba di Kelantan, ia dilantik oleh raja menjadi "ketua permainan raja" di negerinya ini, kata Clifford, Leh mendapat harta yang banyak dari kebolehan dalam seni drama itu. Kerana ia seorang yang janguk dan tampan rupanya, juga seorang yang berkebolehan, ramai pula perempuan yang gila kepadanya di Kota Bharu hingga ada yang berbalah dengan suami, anak-anak dara berbalah dengan ibu bapa dan perempuan-perempuan berkelahi sesama perempuan untuk merebut hati Leh. Clifford menggambarkan ini dengan panjang lebar dan nampaknya bercampur dengan khayal.

Akhirnya Leh yang sentiasa berjalan bersenjatakan jembia yang sampirnya bertatah emas dan sebatang lembing bermata lebar di tangannya, telah dibunuh pada suatu malam oleh tiga orang pembunuh secara hendap dengan tikaman lembing dari belakang ketika ia sedang berjalan pulang ke rumahnya sambil menyanyi lagu "Awang Lutong" (Awang Luntong), kata Clifford, ia menceritakan detik-detik peristiwa sebelum pembunuhan itu dengan lanjut.

Penulis pernah mendengar cerita Leh ini dari orang-orang tua dan dinyatakan bahawa ia terbunuh tidak jauh dari rumahnya di Kampung Pintu Pong di belakang Kota Balai Besar, tepat di tengah bangunan "Pasar Pusat Buluh Kubu" sekarang.

Pembunuh-pembunuh ini tidak dapat dikesan, akhirnya raja (Raja Mansur) mengambil keputusan supaya dibuat suatu garisan bulat selebar seratus depa dari tempat mayat Leh tertiarap dan mana-mana rumah yang termasuk dalam lingkungan garisan ini, sekalian penghuninya hendaklah membayar denda sebanyak \$3.00 seorang, kerana menurut punca-punca perisikan, memang penduduk di sini melihat peristiwa pembunuhan itu, tetapi tidak berani memberikan laporan sebab tidak dapat mengenali pembunuh-pembunuh itu.

Selepas kematian Maha Menteri (1894) nampaknya perjudian di negeri Kelantan dijalankan semula. Ini terbukti dari keterangan W.W. Skeat yang melawat Kelantan dalam bulan Oktober 1899, juga dari keterangan W.A. Graham dalam tahun 1908.

### **Menuju Kearah Pembentukan Akademi Seni.**

Kita telah melihat di atas bahawa seni budaya itu telah ada pelindung-pelindungnya berpusat pada pelindung agong iaitu "Sultan". Di zaman-zaman

kemudian konsep banyak tokoh pelindung kecil ini diubah menjadi satu tokoh pelindung sahaja iaitu Tengku Temenggung. Sebelum daripada menyatakan perubahan ini dirasa amat perlu dijelaskan lebih dahulu konsep kesatuan agama dan istiadat yang mencakupi seni budaya dan adat serta adab (kesopanan), supaya dapat diketahui di manakah duduknya "seni budaya" itu dan dijelaskan pula urutan peristiwa-peristiwa yang berakhir dengan penubuhan "Akademi Seni" supaya dapat diketahui pula iklim zaman dan iklim pemikiran yang menimbulkan Akademi Seni ini.

*Hubungan Antara Agama dan Istiadat.* Menurut konsep budaya bangsa Melayu di zaman silam bahawa "sultan adalah wakil Allah di muka bumi"<sup>60</sup> secara khusus adalah "wakil Allah dalam negerinya". Sebagai seorang wakil tentu sultan tidak mempunyai kuasa, yang mempunyai kuasa yang sebenar hanya Allah, ia tidak dapat melaksanakan hasratnya sendiri, selain daripada hasrat Allah dan sebagai wakil tentunya ia bertanggungjawab kepada Allah mengenai rakyatnya.

Kalau setiap hamba Allah menghormati dan membesarkan Allah sebagai tuan mereka, begitu juga rakyat sebagai hamba raja menghormati dan membesarkan raja sebagai tuan mereka.

Kalau dengan Allah ada cara berkomunikasi dengannya yang dinamakan "ibadat" begitu juga dengan raja ada cara berkomunikasi dengannya yang dinamakan "istiadat".

Dalam "agama" ada adab-adab berbahasa dengan Allah dalam berdoa dan bermunajat, begitu juga dalam "istiadat" ada adab-adab berbahasa dengan raja.

Kalau dalam agama ada hari-hari kebesaran Allah seperti dua hari raya, begitu juga ada hari-hari kebesaran raja di antaranya yang terpenting hari perayaan pertabalanan, selain daripada berbagai jenis upacara yang gilang gemilang di dalam istana dan di luarnya, juga diadakan pertunjukan "seni budaya" di sekitar istana sebagai salah satu upacara istiadat.

Apa yang dikatakan di atas adalah hubungan antara agama dan istiadat. Perkataan "istiadat" ini dalam pengertian yang lebih luas, ia mencakupi rakyat seluruhnya, bukan untuk raja dan keluarganya sahaja, tetapi dalam konteks hubungannya dengan rakyat ia diistilahkan dengan "adat".

Kalau raja adalah wakil Allah dalam negerinya, maka ibu bapa adalah wakil Allah dalam rumah tangganya, dan sebagai seorang wakil tentunya mereka bertanggungjawab kepada Allah mengenai anggota keluarganya.

Kalau rakyat sebagai hamba raja menghormati dan membesarkan raja sebagai tuan mereka, begitu juga anggota keluarga menghormati dan membesarkan ibu bapa sebagai tuan mereka.

Kalau dengan raja ada cara-cara berkomunikasi dengannya yang dinamakan "istiadat", begitu juga dengan ibu bapa ada cara-cara berkomunikasi dengannya

---

60 Kata-kata yang lebih lengkap dalam riwayat tradisi berbunyi demikian: "Sultan adalah wakil Allah di muka bumi, wajahnya malaikat sapu, sebab itu bila dilihat hebat rupanya". Dalam ekspresi lain sultan disifatkan sebagai "bayang Allah" atau "khalifah Allah". Semuanya ini bukan kata-kata menggambarkan keangkupan, tetapi menggambarkan kehinaan, perkataan "bayang" bermaksud tidak mempunyai apa-apa kuasa serupa dengan jisim dan bayangnya. Bila jisim bergerak, bergeraklah bayang dan bila jisim diam, diamlah bayang, juga perkataan khalifah bererti "ganti" sama dengan "wakil".

yang dinamakan "adat".

Dalam istiadat ada adab-adab berbahasa dengan raja, begitu juga dalam adat ada adab-adab berbahasa dengan ibu bapa.

Kalau dalam istiadat ada hari-hari kebesaran raja, begitu juga dalam adat ada hari-hari kebesaran tiap-tiap seorang rakyat yang terpentingnya ialah hari perkahwinannya dan bagi masyarakat ialah hari-hari selepas musim menuai dan musim tidak turun kelaut.

Untuk mempamir dan memasyhurkan hari ini, selain daripada berbagai upacara juga diadakan pertunjukan "seni budaya" seperti paluan rebana, pencak silat, drama-drama makyong dan wayang kulit dan lain-lain menurut kemampuan masing-masing. Di sini terletak satu lagi peranan yang diambil oleh Tengku Temenggung.

Selain daripada aspek keluarga, dalam aspek perbezaan usia, ada pula adab-adab yang tertentu menurut adat, antara orang kuat dan orang lemah, ada adab-adab yang tertentu, antara orang sempurna dan orang cacat ada adab-adab yang tertentu menurut adat. Dalam aspek gotong royong ada pula sesuatu yang perlu untuk dilakukan menurut adat dan lain-lain.

Dalam jaringan hubungan sosial yang berjalin-jalin di atas, suruhan-suruhan-agama Islam dan istiadat tidak dapat hendak dibezakan, kedua-dua saling pengaruh mempengaruhi atau berinteraksi dengan baiknya, hingga kita dapat melihat masyarakat Islam di Tanah Arab berbeza bentuknya dari masyarakat Islam di Asia Tenggara, meskipun mempunyai tunjang yang sama iaitu agama Islam tetapi mempunyai ranting-ranting dan daun-daun yang berbeza kerana perbezaan "istiadat" atau "budaya".

*Penubuhan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan.* Konsep ini yang telah wujud dari zaman ke zaman, tetap berterusan sampai kepada keluarga diraja Kelantan sejak awal abad ke-20, khususnya wujud dalam idea Sultan Muhammad IV dan ahli-ahli majlis mesyuaratnya.

Baginda sebagai seorang sultan yang inovatif berhasrat untuk menyatukan "agama Islam" dan "istiadat" dalam suatu institusi yang mempunyai disiplin dalam pengurusan, mempunyai daya memberi indoktrinasi dan pengertian kepada rakyat untuk membentuk suatu budaya yang mampat dan kukuh bagi rakyat Kelantan hingga mempunyai suatu identiti yang tersendiri.

Hasrat ini lahir di alam nyata pada 7 Disember 1915 dengan penubuhan "Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan". Daripada nama ini kita dapat memahami institusi ini mempunyai dua fungsi:-

- a. Agama Islam.
- b. Istiadat Melayu.

Difinisi dua fungsi ini diterangkan dengan jelas oleh Sultan Muhammad IV dalam ucapan pembukaan Majlis itu pada 24 Disember 1915. Baginda bertitah yang disalin secara bebas:-

"Tujuan kita dengan perkataan *agama* itu ialah setiap suatu yang berhubung dengan agama Islam yang boleh mendatangkan kebaikan kepada seluruh generasi baru dalam negeri kita dan mempertingkatkan kebajikan rakyat negeri Kelantan. Dan yang dikehendaki dengan perkataan *istiadat Melayu* itu ialah istiadat yang mencakupi adat dan adab Melayu yang elok yang patut di-

pelihara mengikut peredaran masa"<sup>61</sup>.

Perkataan "istiadat" yang dimaksudkan oleh Sultan Muhammad IV pada nama Majlis itu jelas bukan istiadat untuk raja sahaja, malah lebih luas, meliputi seluruh rakyat.

Difinisi yang disebut dalam perlembagaan Majlis tahun 1916 memperjelaskan semua kemuskilan yang berhubung dengan istilah istiadat itu. Keseluruhan istilah ini digambarkan demikian:-

- a. *Agama Islam* iaitu agama Nabi Muhammad S.A.W.
- b. *Istiadat Melayu*, iaitu *adat resam* yang dipakai, diperbuat, dikerjakan, diguna, dilaku dan dijalankan oleh bangsa Melayu.<sup>62</sup>

Dengan difinisi-difinisi yang telah diterangkan di atas, nyata sama sekali bahawa perkataan *istiadat* itu dalam erti yang luas dan sebenar tidak lain lagi daripada perkataan "budaya" atau "kebudayaan" sekarang. Perkataan ini masih belum dikenali dalam masyarakat Melayu sebelum tahun 1940. Kalau nama Majlis itu diungkapkan dalam zaman ini adalah demikian: "Majlis Agama Islam dan Kebudayaan Melayu Kelantan".

Dua fungsi Majlis itu merupakan sebagai "dua kalimah syahadat" yang menjadi syarat bagi perwujudan masyarakat Kelantan atau merupakan dua prinsip hidup yang tiada dapat dipisahkan. Kalau dipersingkatkan ia menjadi satu prinsip tunggal sahaja iaitu "agama Islam" dan kalau hendak diperjelaskan lagi, ia mesti ditambah satu prinsip lagi iaitu "istiadat Melayu Kelantan" atau "Kebudayaan Melayu Kelantan" menjadi prinsip dwitunggal. Dengan ini baru nyata suatu masyarakat "beragama Islam dengan corak hidup ala Kelantan".

Majlis Agama Islam yang telah dibentuk dalam tahun 1915 itu ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa yang digelar "Anggota-Anggota Majlis Yang Kehormat" di antaranya ialah:

1. Tengku Muda Tuan Hassan bin Tengku Mahmud sebagai "Yang Dipertua".
2. Dato' Sri Paduka Raja (Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail) sebagai "Naib Yang Dipertua".
3. Dato' Bentara Jaya (Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said Khatib) sebagai "Setiausaha".

Dan lain-lain anggota yang berjumlah sembilan orang, yang menjadikan semuanya berjumlah 12 orang.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ini, selepas penubuhannya mempunyai suatu pejabat sementara pada tingkat atas Pejabat Tanah (Pejabat Panjang) di hadapan Istana Balai Besar dan mulai beroperasi dalam bulan Januari 1916 dengan menjalankan kerja pungutan zakat padi.

Kemudian pada 9 Ogos 1917 pejabat Majlis dipindahkan ke bangunan

61 Kata-kata asal baginda Sultan Muhammad IV dapat dilihat dalam "Detik-Detik Sejarah Kelantan" hlm. 124.

62 Perlembagaan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan ini disebut "undang-undang (No. 14, tahun 1916) untuk anggota Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan". Mengenai difinisi "agama Islam" dan "istiadat" itu lihat hlm. 2.

sendiri iaitu sebuah bangunan yang dibeli dari Menteri Besar Kelantan, Dato' Encik Hassan bin Muhd. Salleh<sup>63</sup>.

*Halangan dari Ulama.* Sultan Muhammad IV dan rakan-rakan seperjuangannya iaitu Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail, Dato' Haji Muhammad bin Haji Muhd. Said Khatib dan Haji Awang Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali) memang mengetahui bahawa penyatuan agama Islam dan istiadat Melayu Kelantan itu bukan suatu yang senang, halangan yang paling penting nanti akan datang dari golongan ulama, kerana perbezaan latar belakang pendidikan. Oleh itu sebelum daripada pemindahan pejabat ini, di antara bulan-bulan Mac dan Mei 1917, Sultan Muhammad IV mengadakan suatu "majlis dialog" dengan ulama Kelantan yang terkenal dan berpengaruh pada masa itu untuk "menjamah nadi" sebanyak manakah ulama yang bersetuju dan tidak dengan penyatuan "Istiadat Melayu Kelantan" dengan "Agama Islam" di bawah suatu jentera pentadbiran, juga menerusi dialog ini para ulama itu dapat diberikan pemahaman mengenai istiadat tersebut.

"Majlis dialog" ini diadakan di Balai Besar kira-kira sebulan sekali, sekali dalam bulan Mac, sekali dalam bulan April dan sekali dalam bulan Mei, diadakan selepas asar dan selepas makan malam, dialog diteruskan lagi sampai jauh malam. Ulama yang dijemput ialah:-

1. Haji Awang Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali)
2. Haji Omar bin Ismail Nuruddin (Sungai Keladi)
3. Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (bekas Mufti)<sup>64</sup>
4. Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad (Khatib)
5. Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan (Hakim)<sup>65</sup>
6. Haji Ibrahim bin Haji Yusoff
7. Haji Pakcik Musa (Kg. Masjid)
8. Haji Ahmad Hafiz.
9. Haji Wan Hassan bin Haji Wan Muhammad (Kadi)

Ulama Kelantan itu tidak pernah hadir sepenuhnya dalam "majlis dialog" itu. Ini adalah suatu petanda bahawa penyatuan itu tidak menarik minat mereka, yang hadir sepenuhnya ialah Tok Kenali, Haji Omar bin Ismail Nuruddin<sup>66</sup> dan Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad, yang hadir dua kali ialah Haji Pakcik Musa, yang hadir sekali sahaja Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Ibrahim bin Haji Yusoff dan Haji Ahmad Hafiz dan yang tidak hadir langsung dengan beberapa alasan ialah Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan<sup>67</sup>, manakala Haji Wan Hassan Kadi tidak hadir juga kerana memang uzur ketika itu.

Yang menjadi teras bagi penentangan ulama ialah masalah drama mak-

63 Cenderamata "Upacara Perasmian Pembukaan Bangunan Baru Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", 1 Ogos 1990, hlm. 14-15. Dan majalah 'Pengasuh' bilangan 14, tahun 1, 8 Januari 1919, hlm. 18.

64 Mufti Kelantan dari tahun 1908 hingga 1916.

65 Hakim nama jawatan bagi Kadi Besar. Ia memegang jawatan ini dari tahun 1913 hingga 1920.

66 Datuk penulis di sebelah ayahanda.

67 Datuk penulis di sebelah bonda.

yong kerana golongan ulama merasa amat keberatan hendak menerimanya oleh sebab berhubung dengan peranan wanita dalam lakunan dengan menampakan beberapa bahagian aurat sambil menari-nari di hadapan audiens lelaki.

Tok Kenali sebagai seorang ahli hakikat memang telah mengetahui falsafah semua jenis seni budaya. Ia memberikan beberapa penerangan singkat mengenai asal-usul dan falsafah makyong itu, kemudian menerangkan tentang betapa pentingnya dipelihara seni budaya ini supaya jangan lenyap. Tetapi penerangan singkat oleh Tok Kenali itu tidak menyerap masuk ke dalam jiwa ulama itu, mereka menjawab: "Kami faham seperti yang dijelaskan oleh Abang Awang (perbendaharaan terhadap Tok Kenali) itu. Tetapi berapa orangkah yang dapat menghayati makyong seperti yang diterangkan itu? Orang awam tidak memandang dari sudut falsafah, mereka memandang makyong sebagai suatu permainan untuk menghiburkan hati" dan "permainan adalah melalaikan orang dari ingatkan Allah"<sup>68</sup>.

Kerana melihatkan sambutan dingin dan tentangan dari ulama itu, Sultan Muhammad IV dan kawan-kawan seperjuangannya menanguhkan hasrat mereka untuk menyatukan istiadat dengan agama di bawah suatu pentadbiran. Kerana peristiwa ini kedua-duanya menjalani sejarah yang berlainan meskipun esa pada hakikatnya sebagai yang akan dinyatakan.

Sebaliknya Sultan Muhammad IV sungguh kagum dengan sikap ulama yang tidak hipokrit itu, mereka tegas dan ikhlas dalam mempertahankan agama Islam menurut fahaman mereka, mereka tidak memandang bulu, tidak peduli-kan Sultan sebagai turus negeri dan tidak peduli-kan Tok Kenali yang dianggap sebagai wali besar, bila tidak sependapat dengan mereka.

Walau bagaimanapun ulama yang tersebut tadi terutama Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad dan lain-lain dapat menghayati dan memahami berbagai jenis seni budaya itu setelah Tengku Petra (yang ketika itu bergelar Tengku Temenggung) membuka Akademi Seninya di Kubang Pasu sejak tahun 1923 dan menjemput mereka setiap selepas sembahyang Jumaat untuk sembahyang hajat dan berdialog sambil memberikan kefahaman tentang seni budaya itu secara tidak langsung, hingga mereka dapat hidup harmoni dengan Tengku Temenggung.

*Penubuhan Pejabat Istiadat.* Dalam sepejang masa pemerintahan Sultan Muhammad IV (1900-1920) sebenarnya tidak ada suatu badan istiadat di

---

68 Keterangan dari datuk penulis Hajah Che Aishah bt. Haji Nik Idris, isteri Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan dalam tahun 1959. Cerita peristiwa ini terkenal juga dalam kalangan keluarga Haji Omar bin Ismail Nuruddin iaitu dari isterinya Che Wook Fatimah bt. Yusoff dan anak-anaknya Encik Mustapha dan Haji Mahmud (bapa saudara penulis) dan pernah didengar antara tahun-tahun 1944 dan 1945, dalam zaman pemerintahan Jepun.

"Permainan adalah melalaikan orang dari ingatkan Allah" adalah suatu ungkapan yang sering didengar dari ahli-ahli agama yang tidak setuju dengan sesuatu yang bertentangan dengan fikiran mereka. Sedangkan manusia itu kalau tidak melihat makyong pun, tidak ingatkan Allah juga. Mereka mencari suatu kesukaan lain sebagai ganti, serupa juga dengan orang tua tidak suka anak-anaknya melihat permainan bola atau melihat TV. Kerja yang benar-benar mengingatkan Allah ialah berzikir di atas kain sejadah. Bagi orang yang berminat dengan amal ibadat pandailah ia mencari ruang waktu yang tertentu untuk ini.

Istana Balai Besar. Hal ehwal istiadat diraja pada zaman baginda terletak pada pengalaman seorang tokoh dalam istana bernama Wan Long bin Wan Idris yang menjaga segala-galanya dalam hal ehwal istana dan digelar "Penghulu Balai" yang sama tarafnya dengan apa yang disebut dalam bahasa Inggeris "Comptroller of the Royal Household". Wan Long ini adalah salah seorang tokoh ahli hakikat yang sangat ditakuti oleh penasihat Inggeris dan pegawai-pegawai Inggeris yang lain yang menganggapnya sebagai seorang ahli rohani yang wujud dimanamana. Ini bukan menapikan adanya tokoh-tokoh istiadat yang lain, tetapi Wan Long itu dianggap sebagai "kamus hidup istiadat" dan besar pengaruhnya<sup>69</sup>.

Setelah Wan Long kembali ke rahmatullah dalam tahun 1921, Sultan Ismail I mengangkat Nik Jaafar @ Nik Wan Jaafar (Dato' Bentara Dalam) bin Haji Nik Abdul Kadir menjadi "Penghulu Balai". Pada 23 Julai 1921, ia dikurniakan gelaran "Dato' Istiadat Mahkota Raja". Ini adalah permulaan munculnya "istiadat" sebagai suatu yang berpisah dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, tetapi istiadat sebagai suatu badan belum wujud.

Pada awal Januari 1923, Sultan Ismail I menubuhkan suatu badan istiadat dengan susunan sebagai berikut:-

1. Tengku Muhammad Petra (Tengku Sri Utama Raja) bin Long Idris (Tengku Petra Semerak), setiausaha sulit Sultan diangkat menjadi "Kepala Istiadat".
2. Dato' Istiadat Mahkota Raja, Penghulu Balai, dijadikan penolongnya dan diadakan suatu pejabat yang khas untuknya dalam Balai Besar itu serta diadakan seorang kerani untuknya iaitu Encik Ahmad bin Haji Ismail<sup>70</sup>.

Dengan ini terbentuklah suatu badan istiadat yang tersendiri yang dinamakan "Pejabat Istiadat" dan biasanya disebut "Office Istiadat". Selepas Nik Jaafar itu meninggal pada 30 Jun 1924, jawatan penolong ini digantikan oleh Che Mohd. Daud atau Che Wook (Dato' Bentara Kanan) bin Salim dengan gelaran "Dato' Istiadat Mahkota Raja" juga. "Kepala Istiadat" itu hilang dalam tahun 1945<sup>71</sup>. Nama "Pejabat Istiadat" itu berkekalan hingga tahun 1946, bila ia diubahkan namanya menjadi "Pejabat Sultan" hingga ke hari ini.

Bila hendak melaksanakan sesuatu yang menimbulkan kemuskilan dalam hukum-hukum agama, Pejabat Istiadat ini berhubungan dengan Majlis Menerusi Naib Yang Dipertuanya.

*Percubaan Memenuhi Fungsi Istiadat Melayu Kelantan.* Di atas telah digam-

69 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

70 Pengasuh bilangan 113, tahun 6, 8 Januari 1923, hlm. 11.

71 Jawatan Tengku Muhammad Putera ini digantikan oleh Tengku Long Abdul Rahman (Tengku Kelana) bin Tengku Muhammad Petra, nama jawatannya ditukar kepada "Ketua Istiadat" dan penolongnya ialah Dato' Mohd Daud bin Salim. Dalam tahun 1958, jawatan "Ketua Istiadat" digantikan oleh Dato' Abdul Malek bin Haji Muhammad (Dato' Laksamana). Sejak ini tidak ada penolong lagi. Kemudian dalam tahun 1967 digantikan oleh Tengku Abdul Aziz (Tengku Sri Utama Raja) bin Tengku Mohd. Hamzah (Tengku Sri Maharaja) hingga tahun 1969 (wawancara dengan Dato' Abdul Malek bin Haji Muhammad pada 14 Mac 1991).

barkan bagaimana "Istiadat Melayu Kelantan" yang menjadi salah satu fungsi Majlis telah berpisah dan menempuh jalan sejarah yang berlainan kerana halangan ulama. Kalau kita berfikir sebagai fikiran zaman sekarang, sepatutnya tokoh-tokoh istiadat atau budaya tampil ke depan memberikan kefahaman kepada masyarakat dengan menulis, menghurai dan membuat analisis tentang istiadat raja Kelantan dan hubungannya dengan agama atau lebih luas tentang istiadat umum atau budaya Kelantan atau budaya Melayu seluruhnya dan hubungannya dengan agama. Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan sendiri yang telah mempunyai alat-alatnya sejak tahun 1917 seperti percetakan sendiri, majalah mingguan sendiri iaitu "Pengasuh" yang mulai dikeluarkan dalam tahun 1918 dan jabatan karang mengarang dan penterjemahan sendiri boleh menjalankan tugas itu. Alat-alat ini dipergunakan oleh bahagian "agama Islam" sahaja. Bahan-bahan warisan adat dan istiadat Kelantan pada zaman itu memang banyak sekali, baik dalam bentuk lambang-lambang nyata atau dalam bentuk ilmu yang berada dalam dada tokoh-tokohnya tanpa wujud para penyelidik yang dapat mencungkil rahsia-rahsia di sebalik lambang-lambang nyata atau mencungkil ilmu dari tokoh-tokoh itu, kemudian menyusunnya secara ilmiah. Barangkali pada zaman itu orang memandang bahan-bahan warisan itu sebagai perkara biasa sahaja tanpa memerlukan sesuatu analisis, dan setelah lima atau enam dekad kemudian, baru generasi moden sekarang memandangnya dengan penuh penyesalan setelah segala-galanya telah lenyap.

Setelah Dato' Laksamana menjadi pengarang 'Pengasuh' pada 1 Oktober 1919, dalam bulan itu juga majalah 'Pengasuh' menyiarkan tulisan mengenai adat Melayu dan asal-usulnya dari tulisan R.O. Winstedt yang dinyatakan sebagai berasal dari Hindustan (India). Tulisan ini bersama dengan tulisan pengkritik-pengkritik berlanjutan hingga tahun-tahun 1920 dan 1921. Tulisan ini meskipun nampaknya ilmiah, pada hakikatnya memperkecil atau meniadakan kegeniusan orang-orang Melayu, serupa dengan penulis-penulis barat yang lain sebelum dan selepasnya. Kemudian majalah 'Pengasuh' menyiarkan tentang adat berbagai-bagai bangsa dalam dunia termasuk beberapa suku bangsa dalam kepulauan Melayu sejak tahun 1921 hingga ke tahun 1929, kemudian menyiarkan tulisan-tulisan mengenai adat-adat Melayu Perak dan Kedah sejak bulan Februari 1932 hingga bulan Mac 1933. Bila Dato' Laksamana meletakkan jawatan sebagai pengarang 'Pengasuh' sejak 1 Disember 1933, tidak ada lagi tulisan-tulisan mengenai adat itu.

Terjadinya keadaan-keadaan seperti ini, tidak ada siapa yang dapat dipersalahkan, kerana kesedaran tentang perlunya kebudayaan nasional zaman itu belum begitu subur. Sultan Muhammad IV dan tiga kawan seperjuangannya yang tersebut tadi adalah "orang-orang yang telah mendahului zamannya".

Begitulah, dalam pengucapan nama "Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan" oleh Sultan Muhammad IV itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana hasrat baginda yang asal. Kerana terasa seolah-olah Majlis ini telah kosong daripada fungsinya yang kedua ini, kira-kira 30 tahun kemudian, Major Tengku Mahmud Muhyiddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Sultan Patani) yang telah dipilih menjadi Naib Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dari tahun 1946 hingga 1949 telah berhasrat membuat kajian tentang istiadat ini dan mengabadikannya



dalam sebuah buku bagi melaksanakan fungsi asalnya. Suatu "Jabatan Istiadat" pun diadakan dengan jawatan ketuanya dipegang oleh Tengku Mahmud Muhyiddin sendiri. Jadinya beliau sebagai Naib Yang Dipertua merangkumi ketua jabatan istiadat. Di sini nampak betapa kesungguhan beliau untuk menjayakan fungsi istiadat yang menjadi salah satu dari dua fungsi Majlis<sup>72</sup>.

Kemudian, Tengku Mahmud Muhyiddin melantik Encik Yaakub bin Haji Hassan sebagai Setiausaha Istiadat yang ketika itu digelar "Setiausaha Adat Istiadat"<sup>73</sup>. Suatu "Jawatankuasa Adat Istiadat" telah dibentuk dari pakar-pakar istiadat Kelantan yang telah tua belaka ketika itu<sup>74</sup> dan mereka bekerjasama memberikan bahan-bahan secara lisan kepada Encik Yaakub bin Haji Hassan itu. Dengan cara ini kajian yang dimulai dalam tahun 1946 selesai diperbukukan dalam bentuk manuskrip pada 23 Disember 1948 dan ini pun, menurut Encik Yaakub masih belum sempurna. Manuskrip ini disiarkan secara bersiri-siri dalam minggu 'Pengasuh', mulai dari bilangan 139, keluaran 3 Februari 1949 hingga bilangan 168, keluaran 25 Ogos, 1949.

### Pembukaan Akademi Seni

Tadi kita telah melihat pertumbuhan yang berasingan di antara bahagian-bahagian "Agama Islam" dan "Istiadat Melayu Kelantan". Begitulah seterusnya "seni budaya" yang menjadi sebahagian dari istiadat itu yang menurut hasrat Sultan Muhammad IV hendak diletakkan di bawah Majlis, telah berkembang maju dalam suatu institusi lain oleh kegiatan Sultan Ismail I yang memang seorang ahli seni budaya sejak zaman remajanya. Baginda telah melihat bahawa pelindung-pelindung seni budaya sejak bahagian akhir dari abad ke-19 tersebut tadi satu demi satu telah hilang dan sebahagiannya lagi telah tua dan semua jenis seni budaya itu nampaknya dalam keadaan tidak teratur<sup>75</sup>.

Baginda berpendapat bahawa suatu pembaharuan mestilah diadakan dalam bentuk "pelindung seni budaya" itu tanpa bergantung pada Majlis lagi, ia hendaklah diserahkan kepada seorang tokoh, bukan banyak tokoh dan hendaklah

72 Wawancara dengan Haji Yaakub bin Haji Hassan dalam tahun 1988 dan sekali lagi pada 10 Mac 1991.

73 Nampaknya sejak tahun 1946 ini baru timbul tambahan tentang nama "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan".

74 Ahli-ahli jawatankuasa istiadat ini terdiri dari: Haji Nik Mahmud (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) bin Haji Ismail bekas Menteri Besar Kelantan, Tengku Kembang binti Sultan Muhammad IV (Tengku Maharani), Tengku Khalid bin Tengku Cik Abdullah (Tengku Bendahara), Tengku Abdul Rahman (Tengku Sriwaraja) bin Long Senik (Tengku Sriwaraja Tua), Tengku Abdul Rahman (Tengku Sri Asmara Raja) bin Sultan Ahmad dan Tengku Mohd. Hamzah (Tengku Sri Maharaja) bin Tengku Zainal Abidin (Raja Muda). Di antara mereka ada pula yang menunjukkan tokoh-tokoh lain yang lebih pakar dalam sesuatu adat misalnya Tengku Maharani menunjukkan Penggawa Jeram tentang adat jajak tanah dan Cikgu Mohd. Abu Bakar bin Saman tentang lukisan gambar gambar bunga emas dan tetapan (selendang kuning bertekak). Wawancara dengan Haji Yaakub bin Haji Hassan pada 10 Mac 1991.

75 Umpamanya Tengku Salleh (Tengku Temenggung) bin Sultan Ahmad pelindung makyong mangkat dalam tahun 1917, Tengku Long Chik Abdullah (Tengku Bendahara) bin Sultan Ahmad pelindung wayang kulit Melayu dan wayang kulit Jawa telah tua dan mangkat dalam bulan disember 1926 dan Tengku Mahmud (Tengku Sri Maharaja Pemangku Bumi) bin Sultan Ahmad pelindung pancak silat juga telah tua dan mangkat pada 21 November 1932, Tengku Chik (Tengku Panglima Raja) bin Long Bongsu Penambang pelindung puteri telah tua dan mangkat pada 29 April 1936 (8 Safar 1355 Hijrah).

ia berupa suatu sekolah tinggi seni budaya yang boleh membentuk barisan-barisan pelapis baru dari ahli-ahli seni budaya untuk zaman akan datang. Juga tokoh itu mestilah seorang soleh yang boleh menyelamatkan seni budaya dari unsur-unsur ajaran salah. Sekarang baginda telah bertemu dengan tokoh itu, tidak lain lagi daripada "Tengku Putera" (Long Abdul Ghafar) yang telah dikurniakan gelaran "Tengku Temenggung" dalam tahun 1921.

Pada hari Rabu 13 Zulhijah 1342 bersamaan 16 Julai 1923<sup>76</sup> Sultan Ismail telah menjemput Tengku Temenggung ke istananya dan meminta daripadanya supaya memberikan khidmat untuk melaksana dan menjayakan sekolah tinggi seni ini dan disambut baik oleh Tengku Temenggung yang memang sedar bahawa ini adalah bidang hidupnya sendiri. Ketika ini Tengku Temenggung telah berusia kira-kira 48 tahun. Semua jenis seni budaya yang tersebut di atas diserahkan kepadanya, hanya jenis "puteri" sahaja yang masih kekal di bawah perlindungan Tengku Chik bin Long Bongsu Penambang yang bergelar Tengku Panglima Raja itu.

Sekolah tinggi seni ini, penulis istilahkan di sini dengan "Akademi Seni". Begitulah "Akademi Seni" ini telah menjadi suatu institusi swasta dengan diionkosi oleh Tengku Temenggung sendiri dengan bantuan dari "derma" Sultan sendiri sekali sekala.


Setelah menerima tugas itu, Tengku Temenggung membeli sebidang tanah di Lorong Tok Semian<sup>77</sup> seluas hampir 2 ekar untuk dijadikan tapak Akademi Seninya. Tanah itu yang penuh dengan semak-semak dibersihkan, kerana tanah ini khususnya dan semua tanah di kawasan Kubang Pasu ditenggelami air bah pada setiap akhir tahun, Tengku Temenggung mempertingkatkan sedikit tanahnya dengan timbunan pasir yang dipunggah dari Sungai Kelantan.

Istana untuk Tengku Temenggung sendiri dari semin dan kayu cengal dibangunkan dengan mempunyai suatu "dewan" yang agak luas untuk latihan-latihan menari dan kumpulan gamelan.

Satu bangsal sebagai pentas makyong dan satu panggung wayang kulit dibangunkan. Juga satu gelanggang rebana besar dan satu gelanggang pancak silat didirikan. Semuanya ini terletak pada bahagian utara istana itu.

76 Dari catatan Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

77 Tanah perkampungan Kubang Pasu antara Lorong Tok Semian di sebelah selatan dan Jalan Merbau di sebelah utara, Jalan Sultanah Zainab di sebelah barat dan Kebun Tengku Petra (Sekolah Perempuan Merbau) di sebelah timur itu asalnya tanah sawah usang yang ditinggalkan oleh tuan-tuan punya. Mungkin sejak peperangan saudara tahun 1839, kerana kawasan ini terletak di kawasan medan perang, tempat peluru meriam mengaum-ngaum. Kemudian, dalam tahun 1851, Sultan Muhammad II mengurniakan tanah ini kepada keraninya Encik Abdul Rahman (Tok Semian Tua) bin Tuan Muda untuk dirinya dan keluarganya. Ia membahagi-bahagikan tanah itu sebidang seorang hampir sama luas, kira-kira 2 ekar termasuk kepada Tuan Tabal, Haji Abdul Mannan (nenek penulis), Encik Muhammad (ayahanda almarhum Haji Abdul Salam), Encik Abu Bakar yang digelar "Tokcik Kar" (mertua almarhum Haji Ishak bin Shamsuddin, Imam Masjid Besar) dan lain-lain. Kemudian, masing-masing mencari tuan-tuanpunya tanah yang asal bertahun-tahun lamanya untuk dibayar harganya, kerana mereka semuanya tinggal di kampung-kampung yang jauh dan ada yang sudah mati dan ada pula yang telah berpindah ke negeri Kedah dan telah meninggal, keluarga mereka yang menerima bayaran itu, ini termasuk sebidang tanah kecil yang tiada termasuk dalam pembahagian ini diambil oleh Tengku Temenggung dan dibayar harganya kepada tuanpunyanya, juga ia mengambil sebahagian dari tanah Encik Abu Bakar (Tokcik Kar) dan dibayar harganya.



*PINTU GERBANG AKADEMI SENI  
Telah dirombak pada awal tahun-tahun 60-an*

Pada bahagian selatan istana pula dibangunkan suatu deretan asrama dari kayu tempat kediaman para pelajar wayang kulit dan makyong.

Meskipun istana Tengku Temenggung yang agak besar masih belum siap dan akan memakan masa yang agak lama untuk menyiapkannya, segala yang berhubung dengan pelajaran di Akademi Seni itu dilancarkan segera selepas bulan Julai tahun 1923 itu juga, guru-guru untuk berbagai mata pelajaran dicari dan dihubungi, pelajar-pelajar didaftarkan dan kursus-kursus dimulai.


Tengku Temenggung ini bukan sahaja ditugaskan untuk mengajarkan seni budaya, juga Sultan Ismail I, memberikan kuasa meluluskan pemberian lesen kepada kumpulan-kumpulan makyong, wayang kulit, menora, puteri dan rebana di seluruh Kelantan, setelah memeriksa dan memastikan adakah terlibat dalam ajaran-ajaran salah dan menduga ilmu ketua-ketua kumpulan itu dalam bidang yang diambilnya.

### **Mata-Mata Pelajaran**

Sebelum daripada menerangkan mata-mata pelajaran di Akademi Seni ini, kita perlu meninjau kembali kepada "iklim pemikiran" kaum elit Kelantan pada zaman itu. Dulu telah dinyatakan cita-cita Sultan Muhammad IV dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, iaitu penggabungan agama Islam dan Istiadat (Kebudayaan) Melayu Kelantan. Sekarang penggabungan ini dalam ertikata yang sebenarnya terjadi dalam zaman pemerin-

tahan Sultan Ismail I yang juga seorang ahli seni budaya dan dengan taufik Allah, hasrat kedua-dua sultan itu bertemu dengan seorang tokoh yang telah disediakan oleh Allah diasuh dan dididik oleh wakilnya sejak tahun 1888, untuk melaksanakan hasrat itu iaitu Tengku Temenggung, seorang ahli agama dari jenis ahli hakikat dan makrifat dan ahli seni budaya pula.

Sekarang pemikiran itu telah mencapai sintesisnya iaitu mata-mata pelajaran yang diajarkan dalam Akademi Seni itu. Meskipun nampak simple, tidak canggih, tetapi besar ertinya:



Mata-mata pelajaran yang diajarkan di Akademi Seni ini dibahagikan kepada dua kategori asas:-

1. Pelajaran Agama.
  2. Pelajaran Seni Budaya.
- I. Pelajaran agama terbahagi kepada lima bahagian:-
- a. Ilmu Tauhid (Usuluddin) dengan kitab "Faridatul-Faraid fi Ilmi-Aqid"<sup>78</sup> sebagai buku teks.
  - b. Ilmu Hakikat dengan kitab "Hikam Soghir"<sup>79</sup> sebagai buku teks.
  - c. Fikah, tidak ada buku teks.
  - d. Ilmu al-Quran, membaca al-Quran bersama tajwidnya.
  - e. Ilmu bacaan berzanji bersama qasidah dengan kitab "al-Barzanji"<sup>80</sup> sebagai buku teks.

78 Faridatul-Faraid fi Ilmi-Aqid, dalam bahasa Melayu oleh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani.

79 "Hikam Soghir", terjemahan matan dari kitab Hikam Ibn 'Ataillah Al-Iskandari, mungkin oleh Tok Pulau Manis Terengganu.

80 "al-Barzanji", mungkin kitab "Majmu' Maulid Syarif-Anam".

Pelajar-pelajar dibahagi kepada dua kelompok: lelaki dan perempuan:-

Tempat belajar untuk pelajar-pelajar lelaki di dewan istana.  
Tempat belajar untuk pelajar-pelajar perempuan di asrama.

Ilmu tauhid dan ilmu hakikat untuk kelompok lelaki diajar oleh Tengku Temenggung sendiri yang memang sangat ahli dalam bidang ini juga seni budaya. Manakala kelompok perempuan diajar oleh Makyong Renek atau Tok Nek yang memang ahli dalam ilmu ketuhanan dan seni budaya istimewa makyong<sup>81</sup>.

Ilmu al-Quran, bacaan berzanji/qasidah dan fikah, untuk para pelajar lelaki, diajar oleh Haji Nik Pa (Mustafa) dari Kampong Atas Banggol. Bila Haji Nik Pa meninggal dalam tahun 1926, digantikan oleh Paksu Wan Ahmad dari Lorong Tok Semian. Para pelajar perempuan diajar oleh Fatimah Lelayor dari Kampong Tok Semian.

Ilmu fikah itu tidak mempunyai buku teks, kerana yang diperlukan setakat fardhu 'ain sahaja dan memang hampir setiap rakyat Kelantan di zaman itu telah mengetahuinya. Tugas guru-guru itu hanya menyoal masalah-masalah yang rumit-rumit dan memerlukan prihatin, bila pelajar-pelajar tidak mengetahui atau lupa atau menjawab tidak tepat kerana kurang faham, baru guru-guru itu menjelaskannya dengan mulut.

II. Pelajaran Seni Budaya terbahagi kepada lima bahagian penting:-

- a. Wayang Kulit.
- b. Makyong.
- c. Pencak Silat.
- d. Rebana Besar.
- e. Tarian Asyik.

Wayang kulit yang terbahagi kepada tiga itu diajar oleh tiga orang guru atau dalang:-

- a. Wayang Melayu (riwayat Sri Panji), diajar oleh Engku Lembek bin Tengku Tengah, dari Kampong Kelaweh, Machang.
- b. Wayang Jawa (riwayat Pandawa Lima), diajar oleh Ku Sin (Engku Hussin) bin Tengku Din dari Patani.
- c. Wayang Siam (riwayat Sri Rama), diajar oleh Pak Kob (Yaakub) bin Che Amat, dari Kampong Bukit Panau<sup>82</sup>.

Makyong, pencak silat, rebana dan tarian asyik diajar oleh Tengku Temenggung sendiri. Pelajaran pencak silat diikuti oleh pelajar-pelajar makyong lelaki dan perempuan dan pelajar-pelajar wayang kulit yang tinggal di asrama.

Pelajaran memalu rebana besar dan syair-syairnya diikuti oleh pelajar-pelajar yang tidak tinggal di asrama, tetapi datang dari kampung-kampung. Pelajaran ini diajarkan pada ketika-ketika yang tertentu sahaja.

81 Tok Nek atau Makyong Renek ini, menurut Nik Abdul Rahman bin Nik Abdul Kadir, ketika Akademi Seni itu dibangunkan dalam tahun 1923 ia telah berusia 130 tahun.

82 Mengenai semua mata pelajaran ini didapati dari Nik Abdul-Rahman bin Haji Nik Abdul-Kadir.

Begitu juga tarian asyik tidak diambil dari pelajar-pelajar di asrama, ia diikuti oleh puteri-puteri raja dan kaum bangsawan dan dilatih di dewan istana ketika hampir dengan hari pertabalan sultan atau hari puja umur sultan<sup>83</sup>.

Dalam hubungan dengan pelajaran makyong, Tengku Temenggung sendiri yang mengajar menari, menyanyi, bergendang, gesekan rebab dan lain-lain. Kalau salah tarian ia memiat betis pelajar dengan seberkas rotan halus yang dipergunakan dalam drama makyong. Di samping mengajar ini ia menerangkan falsafah ketuhanan di sebalik tarian, nyanyian, bunyi-bunyian gendang dan rebab<sup>84</sup>.

### Suatu Pendekatan Dalam Ilmu Ketuhanan

Berhubung dengan ilmu ketuhanan yang merangkumi ilmu-ilmu tauhid dan hakikat itu, Tengku Temenggung tidak mengajarnya secara sembarangan. Ilmu ini yang diajar menerusi buku-buku teks adalah untuk para pelajar umum bersama dengan beberapa ilmu amalan syariat. Tetapi untuk para pelajar khusus yang hanya kira-kira 5% sahaja diperdalamkan lagi ilmu hakikat menerusi mulut secara rahsia dan diberikan pula ilmu amalan rahsia untuk bermakrifat dengan Allah.

Pendekatan yang pertama oleh Tengku Temenggung untuk menyedarkan para pelajarnya terhadap "Allah" ialah dengan memakai suatu "formula" dari surah Wal-Asri yang disingkatkan bahagian yang paling pentingnya demikian:

“وَالْعَصْرَ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ”

ertinya: "Demi masa bahawa sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, melainkan orang-orang beriman dan membuat amalan-amalan soleh".

Pada mulanya ia mengambil nama yang agong "Allah" dulu sebagai sumber segala-galanya, semuanya datang dari Allah dan mesti kembali kepada "Allah". Bila kita telah beriman kepada "Allah", maka kehidupan kita setiap saat dan setiap hari adalah "amat rugi" kalau tidak merujuk segala-galanya kepada Allah, oleh itu:-

Rezeki yang kamu dapat mestilah merujuk kepada Allah.

Makan minum yang kamu rasa mestilah merujuk kepada Allah.

Jawatan-jawatan penting dalam pemerintahan yang kamu dapat mestilah merujuk kepada Allah.

Permainan yang kamu lakukan mestilah merujuk kepada Allah.

Nikmat dari hubungan seks yang kamu alami mestilah merujuk kepada Allah.<sup>85</sup>


Segala-galanya mestilah merujuk kepada Allah, sebab kalau tidak, kamu akan disoal oleh Allah dan ketika inilah kamu menjadi "amat rugi".

Amalan-amalan yang merujuk kepada Allah itulah dikatakan "amalan-amalan soleh". Kalau diklasifikasikan semua kata-katanya itu secara ilmiah, dengan Allah sebagai sumber, adalah berupa demikian:

83 Encik Ismail bin Omar.

84 Nik Abdul-Rahman bin Haji Nik Abdul-Kadir.


85 *Ibid.*



Kemudian, Tengku Temenggung menarik perhatian para pelajarnya kepada "seni budaya" yang hendak diajarkannya sekarang. Ia berkata apa yang kamu belajar sekarang orang perkatakan sebagai "permainan", jadinya sekarang kamu semua belajar untuk bermain-main, tidakkah ini amat merugikan masa kamu yang berharga, rugi kamu di dunia dan rugi kamu di akhirat. Tetapi kalau kamu merujuk semua permainan itu kepada "Allah", tidak akan menjadi permainan lagi, ia menjadi suatu amalan soleh untuk mendidik dan mengajar rakyat jelata akan ilmu ketuhanan dan berbagai ilmu lagi sambil berhibur meringankan fikiran supaya tidak menjadi berat. Oleh itu:-

- Wayang kulit yang kamu tayangkan mestilah merujuk kepada Allah.
- Makyong yang kamu lakukan mestilah merujuk kepada Allah.
- Pencak silat yang kamu tarikan mestilah merujuk kepada Allah.
- Rebana yang kamu palukan mestilah merujuk kepada Allah.
- Tarian asyik yang kamu tarikan mestilah merujuk kepada Allah.<sup>86</sup>

Semua permainan ini mestilah merujuk kepada Allah, kalau tidak, kamu akan disoal oleh Allah dan ketika inilah kamu akan menjadi "amat rugi" di akhirat nanti. Kalau dirajahkan konsep ini menjadi demikian:-



Atau dengan kata-kata yang singkat, semua "seni budaya" mestilah dirujuk kepada Allah.

### Suatu Pemberontakan Dalam Wayang Kulit

Berhubung dengan pelajaran wayang kulit, tadi telah dinyatakan bahawa tiga jenis wayang kulit ada dengan guru atau dalangnya masing-masing sejak tahun 1923 seperti yang diperincikan di bawah ini:

1. Wayang Melayu, dalangnya: Engku Lembek.
2. Wayang Jawa, dalangnya: Ku Sin (Engku Hussin).
3. Wayang Siam, dalangnya: Pak Kub (Yaakub).

86 *Ibid.*



*Suatu gaya dalam tarian asyik.*

Setelah pelajaran wayang kulit ini berjalan lancar di Akademi Seni itu selama kira-kira lima tahun, hingga tahun 1928, beberapa laporan telah sampai kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail I bahawa penonton-penonton wayang kulit telah rosak, tujuan asal dengan drama itu untuk memberikan pendidikan dan pelajaran kepada mereka sambil berhibur itu telah tidak ada ertinya lagi, kedatangan mereka semata-mata untuk berhibur dan lupakan Allah, sebahagian dari para penonton datang awal-awal dan balik lewat malam terus tidur meninggalkan sembahayang Magrib, Isyak dan Subuh.

Bila laporan ini sampai kepada Tengku Temenggung, ia merasa amat-amat malu dan kebetulan ketika itu ada seorang yang misteri asal-usulnya bernama Wan Lod (nama asalnya Wan Maulud) muncul di Akademi Seni itu dan sanggup menggantikan wayang kulit dari tiga jenis wayang itu dengan suatu macam wayang kulit berupa dakwah kepada agama secara langsung. Tengku Temenggung bersetuju dengan cadangan ini dan menghentikan ketiga-tiga dalang di atas dari menjalankan tugas sebagai guru-guru di Akademi Seni itu. Ketika ini Pak Nik Man tidak ada di Akademi Seni, ia pergi ke Bangnara dan tinggal di sana selama dua bulan hingga bulan Disember 1928. Kemudian bekerja di



Pejabat Kastam di Pengkalan Kubur hingga awal tahun 1931.

Wan Lod ini mempermainkan semacam lakon wayang kulit campuran dari tiga jenis wayang tersebut, dijadikannya satu. Di samping ini ia mencampurkan pula dalam lakon itu dengan pelajaran-pelajaran ilmu tauhid dan ilmu fekah. Dewa-dewa dalam wayang kulit ditukar dengan wali-wali, nama-nama dalam bahasa Sanskrita dan Melayu Kuno digantikan dengan nama-nama Arab seperti Syeikh itu dan Syeikh ini. Yang menghairankan, ia ingat ratusan cerita wayang kulit dan menceritakannya secara spontan dan lancar.

Bila Pak Nik Man balik ke Akademi Seni pada awal tahun 1931, ia bangkit menentang cara yang dibawa oleh Wan Lod itu, kerana ini merosakkan keaslian wayang kulit. Kalau wayang kulit mempunyai tiga jenis, bairlah tinggal dengan tiga jenis itu, kerana ia merupakan tiga peristiwa besar dalam sejarah. Masalah penonton-penonton tidak sembahayang itu tidak boleh dibaiki dengan merosakkan keaslian wayang kulit.

Menurut Pak Nik Man, ramai penonton dari kalangan orang dewasa menyampaikan hasrat hati mereka kepadanya dan kepada beberapa orang yang bertanggung jawab di akademi itu, bahawa masalah orang tidak sembahayang itu bukan kerana menonton wayang kulit, kalau jenis orang tidak sembahayang atau sampah masyarakat, tanpa menonton wayang kulit pun mereka tidak sembahayang juga dan ini kebanyakannya dari kalangan belia. Mengenai masalah mencampur-campurkan pelajaran tauhid dan fekah dalam wayang kulit itu, kata mereka, kalau kami benar-benar hendak mendengar pelajaran-pelajaran itu, lebih baik kami duduk bersila di balai-balaisah atau di surau-surau atau di masjid-masjid mendengar tok-tok guru atau tok-tok lebai mengajar kitab-kitab dan ini kami sudah lakukan sejak kecil hingga sekarang, tetapi pada wayang kulit ini kami dapat bermacam-macam ilmu yang tidak diajar pada tempat-tempat tersebut, terutama sejarah nenek moyang kami, kebijaksanaan dan keberanian nenek moyang kami, rapatnya hubungan nenek moyang kami dengan Tuhan hingga mereka dapat melakukan sesuatu yang ajaib di luar dari kemampuan manusia biasa, hingga kami naik semangat untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup di masa depan. Juga masalah mencampur-campurkan sejarah wayang kulit itu, mereka bertanya tidakkah ia menjadi suatu cerita rekaan? dan cerita ini bila direka bererti ia suatu cerita karut, bukan sebenar berlaku di muka bumi ini, Kalau begitu apa guna kita mendengarnya.

Manakala bagi pihak Wan Lod ada beberapa alasan yang baik di antaranya berhubung dengan masalah belia-belia tidak sembahayang itu, mereka tidak akan pergi sama sekali ke balai-balaisah atau surau-surau untuk mendengar pelajaran-pelajaran agama, oleh itu lebih baik mereka diajar agama menerusi wayang kulit yang memang mereka minati. Tetapi berhubung dengan rosaknya keaslian wayang kulit itu, ia terpaksa akur.

Akhirnya Wan Lod diberhentikan dan Pak Nik Man diangkat menjadi guru wayang kulit atau "dalang" yang satu-satunya di akademi seni itu dalam tahun 1931. Ketiga-tiga jenis wayang kulit itu, wayang Melayu, wayang Jawa dan wayang Siam, semuanya diajar dan dieprmainkan oleh Pak Nik Man, tetapi tidak mencampurkannya, ia mempermainkan sesuatu jenis wayang itu pada malam-malam yang ditentukan secara berasingan. Pak Nik Man bekerja di sini hingga tahun 1934. Kemudian bekerja di pejabat Taliair bersama Anker Rentse

dan banyak memberikan sumbangan kepada Anker Rentse mengenai wayang kulit.

Pak Nik Man adalah seorang yang misteri, barangkali orang yang kenal dengannya secara lahir melihatnya sebagai seorang biasa yang tidak dapat bercerita dengan lancar apa yang telah diketahuinya mengenai riwayat-riwayat wayang kulit. Kalau ditanya sepetah, ia menjawab beberapa patah dan memang ia tidak ingat. Sebenarnya Pak Nik Man ini adalah murid dalang Engku Lembek dari Kelaweh tadi, dalam tahun 1927, ia menerima ilmu perwayangan secara "menurun", Engku Lembek menepuk-nepuk belakangnya ke arah tengkok sambil membaca sesuatu dan Pak Nik Man pun dapat mempermainkan ketiga-tiga jenis wayang tersebut dengan syarat bila berada di dalam panggung, mendengar gamelan dan memegang patung-patungnya. Bila patung-patung ini terpegang di tanganya, ia dapat melakukan berbagai riwayat wayang dengan teratur, sebabak demi sebabak dalam bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa-bahasa Melayu Kuno atau bahasa Jawa Kuno. Ia dapat mempermainkan sesuatu jenis wayang itu dua malam atau tiga malam dan paling lama dua puluh satu malam atau tiga minggu. Andaikanlah wayang Sri Panji, dalam tempoh sebegini lama dapat dikatakan seluruh babak riwayatnya telah sempurna dilakukan, begitu juga wayang Pandawa Lima atau wayang Sri Rama. Tetapi wayang kulit yang paling menarik bagi Pak Nik Man sampai ke akhir hayatnya ialah wayang Melayu atau wayang Sri Panji itu.

Manakala Wan Lod pula selepas keluar daripada Akademi Seni itu, mempertunjukkan wayang kulit menurut caranya di merata-rata tempat dalam negeri Kelantan sampai hampir ke seluruh negeri dalam Semenanjung Tanah Melayu dan memang mendapat sambutan dari masyarakat. Ia hidup termasyhur sebagai dalang di luar dari akademi seni ini selama dua tahun, kemudian menghilang entah kemana, adalah dikatakan setelah lama berhenti dari menjadi dalang, ia memasuki pertapaan dalam sebuah gunung dan hilang, ghaib atau balik ke negeri asalnya.<sup>87</sup>

### Disiplin Hidup

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas bahawa Tengku Temenggung sebagai seorang mahaguru adalah seorang ahli ibadat dan pelajar-pelajarnya juga diajar beribadat dan didorong supaya mereka menjadi ahli-ahli ibadat di samping menghidupkan seni budaya tradisi.

Pada tiap-tiap kali selepas sembahyang magrib Tengku Temenggung berzikir dan berwirid sampai waktu isyak. Bila tamat sembahyang isyak dan bacaan zikir dan wiridnya, baginda berkahak tiga kali dengan suara yang lantang, kerana mengandungi rambut-rambut dalam kerongkong sambil membasuh kerongkongnya untuk santapan malam. Kahak-kahaknya ini menjadi signal bagi para pelajar bahawa bunyi-bunyian gamelan dapat dimulakan. Kalau menurut ukuran jam, kahak-kahaknya terjadi antara jam 8.30 dan 8.45 malam. Dalam pada itu pun kadang-kadang disuruhnya orang memastikan adakah ratib Tariqat Ahmadiyah dan sembahyang isyak di surau Abang Haji Ahmad Mannan di

87 *Ibid.*



*Kumpulan rebana besar sedang memalu rebana.*

sebelah pagarnya telah selesai seluruhnya atau belum<sup>88</sup>.

Setelah drama-drama dengan bermacam-macam bunyian gamelannya bermula, dan setelah melaksanakan santapan ringan, Tengku Temenggung berzikir pula di dalam biliknya dengan seuntai buah tasbih di tangannya buat seterusnya hingga larut malam, biasanya sampai jam 2 pagi. Dalam masa berzikir ini, kalau didengarnya ada bunyian gamelan yang salah iramanya atau nyanyian makyong yang sumbang bunyinya, dipanggilnya orang-orang yang berhubung dengan ini naik ke istana dan diajarnya supaya betul. Setelah segalanya berjalan lancar dapat dikatakan baginda tiada melihat lagi drama-drama wayang kulit dan makyong itu dengan serius, biasanya cuma menjengok-jengok dari jendelanya sahaja sebelum masuk ke dalam bilik untuk meneruskan amal ibadatnya.<sup>89</sup>

Para pelajar itu pula, baik lelaki atau perempuan disuruhnya sembahyang

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> *Ibid.* dan Tengku Hamzah bin Tengku Ahmad.

berjamaah pada surau-surau dalam kawasan-kawasan perpondokkan di sekeliling kawasan akademinya tadi. Biasanya mereka menjelajah ke surau-surau itu dengan cara berjamaah selama seminggu pada tiap-tiap surau. Kadang-kadang, bila bunyi gamelan telah bergemuruh dengan lagu "tabuhan" selepas isyak itu, orang masih lama menunggu makyong atau sri panggung atau beberapa orang pelakon wanitanya yang masih belum pulang, sebab membaca zikir atau wirid yang panjang di surau. Bila pulang, mereka memakai pakaian untuk lakunan secara tergesa-gesa. Biasanya drama-drama wayang kulit dan makyong dipertunjukkan sampai jam 12 malam dan kiranya cerita yang dipertunjukkan amat menarik, para penonton mempersembahkan permohonan kepada Tengku Temenggung supaya di perlanjutkan masanya sampai jam 2 pagi<sup>90</sup>.

Pada tiap-tiap malam dan siang hari Jumaat diharamkan sama sekali membunyikan apa-apa bunyian, baik gendang, gong, rebab atau lain-lain. Andainya terbunyi sesuatu ketukan gong yang dipalu dengan tidak sengaja atau untuk percubaan, pemalunya dihukum dengan sekali pukulan rotan. Kalau tidak ada yang mengaku, para pelajar sekeliannya dirotan. Bila sampai waktu sembahyang Jumaat, awal-awal lagi kira-kira jam 10 pagi Tengku Temenggung sudah keluar ke Masjid Besar Muhammadi untuk beriktikaf dengan dituruti dari belakangnya oleh puluhan para pelajar dan lain-lain penghuni kawasan akademinya. Manakala tiap-tiap seorang dari ulama pula dituruti oleh puluhan penuntutnya menuju ke tempat yang sama. Bila pulang dari masjid, Tengku Temenggung memeriksa seorang demi seorang para pelajar itu takut ada yang tidak berjumaat. Kalau didapatinya seorang tidak berjumaat tanpa uzur, dihukum sebat dengan 2 kali sebatan rotan atau memungggah pasir dari sungai kemudian menimbunkannya ke dalam kawasan akademi. Seorang pelajar, Pak Mat Pungguk (jung rebab) suami 'Mas Koko' pernah dihukum dua kali rotan.<sup>91</sup>

### Musim-Musim Percutian

Selain daripada musim tengkujuh, pertunjukkan drama-drama dalam kawasan Akademi Seni ini menemui suatu masa cuti penggal, sekali dalam setahun, iaitu "cuti untuk bulan Ramadhan". Cuti ini dimulai sejak malam Nisfu atau 15 Syaaban dan berlanjutan hingga malam 8 Syawal, selama hampir dua bulan. Pada malam 14 Syaaban, drama-drama wayang kulit dan makyong mempersembahkan "permainan katup bangsal" sebagai pertunjukkan terakhir untuk cuti penggal itu. Selepas ini kebanyakan para pelajar pulang ke kampung masing-masing. Cuti penggal ini serentak dengan cuti penggal pengajian agama di seluruh tempat pengajian Islam di kawasan Balik Hilir tersebut. Dalam tempoh ini para pelajar agama kembali ke kampung masing-masing dan ada pula yang mencari rezeki di berbagai kampung untuk bekalan pengajian tahun hadapan<sup>92</sup>.

Di samping ini, pertunjukan drama-drama itu menempuh beberapa cuti pendek dalam tempoh-tempoh yang tiada ditentukan, iaitu bila ada jiran-jiran yang sedang sakit berat, pertunjukan ditutup selama tiga atau empat malam

90 *Ibid.*

91 *Ibid.*

92 *Ibid.*

hingga sisakit itu meninggal. Bila meninggal ditambahkan pula cuti itu selama 7 hari hingga tamat jamuan tujuh hari. Kalau yang meninggal itu seorang ulama, cuti diperlanjutkan selama 10 hari. Ini bukan sahaja ulama yang tinggal di kawasan berhampiran dengan "Kawasan Balik Hilir", juga ulama yang tinggal di seluruh kawasan Kota Bharu yang penduduk kampung mereka tiada pernah terdengar paluan-paluan gamelan, wayang kulit atau makyong.<sup>93</sup>

Seterusnya pertunjukkan drama-drama itu ditutup juga bila terjadi kematian ulama yang termasyhur, meskipun tinggal jauh dari bandar Kota Bharu, umpamanya kewafatan Tok Kenali pada 19 November 1933, pertunjukkan drama-drama itu dihentikan selama 40 hari dan kewafatan Tok Selehor dalam jajahan Tumpat pada 20 Febuari 1935, pertunjukkan itu dihentikan selama 40 hari<sup>94</sup>. Dua hari sebelum dari ini (pada 18 Febuari) Tengku Temenggung telah bertolak ke Pulau Gemiar, tempat suluknya, untuk tidak akan pulang lagi selain daripada jasadnya yang kaku.

### Perbelanjaan dan Sumber-Sumber Kewangan

Meskipun Akademi Seni Tengku Temenggung ini bertanggungjawab kepada Istana Balai Besar, tetapi perbelanjaan untuk mengongkosi segala urusannya tidak ditanggung oleh kerajaan Kelantan, malah ditanggung oleh Tengku Temenggung sendiri dengan "derma-derma" yang disumbangkan oleh Sultan. Semua pelajar makyong dan wayang kulit yang tinggal dalam kawasan Akademi Seninya adalah hidup dari perbelanjaan yang diperuntukkannya, juga asrama untuk pelajar, panggung-panggung, alat-alat gamelan dan lain-lain alat, juga pakaian-pakaian untuk para pelakon, beberapa set patung wayang kulit dan lain-lain semuanya disediakan oleh Tengku Temenggung.

Baginda juga yang menanggung keperluan hidup para pelajar berjumlah kira-kira 40 orang pada sesuatu ketika, dengan menyediakan keperluan-keperluan asas: Tempat tinggal percuma di asrama, menyediakan beras percuma yang ditaruh pada suatu tempat tertentu dan menyediakan gula, ikan kering, minyak kelapa dan minyak tanah, manakala lain-lain keperluan sampingan diserahkan kepada pelajar-pelajar sendiri. Selain dari itu Tengku Temenggung juga menyediakan sepasang pakaian (baju dan kain sarung) untuk tiap-tiap seorang pelajar pada setiap kali hampir hari raya puasa<sup>95</sup>.

Tengku Temenggung mempunyai sawah-sawah yang amat luas di Kampung Chap, Bukit Marak, jajahan Bachok, di Padang Morak, jajahan Tumpat, di Kutun juga jajahan Tumpat dan di Kubang Kekura, jajahan Pasir Mas. Sawah-sawah padi ini dianggarkan seluas kira-kira 150 ekar. Juga ia mempunyai suatu kebun kelapa seluas 200 ekar di Kampung Chap, Bukit Marak.<sup>96</sup>

Tidak ada kutipan wang untuk para penonton yang menonton drama-drama. Semua pertunjukkan diadakan dengan percuma. Pertunjukkan-pertunjukkan ini adalah merupakan siri-siri latihan amali oleh para pelajar di samping pelajaran teori mereka<sup>97</sup>.

93 *Ibid.*

94 *Ibid.*

95 Encik Ismail bin Omar dan Tengku Nur Asiah bt. Tengku Ahmad.

96 Tengku Hamzah bin Tengku Ahmad dan Encik Mahmud bin Salleh.

97 Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir.

Kutipan wang menerusi tiket berupa 'coin' atau mata wang kepeng tembaga mulai diadakan dari tahun 1938 hingga tahun 1939 untuk pertunjukkan drama bangsawan. Ketika ini Tengku Temenggung telah tidak ada lagi<sup>98</sup>.

### Generasi Agama Berorientasikan Budaya Nasional

Hasil dari wujudnya integrasi di antara pelajaran-pelajaran agama dan budaya tradisi itu, Akademi Seni Tengku Temenggung telah berjaya melahirkan suatu generasi baru di Kelantan yang mempunyai kesatuan yang mampat dalam jiwa dan dalam konsep di antara agama dan seni budaya. Mereka memandangi seni budaya itu tidak lain dari agama. Dengan kata-kata yang lain mereka memandangi agama Islam dengan pandangan berorientasikan budaya Melayu, bukan berorientasikan budaya Arab. Mereka mempunyai pegangan ketuhanan yang tinggi hasil dari integrasi ilmu usuluddin dan ilmu hakikat dan mempunyai kefahaman yang tinggi pula dalam seni budaya nenek moyang mereka yang diterapkan oleh pegangan ketuhanan itu. Tidak sebagai generasi-generasi kemudian yang memisahkan antara kedua ini dan memandangi rendah yang akhir.

Dalam tahun-tahun 60-an, bila kerajaan Kelantan mengadakan kumpulan mubaligh-mubaligh agama pergi ke kampung-kampung untuk membetulkan apa yang dianggap sebagai iktikad-iktikad sesat dalam kalangan orang ramai, bila mereka bertemu dengan beberapa orang sisa yang masih hidup dari bekas pelajar-pelajar Akademi Seni tersebut dan lain-lain tokoh baik dari kumpulan-kumpulan makyong atau wayang kulit atau pencak silat, mereka terpaksa bungkam (mendiamkan diri) terhadap maklum-maklum balas dari mereka ini yang telah tua dan akur terhadap kebolehan mereka<sup>99</sup>. Tentu ilmu sifat dua puluh yang dipelajari dari madrasah-madrasah moden tidak boleh menandingi pelajar-pelajar dari Akademi itu dan lain-lain lagi.

Akademi Seni itu mendapai klimaks kejayaannya dalam tahun-tahun 20-an, mulai ia ditubuhkan dalam tahun 1923 hingga tahun 1928. Dalam zaman ini pelajar-pelajar yang mengambil kursus baik makyong atau wayang kulit dan pencak silat datang sepuak demi sepuak. Oleh kerana mereka ini kebanyakannya telah mempunyai pengetahuan dalam sesuatu bidang di kampung-kampung, kursus yang diambil tidak begitu lama. Umpamanya dalam kursus makyong, sesuatu kumpulan makyong yang terdiri dari 12 orang biasanya mengambil kursus selama kira-kira 6 bulan. Oleh kerana permohonan datang dari banyak kumpulan, kursus itu diadakan secara bergilir-gilir. Kemudian keluar dari akademi dan mengadakan pertunjukkan-pertunjukkan sendiri di merata-rata tempat. Meskipun demikian mereka tidak putus dalam hubungan dengan mahaguru mereka dan datang sekali sekala untuk memperdalamkan ilmu dan menyelesaikan kemuskilan-kemuskilan.

Hasil dari integrasi pelajaran-pelajaran agama – seni budaya itu semua sri panggung yang menjadi ketua tiap-tiap kumpulan masing-masing adalah menjadi qariah-qariah dan ahli-ahli qasidah yang terkenal. Mereka ini yang dapat diingati ialah:—

98 Encik Musa bin Haji Abdul Samad.

99 Encik Abdullah bin Yusuf (Pak Lah Tok Bomoh) dalam wawancara dengannya dalam tahun, 1968.

1. Mas koko' dari Kadok, Kota Bharu.
2. Minah Anak Gagok dari Kedai Buluh, Kota Bharu.
3. Minah Pasir Mas (Minah Jebat Gigi Berbalik) dari Pasir Mas.
4. Mek Nor, dari Tawang, Bachok.
5. Ibunya, Minah Pak Kote, Tawang, Bachok.
6. Mek Som Longghe, dari Kampung Longghe, Pasir Mas.
7. Nik Nab (Nik Zainab) isteri Dato' Kadok dari Kadok, Kota Bharu.
8. Zainab Tumpat dari Tumpat.
9. Che Minah Butir dari Tumpat.
10. Minah binti Che Tahir dari Dane, Pasir Puteh.
11. Che Mah dari Patani.
12. Minah Terengganu dari Batu Rakit, Terengganu.
13. Minah binti Haji Awang dari Kok Keli, Tumpat<sup>100</sup>.

Semua Sri panggung ini adalah cantik-cantik dan yang paling cantik ialah Mek Som Longghe, dan semua mereka ini termasyhur-sedap suara dalam nyanyian makyong dan sedap pula suara dalam bacaan al-Quran dan qasidah.

Yang paling menonjol dari mereka sekalian sebagai sri panggung, qariah dan ahli qasidah dalam zaman klimaks itu ialah Minah binti Haji Awang dari Kok Keli. Ia terkenal pula sebagai seorang ahli pencak silat.

Memang ada hubungan rapat antara nyanyian makyong dengan bacaan al-Quran dan qasidah.

Di antara kaum lelaki dari kumpulan makyong yang menjadi qari-qari yang terkenal pada zaman itu ialah Tambong dari Kuala Kemrok, Sabak, Kota Bharu, ia adalah seorang juru rebab yang mahir dan seorang lagi Awang Nawah dari Kampung Tok Semian, Kota Bharu, seorang pakar dalam gendang ibu<sup>101</sup>.

### **Integrasi Antara Ahli-Ahli Seni Budaya Dan Agama**

Pada tiap-tiap hari Jumaat, selepas sembahyang Jumaat, Tengku Temeng-gung menjemput para ulama di sekeliling kawasan akademinya, juga beberapa orang ulama dari tempat-tempat lain termasuk Tok Kenali, juga menjemput para pelajar lelaki dari kumpulan-kumpulan wayang kulit dan makyong di dalam kawasan akademinya untuk sembahyang hajat memohon dari Allah supaya limpahkan rahmat dan berjaya dalam segala-galanya dari dunia sampai akhirat. Kadang-kadang ia menjemput juga mereka bersembahyang hajat pada waktu malam bila perlu. Bila ada kenduri kendara, ulama itu tidak pernah ketinggalan, dan ulama ini amat menghormati dan bermesra dengannya kerana memang mereka mengenalinya luar dan dalam.

Dapat dikatakan pada tiap-tiap pagi, selain dari hari minggu, Tok Kenali, mahaguru dari pondok Kampung Kenali, kira-kira 4 batu dari tengah bandar Kota Bharu datang ke bandar ini untuk mengajar kitab-kitab agama di Masjid Besar Muhammadi. Pagi-pagi lagi ia sudah sampai di sini dan terus ke Pasar Kubang Pasu yang terletak di sebelah kawasan Akademi Seni Tengku Temeng-gung itu. Bila sahaja ia masuk ke dalam pasar, para penjual menghadiahkan kepadanya berbagai bungkusan dan kelonsong makanan pagi seperti nasi ber-

100 Nik Abdul Rahman bin Nik Abdul Kadir.

101 *Ibid.*

lauk, nasi kerabu, nasi tumpang, nasi dagang, pulut pagi, juga berbagai kueh-mueh seperti tepung bokor, lompat tikam, keang, dan lain-lain hingga memenuhi sebuah raga atau timba yang dibawanya sampai terpaksa pula dibimbit bungkusan-bungkusan dan kelonsong-kelonsong itu dengan sebelah tangannya lagi. Tujuan para penjual ini semata-mata untuk mendapat berkat dalam pencarian rezeki dari Waliyullah itu. Biasanya setelah mendapat hadiah-hadiah yang melimpah ini, Tok Kenali itu terus ke surau Haji Ahmad Mannan membahagi-bahagikan makanan-makanan tersebut kepada penuntut-penuntut pondok atau kanak-kanak, atau terus ke surau Haji Wan Musa atau ke surau Haji Wan Abdullah dengan tujuan yang sama, atau terus masuk ke dalam kawasan Akademi Seni Tengku Temenggung, duduk di dalam bangsal makyong membahagi-bahagikan makanan itu kepada para pelajar atau kanak-kanak kemudian memberikan nasihat-nasihat dan berbual dengan para pelajar dalam berbagai pembicaraan kira-kira sejam atau lebih, kemudian pergi ke Masjid Besar untuk mengajar kitab-kitab<sup>102</sup>.

Tok Selehor (Haji Abdul Rahman bin Othman) dan murid-muridnya sering kali datang ke Istana Tengku Temenggung, kerana berbincang tentang agama terutamanya mengenai ilmu hakikat dan makrifat. Biasanya turut sama Tok Selehor seorang sami Buddha yang digelar Cha Kiu dari Ketek Kampung Dalam atau Ketek Selehor. Ia adalah seorang sahabat Tok Selehor dan alim dalam ilmu hakikat menurut agama Buddha<sup>103</sup>.

Demikian gambaran singkat tentang keharmonian hidup dan saling penger-

102 *Ibid.*

103 *Ibid.*

Menurut riwayat orang tua-tua di Kampung Selehor bahawa yang menyebabkan Cha Kiu ini bersahabat rapat dengan Tok Selehor itu, pada suatu masa Cha Kiu berada sakti dengan Tok Selehor dengan cara ia menunjukkan kebolehannya menindan biji-biji telur ayam di atas kepala telur satu sama lain hingga tujuh biji tanpa jatuh ke bawah. Kemudian ia menyuruh Tok Selehor mengambil telur-telur itu sebiji demi sebiji dari atas ke bawah hingga habis tanpa satu pun yang terguling jatuh. Tetapi Tok Selehor membuktikan ia lebih sakti lagi dengan cara mengambil sebiji telur paling bawah, manakala enam biji telur di atasnya terapung, tidak jatuh ke bawah, begitulah Tok Selehor mengambil telur-telur bahagian bawah itu sebiji demi sebiji, manakala yang di atas tiap-tiap satunya terapung, hingga tinggal sebiji telur lagi terapung-apung pada ruang, tidak jatuh hingga ia mengambilnya. Di sinilah Cha Kiu merasa amat kagum dan mengakui Tok Selehor lebih sakti daripadanya. Peristiwa ini membawa kepada persahabatan yang rapat di antara dua tokoh Islam dan Buddha itu yang tinggal dalam suatu mukim yang dipisahkan oleh serentang sungai yang dalam, Sungai Selehor. Di seberang sebelah timur ialah Kampung Selehor dan di seberang sebelah barat ialah Ketek Kampung Dalam.

Cha Kiu ialah ketua besar bagi cha-cha seluruh Kelantan, telah meninggal pada 10 Oktober 1931, ketika berusia 84 tahun. Istiadat pembakaran mayatnya di Ketek Kampung Dalam itu diadakan pada 28 Mei 1932 dengan dihadiri oleh Sultan, Raja Kelantan, Tuan Penasihat Inggeris dan penolongnya, Dato' Perdana Menteri, Dato'-Dato', Tengku-Tengku dan orang-orang besar. Pembakaran ini dilakukan setelah dilakukan perayaan dengan bermain menora dan makyong selama 7 hari 7 malam. Kemudian, Sultan mengistiharkan perlantikan gantinya Cha Man dan timbalannya Cha Tan Krun. Peristiharan ini dibacakan oleh Encik Abdullah A.D.C. Sultan (Pengasuh, bilangan 353, tahun 15, 30 Mei 1932, hlm. 12).

Nama Cha Kiu yang lebih tepat ialah Chao Kiu anak Chao Prak yang digelar "Tok Raja Sami" (tertulis dalam surat "persiaran" Kerajaan Kelantan, Nombor 9, Tahun 1931, yang telah disahkan dalam mesyuarat Kerajaan Kelantan pada 19 Januari 1931, berhubung dengan tanah-tanah untuk ketek orang-orang Siam dan tempat kediaman mereka diakui sebagai terletak di bawah pemeliharaan Chao Kiu itu).



tian antara ahli-ahli kebudayaan tradisi dan ahli-ahli kebudayaan Islam di zaman itu.

Mungkin dapat diperkatakan bahawa keharmonian hidup itu pada lahirnya sahaja kerana sikap keakraban oleh Tengku Temenggung itu. Bagaimanakah sikap sebenar dalam hati ulama dari segi iktikad dan syariat terhadap drama-drama tersebut?

Menurut pengetahuan dan pengalaman penulis sendiri di zaman sebelum pecahnya perang dunia ke-II (September 1939), sebagai tarikh penutup semua ulama di sekitar kawasan Akademi Seni kerana telah meninggal dunia semuanya sebelum bulan itu, juga kajian yang penulis lakukan dalam tahun-tahun 70-an termasuk al-marhum Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Musa, bahawa tidak ada ulama di sekitar kawasan itu yang mengeluarkan fatwa kepada orang ramai atau kepada penuntut-penuntut mereka bahawa wayang kulit dan makyong itu haram kerana kebudayaan kufur dan mendedah aurat atau bercampur gaul antara lelaki dan wanita. Sebab mereka memang kenal Tengku Temenggung luar dan dalam dan kenal pula dengan sebenarnya drama-drama tradisi itu, luar dan dalam. Sikap ini penulis alami sendiri dalam rumah-tangga penulis, sebab datuk penulis sendiri Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan (meninggal, 1938) salah seorang daripada tokoh ulama itu. Sikap mereka telah berubah, jauh berbeza dari sikap mereka dalam tahun 1917 dahulu.

Masalahnya terletak pada citarasa tiap-tiap individu, orang yang tidak berminat ia tidak mempedulikannya atau mencemuhkannya dan orang yang berminat ia suka menghampiri dan menghayatinya, demikian kata al-marhum Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Musa. Penulis tidak pernah terdengar dalam keluarga penulis sendiri fatwa pengharaman itu.

Hanya dalam hubungan dengan para penuntut, terdapat larangan-larangan supaya jangan menonton pertunjukan-pertunjukan drama itu, bukan kerana pengharaman zatnya, tetapi kerana ditakuti penuntut-penuntut akan mengecewakan harapan ibu bapa terutama dari negeri-negeri yang jauh agar anak-anak mereka menjadi orang-orang alim, tetapi bila pulang menjadi orang-orang yang tidak berguna kerana tidak belajar dengan sepenuh masa. Biasanya pada malam-malam yang tiada dapat ditentukan guru melawat setiap pondok untuk memastikan penuntut-penuntut tetap bermutalaah atau membaca dan memahami atau menghafaz pelajaran-pelajaran mereka. Meskipun demikian terdapat juga penuntut-penuntut yang menyeludup ke dalam panggung-panggung drama itu menerusi pintu yang sah dan ada pula mana yang nakal mengorek bahagian bawah pagar zink dan menyorok masuk.

Bagi penulis sendiri, hidup dalam dua macam masyarakat, masyarakat agama berorientasikan budaya Arab dan masyarakat budaya tradisi yang tentunya berorientasikan budaya bangsa kita sejak kecil itu sesungguhnya adalah suatu anugerah Allah Taala yang tiada ternilai harganya. Latar belakang pembentukan peribadi penulis amat banyak dipengaruhi oleh dua macam masyarakat itu yang menguliti dan membelai-belai jiwa penulis sejak dilahirkan hingga berusia lebih dari 8 tahun, tahun meninggalnya datuk penulis dan tamatnya Akademi Seni tersebut dalam tahun 1938.

### Mangkat Dalam Beribadat

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas bahawa dalam tahun 1927, Tengku Temenggung telah membangunkan sebuah rumah ibadat di atas Pulau Gemiar, sebuah pulau miliknya, pusaka dari ayahandanya Sultan Muhammad II. Pulau ini terletak di depan pekan pelabuhan Cek-hel, dalam wilayah Narathiwat, Siam Selatan, bersempadan dengan Kelantan. Dulunya sebelum tahun 1909, pekan ini adalah milik negeri Kelantan. Di pulau ini terdapat kesunyian dan ketenangan untuk beribadat.

Ke arah akhir dari zaman hidupnya, sejak kira-kira tahun 1933. setelah berusia 58 tahun, Tengku Temenggung makin kerap berulang ke pulau itu untuk bersuluk dengan dilayani oleh salah seorang dari isterinya dan beberapa orang khadam.

Tengku Temenggung pergi ke sana untuk bersuluk paling kurang selama seminggu dan paling lama selama 40 hari. Untuk kali terakhir ini beliau pergi ke sana buat waktu yang lama, beliau meinggalkan Kota Bharu pada hari Isnin 18 Februari 1935.

Setiap kali beliau bersuluk di sini, tugas keguruan dalam segenap jenis seni budaya itu diserahkan kepada murid-murid yang telah mempunyai kebolehan. Dalam pelajaran makyong lebih banyak diserahkan kepada isterinya Che Zainab dari Tumpat, yang juga seorang dari sri-sri panggung yang berkebolehan.

Dalam suluknya yang terakhir ini, Tengku Temenggung dilayani oleh isteri mudanya Che Aishah dari Tawang dan bila beliau mulai gering beliau meninggalkan wasiat kepada isteri dan khadam-khadamnya andainya beliau mangkat di sini mayatnya mestilah dimakamkan di sini. Kemudian beliau memacakkan sebatang kayu sebagai tanda tempat akan disemadikan jasadnya. Ketika itu menurut Tengku Nur Asiah beliau berpenyakit kudis hampir dengan pangkal ibu jari kanan, mungkin berpenyakit kencing manis. Bila melihat keadaannya begini keluarganya di Kota Bharu telah diberitahu dan semuanya datang ke Pulau Gemiar, termasuk putera tunggalnya Tengku Ahmad yang ketika itu menjadi Pegawai Jajahan Pasir Mas.

Tiga hari kemudian daripada memacakkan sebatang kayu itu, bila geringnya bertambah berat, Tengku Temenggung memberitahu kepada isterinya, Che Aishah masa beliau mangkat dengan hari dan saat tertentu dan bila sampai hari dan saat itu tujuh hari kemudian, Tengku Temenggung menghembuskan nafas terakhirnya pada jam 1.45 tengahari Jumaat 30 Muharram 1354 bersamaan dengan 3 Mei, 1935, ketika berusia 59 tahun 4 bulan dan 26 hari menurut hitungan tahun Masihi atau 61 tahun 7 bulan menurut hitungan tahun Hijriyah. Dengan ini bererti Tengku Temenggung tinggal di Pulau Gemiar itu selama 77 hari.

Mayat Tengku Temenggung di bawa ke istananya sendiri di Kota Bharu pada hari Sabtu keesokan harinya dengan sebuah perahu besar yang ditunda oleh sebuah kapal kecil kepunyaan kerajaan Siam dengan pertolongan Amphur (Pegawai Daerah) Narathiwat dan Blat (Penolong Pegawai Daerah) Cek-hel<sup>104</sup>.

104 Data-data mengenai kemangkatan ini dari majalah "Pengasuh" bilangan 505, tahun 8, Khamis 6 Safar 1354 bersamaan dengan 9 Mei 1935, hlm. 16. Juga dari Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir, Tengku Nur Asiah binti Tengku Ahmad dan Encik Daud bin Salleh, Kampung Lundang.

Penulis sendiri yang ketika itu telah berusia lebih 5 tahun bersama keluarga termasuk datuk penulis, Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan, menziarahi mayatnya. Bila penulis melihat persiapan jenazahnya di perkarangan istananya, dengan hati yang sungguh sayu dan pilu, penulis meratapi dalam hati: "Hingga sekarang, tidak akan kedengaran lagi bunyi-bunyian (muzik) makyong dan wayang kulit yang sungguh menusuk hati".

Jenazahnya yang ditutupi kain kuning berbunga-bunga, terletak di atas usungan besar bertiang empat berbalut kain kuning dan berungkup kain kuning, dipayungi pada kiri-kanan bahagian-bahagian hadapan dan belakang oleh empat payung kain kuning besar berandam-andam (berenda-renda) pada tepi bawahnya, sebagai usungan jenazah sultan-sultan, lalu diangkat beransur-ansur oleh puluhan orang dan dibawa ke arah pintu gerbang Akademi Seninya. Di atas usungan ini terdapat dua atau tiga orang yang duduk bersila. Bila jenazah keluar dari pintu gerbang ke jalan raya, salah seorang dari orang-orang yang bersila pada bahagian belakang usungan itu menaburkan bunga rampai kepada orang ramai, kemudian menabur bunga rampai bersama wang-wang syiling, begitulah bergilir-gilir sekali demi sekali, manakala kanak-kanak berebut-rebut mengutip wang-wang syiling itu termasuk penulis sendiri, dituruti dari belakang jenazah itu oleh ribuan manusia hingga sampai ke permakaman diraja, Langgar, tetapi penulis sendiri hanya menuruti jenazah itu setakat Masjid Besar.

Selepas kemangkatannya, tidak ada siapapun yang berani menghampiri rumah ibadat Tengku Temenggung di Pulau Gemiar, kerana sentiasa kedengaran suara orang berzikir, salah satu daripada keramatnya yang Allah Taala buktikan kepada manusia. Pegawai-pegawai Siam yang cuba hendak memastikan hal ini mengundurkan diri dengan ketakutan sebelum dapat melakukan penyiasatan. Akhirnya rumah ibadat itu menjadi reput dan runtuh beberapa belas tahun kemudian.

Dulu telah dinyatakan bahawa oleh kerana Tengku Temenggung amat bersungguh dalam ibadat sejak mudanya ada orang-orang menuduhkan sebagai suatu "perlarian" dalam hidup, kerana tidak dapat menjadi "Sultan Kelantan" dan sekarang bila beliau membuat tempat ibadat dalam negeri Siam hingga mangkat dalam ibadatnya di sana, ada pula orang menuduhnya sebagai seorang yang bencikan orang-orang Inggeris dan kasihkan orang-orang Siam dan hal ini dikaitkan dengan suatu cerita lama yang berlaku dalam tahun 1910, bila penasihat Inggeris yang pertama di Kelantan memotong elaun ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan dibantah oleh Tengku Temenggung. Adakah cerita ini benar atau tidak, penulis tidak dapat pastikan, tetapi tohmah itu dalam hubungannya dengan ibadatnya, kalau diteliti pada sepanjang sejarah hidupnya, adalah suatu tohmah yang karut, tohmah yang sering dilemparkan kepada auliyaullah (wali-wali Allah) dimana-mana sahaja sejak zaman berzaman, hanya bentuknya sahaja yang berbeza. Memang orang-orang awam tidak dapat memahami liku-liku hidup seseorang waliyullah.

Selepas kemangkatan Tengku Temenggung ini, drama wayang kulit dan lain-lain kegiatan seni budaya dapat dikatakan telah terhenti, tetapi drama makyong masih dipertunjukkan lagi dalam kawasan Akademi Seni itu sekali sekala, sampai hampir dengan pecahnya perang dunia ke-II di Eropah dalam bulan September. 1939. Kemudian disusuli oleh drama bangsawan sejak tahun

1938 yang terdiri kebanyakannya dari anggota-anggota makyong itu juga dan berlanjutan hingga tahun 1939.

### **Riwayat Hidup Seorang Sri Panggung.**

Penulis tiada mempunyai kesempatan untuk mengkaji dan menulis riwayat hidup sri-sri panggung makyong lepasan Akademi Seni Tengku Temenggung. Di sini hanya dapat ditulis tentang riwayat hidup salah seorang sahaja dari mereka yang termasuk dalam peringkat pelajar-pelajar makyong terakhir iaitu Che Kamala yang amat terkenal di Kelantan di zaman-zaman akhir hingga tidak lama selepas zaman pemerintahan Jepun (1945). Ia disebut dengan nama "Che Kmalu".

Che Kamala binti Muhammad dilahirkan di Kampung Lubuk Kawah, mukim Alor Pasir, Pasir Mas, Kelantan dalam tahun 1913. Beliau adalah cucu (di sebelah ibunya) kepada Haji Ahmad yang pernah menjadi guru al-Quran bagi kerabat diraja termasuk almarhum Long Sulung (Sultan Ahmad).

Che Kamala mula-mula dikahwinkan dengan seorang pemuda dalam usia yang amat muda dalam tahun 1925, berusia kira-kira dua belas tahun. Setahun kemudian bercerai, kira-kira setahun kemudian dalam tahun 1927 ia berkahwin pula dengan Encik Abdullah yang di zaman-zaman kemudian terkenal dengan gelaran Pak Lah, seorang peran makyong.

Bila Tengku Temenggung Long Abdul Ghaffar mendengar berita tentang bakat seni yang wujud pada Che Kamala, telah menjemputnya ke istananya di Kubang Pasu, Kota Bharu dalam tahun 1929 dan mempersilakannya mempelajari drama makyong, melanjutkan pelajaran bacaan al-Quran hingga menjadi seorang qariah dan memperdalamkan pelajaran agama. Beliau menerima jemputan ini dan tinggal bersama suaminya dalam kawasan Akademi Seni. Dalam ilmu drama makyong ia diajar oleh Che Zainab, guru makyong ketika itu, dan tidak lama kemudian menjadi "sri panggung".

Sebagai seorang yang cantik, lemah lembut, pemalu, pandai menari makyong dan pandai menyanyi serta merdu suaranya, Che Kamala telah menjadi buah mulut peminat-peminat seni pada ketika itu. Dalam masa ini juga beliau menjadi seorang qariah dan mengajar bacaan al-Quran kepada pelajar-pelajar wanita yang lain. Manakala suaminya Encik Abdullah sentiasa ikut bersamanya dalam drama makyong itu sebagai seorang peran dan merupakan seorang yang kuat memberikan dorongan kepada Che Kamala dalam bidang drama itu.

Setelah tamat belajar drama makyong dari Akademi Seni Tengku Temenggung itu dalam tahun 1932, beliau keluar dari Akademi ini, menubuhkan suatu kumpulan makyong bersama suaminya dan melaksanakan kegiatan seninya secara bersendirian pada berbagai tempat yang menyebabkan namanya amat masyhur, mempunyai ramai peminat baik dalam kalangan orang ramai mahupun dalam kalangan kaum bangsawan dan keluarga diraja Kelantan pada zaman itu.

Dengan suaminya Encik Abdullah, Che Kamala mendapat dua orang anak. Anak sulungnya ialah Encik Zakaria yang dilahirkan dalam tahun 1936 dan seorang lagi yang telah meninggal dunia. Dalam tahun 1942, beliau berpisah dengan suaminya itu dan pada hari Khamis 27 Ogos dalam tahun itu bersamaan dengan 14 Syaaban, tahun 1364 Hijrah berkahwin dengan Dato' Nik

Ahmad Kamil, seorang pembesar Kelantan peminat seni drama makyong. Selepas perkahwinan ini Che Kamala tetap giat dalam drama makyong dengan mendapat dorongan dari suaminya yang baru dan beliau tetap juga berlakun bersama suami lamanya Encik Abdullah.

Beberapa tahun kemudian, setelah usianya agak lanjut Che Kamala menghentikan kegiatan dramanya setelah mewarisi kebolehan seninya kepada menantunya Che Khatijah binti Awang isteri Encik Zakaria yang berkekalan hingga sekarang.

Che Kamala pergi ke Mekah menunaikan fardu haji dalam tahun 1975 dan bila beliau bersiap-siap pula hendak ke Mekah pada kali yang kedua, beliau jatuh sakit dan meninggal dunia di rumahnya di Kampung Kebak, Kota Bharu, pada 2 Mac 1977<sup>105</sup>.

### Drama Wayang Kulit Di Mekah.

Integrasi antara Kebudayaan Tradisi dan Kebudayaan Islam di Kelantan dalam tahun-tahun 20-an menghasilkan suatu generasi baru dari penuntut-penuntut agama yang belajar di Kota Mekah yang di dalam jiwa mereka terjalin dua kebudayaan ini dalam bahagian awal dari tahun-tahun 30-an. Mereka ini bila melanjutkan pelajaran ke Mekah telah menubuhkan suatu organisasi pelajar yang dinamakan "Lunas Setia Putera Kelantan". Kemudian menubuhkan suatu kumpulan wayang kulit sebagai suatu kegiatan dari seksi kebudayaannya. Kumpulan wayang kulit ini mempunyai suatu set patung-patung yang lengkap yang diukir dengan indahny pada kertas-kertas tebal, juga mempunyai suatu set alat-alat gamelan yang dibuat dari bahan-bahan yang mudah didapati di Kota Mekah<sup>106</sup>.

Kumpulan wayang kulit itu terdiri dari anggota-anggota yang di antara mereka sebagai berikut:-

1. Haji Ishak Lutfi bin Omar, Atas Banggol, Kota Bharu.
2. Haji Muhammad bin Wachik, Kampung Kual Bachok, terkenal dengan panggilan Haji Mat Kual.
3. Haji Muhammad bin Haji Abdul Rahman (Tok Selehor), terkenal dengan panggilan Mat Selehor, Tumpat.
4. Haji Nik Jaafar bin Wan Ahmad (Paksu Wan Ahmad), Lorong Tok Semian, Kota Bharu.
5. Haji Mahmud Sabri bin Haji Ahmad Mannan, Kubang Pasu, Kota Bharu.
6. Haji Nik Muhammad Adib bin Haji Nik Mat, Kubang Pasu, Kota Bharu.
7. Haji Nik Mat (Muhammad) bin Haji Wan Musa, Kubang Pasu, Kota Bharu.
8. Haji Wan Salleh Fathi bin Wan Isa, Kampung Laut, Tumpat.
9. Haji Idris bin Jaafar, Jalan Zainal Abidin, Kota Bharu.
10. Haji Abdullah bin Nuh, Bunut Payong, Kota Bharu.
11. Haji Harun, Sungai Kelong, Pasir Puteh.

<sup>105</sup> Fakta-fakta mengenai Che Kamala ini dari menantunya Che Khatijah bt. Awang.

<sup>106</sup> Haji Wan Salleh Fathi bin Wan Isa.

12. Haji Wan Ibrahim, Labok, Machang.

13. Haji Yaakob, Sat, Machang<sup>107</sup>

Haji Ishak Lutfi bin Omar berperanan sebagai dalang. Beliau adalah salah seorang peminat wayang kulit dalam Akademi Seni tersebut sejak kecil lagi, ketika berusia 7 tahun hingga tahun 1927, ketika berusia 10 tahun. Dalam tahun itu beliau melanjutkan pelajaran agama di Mekah, kemudian pulang ke tanahair dalam tahun 1937<sup>108</sup>. Beliau kemudian terkenal dengan Dato' Haji Ishak Lutfi, Menteri Besar Kelantan (1959-1964).

Di samping Haji Ishak Lutfi, seorang lagi yang berperanan sebagai dalang ialah Haji Mat Kual dari Bachok. Beliau telah meninggal dunia.

Pelukis-pelukis dan pembuat patung-patung ialah Haji Muhammad bin Haji Abdul Rahman (Tok Selehor) yang terkenal dengan gelaran Mat Selehor, beliau telah meninggal dunia. Seorang lagi pelukis dan pembuat patung-patung itu ialah Haji Mat Kual.<sup>109</sup>

Selain daripada ini, mereka semua merupakan pemain-pemain gamelan. Di antara mereka bila pulang ke Kelantan menjadi tokoh-tokoh agama yang terkenal, ada yang menjadi kadi besar, kadi, nazir sekolah-sekolah agama, imam, guru pondok, guru agama, ahli seni khat dan lain-lain.

Kumpulan wayang kulit ini mengadakan pertunjukkan yang pertama untuk orang ramai di Mekah dalam masa cuti penggal persekolahan dalam tahun 1934. Sejak itu pertunjukkan diadakan pada beberapa tempat iaitu di Wadi Fatimah dan Gahwah Shishah, Jalan Mina. Oleh kerana pertunjukkan-pertunjukkan ini dilakukan dengan dialog dalam bahasa Arab, sambutan dari masyarakat Arab adalah di luar dugaan, dalam suatu pertunjukkan, orang-orang Arab melontarkan batu-batu ke arah kelir wayang, kerana mereka menyangka bayang-bayang patung adalah jin dan syaitan. Suatu pertunjukkan wayang kulit yang terbesar telah diadakan oleh kumpulan ini dalam tahun 1936 di Shu'aib Ali dalam kawasan perbandaran Mekah sebagai salah satu dari pertunjukkan-pertunjukkan dalam Perayaan Hari Kebangsaan Saudi. Pertunjukkan ini diadakan dengan perbelanjaan Kerajaan Saudi. Pihak kerajaan meminjamkan suatu set alat-alat gamelan yang baik, meskipun tidak begitu sama dengan alat-alat gamelan wayang kulit yang sebenar, dapat juga digunakan untuk keperluan wayang kulit. Memandang kepada sambutan hangat di masa-masa yang lalu, pada kali ini pihak kerajaan lebih dahulu mengadakan suatu kawalan polis yang ketat di sekitar kawasan pertunjukkan dan sesungguhnya sambutan orang ramai pada kali ini lebih hebat dari masa-masa yang lalu. Pertunjukkan ini diadakan selama 2 malam dan pada malam kedua disaksikan oleh Amir Abdulah putera Raja Saudi dan alim ulama Mekah. Berita pertunjukkan wayang kulit ini mendapat liputan penuh dalam surat-surat khabar<sup>110</sup>.

Kumpulan wayang kulit di Mekah ini berakhir dalam tahun 1937 bila beberapa orang tokohnya termasuk Haji Ishak Lutfi pulang ke tanahair. Meskipun demikian hingga tahun 1955, beberapa patung wayang kulit yang terdiri

107 *Ibid.*

108 Haji Ishak Lutfi bin Omar.

109 Haji Wan Salleh bin Wan Isa.

110 *Ibid.*

dari tokoh-tokoh penting dari cerita Sri Rama masih dipesan untuk menjadi hiasan dalam bangunan pejabat Persetiaan Penuntut Melayu Semenanjung untuk mempertunjukkan identiti nasional<sup>111</sup>.

### Bibliografi

- Abdullah bin Mohamed (Nakula), "Falsafah Dan Pemikiran Dalam Wayang Kulit", dalam *Wayang Kulit Di Malaysia*, keluaran KKBS, Kuala Lumpur, \_\_\_\_\_, "Keturunan Raja-Raja Kelantan Dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah", Terbitan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1981.
- \_\_\_\_\_, "Keturunan Melayu Di Kemboja Dan Vietnam", dalam *Warisan Kelantan VIII*, terbitan Perbadanan Muzim Negeri Kelantan 1989.
- \_\_\_\_\_, "Sejarah Kelantan, Beberapa Lintasan", (Kertas Kerja) Seminar Sejarah Dan Budaya Wilayah Kelantan 12 – 15 April 1980, anjuran KKBS.
- \_\_\_\_\_, Pengalaman dan pengetahuan sendiri sejak kecil mengenai Akademi Seni.
- Amin Sweeney, P.L., "The Ramayana And The Malay Shadow Play", terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1971.
- Clifford, Hugh, "A Journey Through The Malay States of Terengganu and Kelantan", *The Geographical Journal*, Jilid. IX, No. 1, January, 1897, hlm. 13–37.
- Graham, W.A., "Kelantan A State of The Malay Peninsula", James Maclehose and Sons, Glasgow, 1908.
- Hardjowirogo, "Sedjarah Wayang Purwa", terbitan Perpustakaan Perguruan Kementerian P.P. dan K. Djakarta, 1955.
- Laidlaw, Frank F., "Travels in Kelantan, Terengganu & Upper Perak, A personal Narrative", *JMBRAS*, Jilid XXVI, Bahagian 4, Disember 1953.
- Muhammad Hussin Khal'i bin Haji Awang, "Kelantan dari Zaman ke Zaman", terbitan Syarikat Dian Sendirian Berhad, Kota Bharu, 1970.
- Muhammad Yusoff bin Salleh al-Kelantani, "Sinaran Kelantan", Jilid I dan II, terbitan Matba'ah Majlis Agama Islam, Kota Bharu 1938.
- \_\_\_\_\_, "Penerang Musa", terbitan Mustafa Press, Kota Bharu, 1953.
- \_\_\_\_\_, "Laksana Sehidangan", terbitan Mustafa Press, Kota Bharu 1953.
- Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan, B.A. (Hons.), "Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus Kelantan Dari Tahun 1756 Hingga Tahun 1920", *Journal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bilangan 1, 1964/1965, Penerbitan Bintang Emas, Kota Bharu, hlm. 49–51.
- Nik Hasnah bt. Nik Mahmood, "Dato' Laksamana: Satu Tinjauan Ketokohan Dan Penulisan 1900 – 1930-an", (Latihan Ilmiah) Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/1985.
- Nik Mahmud, Haji (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) bin Haji Ismail, "Ring-

111 Nik Abdul-Rahman b. Haji Nik Abdul-Kadir. Patung-patung ini dibawa oleh Haji Nik Ishak, Kampung Tikat, terdiri dari Sri Rama, Laksamana, Sita Dewi, Hanuman, Maharaja Wana (Rawana), Pak Dogol dan Wak Long.

- kasan Cetera Kelantan”, cetakan al-Matba’ah al-Asasiyah Company, Kota Bharu, Kelantan, 1933.
- Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, B.A. (Hons.), “British And Siamese Relations With Kelantan 1900 – 1910”, (latihan Ilmiah), University of Malaya, Singapore, 1960.
- \_\_\_\_\_, “Salasilah Raja-Raja Kelantan”, Kertas Kerja Seminar Sejarah Dan Budaya Wilayah Kelantan, anjuran Kerajaan Negeri Kelantan Dan KKBS, April, 1980.
- \_\_\_\_\_, “Menteri-Menteri Besar Kelantan”, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Negeri Kelantan, Februari, 1987.
- Othman bin Yusoff (Bendahari Raja Muda Kelantan), “Ringkasan Tarikh Kelantan” (manuskrip), 1927, dari Tengku Ibrahim bin Tengku Yusof, Kota Bharu.
- Pembukaan Bangunan Baru Pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (cenderamata), 1 Ogos 1990.
- Pembukaan Kompleks Balai Islam (cenderamata), Kelantan, 1 April 1988.
- “Pengasuh” (mingguan) dari tahun 1918 hingga 1936, cetakan dan keluaran Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.
- Rentse, Anker, “The Kelantan Shadow Play (Wayang Kulit)” JMBRAS, Jilid XIV, Bahagian III, Disember, 1936.
- Sa’ad Shukri bin Haji Muda, “Detik-Detik Sejarah Kelantan”, terbitan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.
- Sheppard, Mubin, “Taman Indera”, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Skeat, W.W., “Reminiscence of the Cambridge University Expedition to the North – Eastern Malay States, 1899–1900”, JMBRAS, Jilid XXIV, Bahagian 4, Disember 1953.
- Undang-Undang (No. 14, Tahun 1916) Bagi Anggota Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, terbitan Matba’ah Majlis Agama Islam, Kelantan.
- “Hikayat Sri Kelantan” (manuskrip), 1915 (?) dari Dato’ Nik Mustafa Fadzil (Dato’ Sri Amar Diraja) bin Haji Nik Mahmud (Dato’ Perdana Menteri Paduka Raja), Kota Bharu, Kelantan.
- Yaakub bin Haji Hassan, “Adat Istiadat Melayu Kelantan” (manuskrip), Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1948.

#### Wawancara dengan:

- Dato’ Abdul Malek bin Haji Muhammad (Dato’ Laksamana), bekas Ketua Istiadat, Pejabat Sultan, Istana Balai Besar, Kota Bharu.
- Encik Daud bin Salleh, bekas pegawai Pejabat Kerja Raya, Kampung Lundang, Kota Bharu.
- Encik Ismail bin Omar, Jalan Merbau, Kota Bharu, bekas peran mak-yong terakhir dalam Akademi Seni.
- Encik Mahmud bin Salleh, Jalan Merbau, Kota Bharu, bekas Pegawai Kastam, tinggal di Asrama Akademi Seni bersama Tok Nek (Makyong Renek).
- Encik Musa bin Haji Abdul Samad, peniaga, Kubang Pasu, Kota Bharu.



- f. Encik Yaakub bin Haji Hassan, bekas Pegawai Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu.
- g. Hajah Che Aishah bt. Haji Nik Idris, nenek penulis di sebelah bonda, isteri Haji Ahmad bin Haji Abdul Mannan, Kubang Pasu, Kota Bharu.
- h. Haji Abdullah bin Haji Taib, guru agama, Pengkalan Kubur, Kota Bharu.
- i. Haji Ishak Lutfi bin Omar, bekas Menteri Besar Kelantan (1959–1964), Jalan Atas Banggol, Kota Bharu.
- j. Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Musa, salah seorang ulama, guru agama keluarga diraja dan orang ramai, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu.
- k. Haji Wan Salleh bin Haji Wan Isa, guru agama, peniaga dan ahli seni khat, Kampung Laut, Tumpat.
- l. Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir (Pak Nik Man), Tokoh Budaya Kelantan, dalang wayang kulit dan bomoh diraja, Lorong Tok Semian, Kota Bharu.
- m. Nik Kamil bin Nik Daud, Pegawai Pejabat Sultan, Kota Bharu.
- n. Tengku Abdullah bin Tengku Abdul Rahman (Tengku Sriwa Raja), Kota Bharu.
- c. Tengku Ahmad (Tengku Panglima Raja) bin Tengku Abdul Ghaffar (Tengku Temenggung), Pasir Mas, Kelantan.
- p. Tengku Hamzah bin Tengku Ahmad, cucu Tengku Temenggung di sebelah bondanya, Pegawai Pejabat Pendidikan Negeri Kelantan, Kota Bharu.
- q. Tengku Ibrahim bin Tengku Yusof, ahli sejarah diraja, Kota Bharu.
- r. Tengku Nur Asiah bt. Tengku Ahmad, cucu Tengku Temenggung, Ahli Parliamen (1974–1978) dan (1978–1982) dan Ahli Dewan Negeri (1982–1986), Kota Bharu.

## *Lawatan Rombongan Balai Senilukis Kelantan ke Indonesia*


HAJI MUHAMMAD BIN HAJI DAUD

### **Pendahuluan**

**R**ancangan lawatan oleh rombongan Balai Senilukis Kelantan ke Indonesia ini telah dipersetujui pada mesyuarat Jawatankuasa Balai Senilukis Kelantan pada awal tahun 1990 dan telah diluluskan oleh pihak Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Pada 25 Mac 1990, pihak Balai Senilukis Kelantan telah menghantar surat kepada kepala Bidang Pendidikan dan Kebudayaan kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur bagi mendapatkan pandangan dan nasihat mengenai tempat-tempat yang hendak dilawati, penginapan dan kenderaan semasa Rombongan Balai Senilukis Kelantan berada di Indonesia. Pihak Kedutaan Besar Indonesia di Kuala Lumpur kemudian telah memanjangkan surat tersebut kepada pihak berkenaan di Jakarta iaitu Direktur Permuseuman, Direktorat-Jenderal Kebudayaan, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan, Republik Indonesia, Salinan Surat dari Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur kepada pihak berkenaan di Jakarta yang bertarikh 11 April 1990 telah juga dihantar kepada kami. Sejak itu Pihak Balai Senilukis Kelantan berhubung terus dengan pihak Jakarta dengan salinan kepada Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur.

Pada mulanya, 2 hingga 7 Mei 1990, telah ditetapkan sebagai tarikh lawatan ke Indonesia, tetapi terpaksa ditangguhkan kebulan Ogos 1990 kerana bertembung dengan tarikh lawatan rasmi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke negeri Kelantan. Tarikh itu terpaksa ditangguhkan lagi kerana sambutan Hari Ulangtahun Keputeraan Al-Sultan Kelantan dan seterusnya Pilihanraya Umum Malaysia pada akhir bulan Oktober 1990. Oleh yang demikian tarikh 18 hingga 26 November 1990 adalah tarikh terakhir yang telah dipersetujui untuk lawatan ke Indonesia itu.



*Peta Menunjukkan Perjalanan Rombongan Balai Semitikus Kelantan ke Indonesia (Jawa).*

### Tujuan Lawatan

Tujuan lawatan rombongan Balai Senilukis Kelantan ke Indonesia ialah untuk:

- a. meninjau dan mengkaji perkembangan Senilukis di Indonesia sejak dahulu hingga sekarang dengan melawat Muzium Seni di sama.
- b. melihat secara dekat akan beberapa buah Institut Senilukis yang ada di Indonesia.
- c. mengunjungi tempat-tempat kegiatan senilukis dan seniukir Indonesia.
- d. bertukar-tukar pengalaman dengan pegawai-pegawai Muzium Senilukis dan juga pengusaha-pengusaha Galeri Senilukis Swasta.
- e. meninjau kemungkinan-kemungkinan yang ada bagi memupuk kerjasama antara Balai Senilukis Kelantan dengan pihak galeri senilukis di Indonesia.

### Ahli Rombongan

Ahli rombongan Balai Senilukis Kelantan adalah terbuka kepada semua Ahli Jawatankuasa Balai Senilukis Kelantan (AJK/BSK) termasuk isteri dan suami Pelukis-Pelukis Kelantan. Rombongan tersebut terdiri daripada 18 ahli seperti berikut:

- |   |                              |
|---|------------------------------|
| 1. Hj. Ismail Bukhary b. Abdullah Bukhary | AJK/BSK<br>(Ketua Rombongan) |
| 2. Hj. Muhammad b. Daud                   | AJK/BSK<br>(Setiausaha)      |
| 3. Nik Othman b. Hussain                  | AJK/BAK<br>(Bendahari)       |
| 4. Nik Jaafar b. Nik Abdul Hamid          | AJK/BSK                      |
| 5. Engku Azman b. Engku Yusoff            | AJK/BSK                      |
| 6. Hj. Mahmud b. Mat                      | AJK/BSK                      |
| 7. Mohd Tarmizi b. Mat Taib               | Muzium/BSK                   |
| 8. Hj. Nik Jaafar b. Nik Mohamed          | Pelukis                      |
| 9. Abdul Majid b. Hj. Othman              | Pelukis                      |
| 10. Hj. Hanifa b. Zakaria                 | Pelukis                      |
| 11. Mohd. Hodzei b. Abdullah              | Pelukis                      |
| 12. Mohamed b. Daud                       | Pelukis                      |
| 13. Wan Noorita bt. Wan Yaacob            | Pelukis                      |
| 14. Engku Rabiah bt. Engku Ismail         | Pelukis                      |
| 15. Muhamad Zulparmi b. Mohd. Zain        | Pelukis                      |
| 16. Puan Noraini Haris                    | Isteri                       |
| 17. Puan Nik Nafisah bt. Hj. Wan Ibrahim  | Isteri                       |
| 18. Puan Noor Aini bt. Ghazali Azmi       | Isteri                       |

### Pembiayaan

Pembiayaan ahli-ahli rombongan adalah seperti berikut:

- a. bagi Ahli Jawatankuasa Balai Senilukis Kelantan, tambang kapalterbang Kota Bharu – Jakarta – Kota Bharu di tanggung oleh Balai Senilukis Kelantan. Bagi peserta-peserta yang lain adalah tanggungan sendiri.

- b. penginapan dan makan-minum adalah tanggungan sendiri.
- c. kenderaan (mini bus) semasa lawatan di Indonesia adalah di tanggung oleh Balai Senilukis Kelantan.

Sehubungan dengan ini pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Balai Senilukis Kelantan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pihak Sistem Penerbangan Malaysia kerana telah bermurah hati memberi potongan harga tambang istimewa kepada semua ahli rombongan. Pengarah Muzium Negeri Kelantan, Tuan Hj. Wan Ali b. Wan Ahmad, telah memainkan peranan penting bagi mendapatkan harga tiket istimewa MAS itu.

#### **Perancangan**

Sebanyak dua kali perjumpaan telah diadakan bagi tujuan melicinkan rancangan lawatan rombongan Balai Senilukis Kelantan ke Indonesia. Jadual lawatan telah di hantar lebih awal kepada Bapak Direktur Permuseuman di Jakarta. Dengan kehendak pihak Jakarta beberapa perubahan mengenai jadual lawatan terpaksa dibuat bagi menyesuaikan dengan keadaan. Pihak Direktur Permuseuman Jakarta telah dengan rela hati berjanji akan melayani kami sebagai tetamunya. Kami amat menghargai di atas kesanggupan pihak Direktur Permuseuman Jakarta itu. Cara ini adalah cara lebih murah dan selesa jika dibandingkan dengan cara agen pelancongan swasta.

#### **Lawatan**

Jadual lawatan rombongan Balai Senilukis Kelantan ke Indonesia (Pulau Jawa) adalah seperti berikut:

18/11/90: Bertolak dari Kota Bharu ke Jakarta melalui Kuala Lumpur. Ketibaan rombongan kami di Lapangan Terbang Soekarno-Hatta, Jakarta telah di sambut oleh dua orang wakil Direktur Permuseuman Jakarta iaitu Bapak Tjahayo Purnomo dan Bapak Raden Sunarko. Kami telah di bawa dengan bas berhawa dingin terus ke Hotel Sriwijaya di Jakarta yang memang telah di tempah untuk kami. Bapak Luthfi, Pegawai Muzium Jakarta yang di pertanggungjawab mengenai lawatan kami datang berjumpa di hotel yang sebelumnya kami hanya kenal beliau melalui surat-menyurat dan telefon sahaja. Pada petang hari itu kami berihat dan bersiar-siar di sekitar kawasan hotel sahaja. Ada juga yang mengambil kesempatan pergi bersembahyang jemaah di Masjid Besar Jakarta yang kebetulan terletak di seberang jalan hotel penginapan kami.

19/11/90: Bas kami tiba di hotel. Mulai sekarang bas ini akan digunakan oleh kami sehingga 26 November 1990.

8.00 pagi

9.00 pagi Bertolak ke Muzium Kota yang terletak di Fatahillah,<sup>1</sup> Jakarta.

1 Terletak di kawasan Jakarta Utara dengan Jakarta Barat.

Kami di sambut dan diberi taklimat penerangan oleh Pegawai Muzium itu.

Oleh kerana Muzium itu ditutup pada hari Isnin maka kami hanya berpeluang melihat sebahagian sahaja di antara bilik-bilik pamerannya. Artifak-artifak yang di pamerkan kebanyakannya adalah peninggalan Belanda. Kami juga ditunjukkan bilik tempat kurungan orang salah di zaman Belanda. Keadaan bilik itu sempit, rendah dan amat menyiksakan. Bangunan Muzium itu asalnya Kantor Pengadilan Belanda. Rekabentuk senibinanya melambangkan ketuhanan penjajahan Belanda di Indonesia.

10.00 pagi Dengan hanya menyeberang jalan kami pergi ke Balai Senirupa Jakarta dan Muzium Keramik (Seni Tembikar) yang kebetulan terletak di bangunan yang sama. Disini kami disambut oleh pegawai-pegawai berkenaan. Setelah diberi taklimat penerangan ringkas diruang legar, kami dibawa melihat bilik-bilik pameran koleksi tetap Balai Senirupa itu. Oleh kerana hari itu Balai ditutup kepada orang ramai, maka kami dapatlah melihat pameran tanpa gangguan.

Bangunan ini juga adalah peninggalan penjajah Belanda. Mengikut Bapak Abdul Rachman (Penolong Kurator), Balai Senirupa itu telah dibuka dengan rasminya oleh Presiden Soeharto pada tahun 1970. Sebelumnya bangunan itu adalah Pejabat Walikota<sup>2</sup> Jakarta Barat.

Selepas itu kami melawat Pasar Seni di Ancol.<sup>3</sup> Di sini terdapat gerai-gerai pelukis sedang berkarya dan juga gerai jualan hasil senilukis dan seniukir. Tempahan atau belian boleh dibuat disitu. Jika karya belian itu besar, mereka akan uruskan hantarnya ke luar negeri melalui kargo. Pelukis-pelukis disini memilih corak komersial, ianya bercorak figura, portrait, landskap, alam benda dan sebagainya. Ukiran kayu disini begitu halus mempunyai nilai seni yang tinggi. Gerai-gerai kecil disini nampaknya begitu padat dengan hasil seni untuk dijual. Mengikut salah seorang pengukir katanya pelancong-pelancong barat dan Jepun banyak membeli hasil ukiran disitu.

Keluar dari Ancol kami pergi ke Wisma Seni. Pada ketika itu pekerja-pekerja sedang menggantung karya-karya seorang pelukis terkenal Bali, Made Wianta. Dewan ini besar dan luas ruang pamerannya. Ianya baru diubahsuai dari bangunan asal tinggalan Belanda. Kami berpeluang bertemu dengan pelukis Made Wianta disitu. Beliau berbadan tegak, umur dalam lingkungan 40an. Seluruh karya pameran solonya itu berbentuk abstrak cubism dengan teknik pointilsm. Lukisan-lukisannya berbidang besar-besar. Salah satunya

2 Walikota ialah Datuk Bandar.

3 Ancol terletak di tepi pantai di kawasan Jakarta Utara.

berukuran lebih kurang 15 kaki lebar dan 20 kaki tinggi. Bingkai karyanya selebar 10 inci. Semua bingkai untuk lukisannya dibuat dari kayu tempatan dan ditempah khusus untuknya. Made Wianta, nampaknya gemar menggunakan warna-warna malap yang lahir daripada titik-titik halus berwarna asas. Pamerannya itu adalah hasil koleksi selama 20 tahun mengikut keterangannya. Kemampuannya mengadakan pameran solo dengan begitu banyak lukisan-lukisannya untuk memenuhi ruang dewan Wisma Senilukis yang luas itu amat mengagumkan. Made Wianta adalah seorang pelukis profesional bertaraf antarabangsa. Karyanya pernah dipamerkan di kota-kota besar Asia dan Eropah.

Setelah petang ahli rombongan pulang ke Hotel untuk berihat.

20/11/90: Kami meninggalkan Hotel Sriwijaya Jakarta, untuk melawat Kota (Selasa) Bandung, Jawa Barat. Sebelum meninggalkan Jakarta ke Bandung kami terlebih dahulu melawat beberapa tempat penting di Jakarta.

Pertama sekali kami melawat Lubang Buaya yang terletak di tenggara kotaraya Jakarta berhampiran dengan lapangan terbang Angkatan Udara Republik Indonesia bernama Halim Perdana-kusumah.<sup>4</sup> Disinilah berlakunya penyiksaan dan pembunuhan kejam enam orang jeneral dan seorang perwira pertama dari Tentera Nasional Indonesia oleh puak-puak pemberontak yang di gelarkan "Gerakan 30 September" atau GESTAPU yang di dalangi oleh pihak Komunis Indonesia pada 30 September 1965. Di Lubang Buaya ini juga terdapat sebuah tugu patung 6 jeneral dan seorang Perwira Pertama tersebut. Di pondok tempat penyiksaan jeneral-jeneral dan Perwira tersebut sebelum di bunuh, dijadikan sebuah muzium di mana di pamirkan gambar-gambar, pakaian-pakaian, senjata-senjata dan barang-barang lain yang ada kaitan dengan sejarah hidup jeneral-jeneral dan perwira pertama itu.

Melawat Taman Mini Indonesia Indah.<sup>5</sup> Di sini kami sempat melawat Muzium Pakaian yang baru sahaja dibuka. Berbagai-bagai jenis pakaian tradisi daerah-daerah Indonesia di pamirkan. Di sini di pamirkan juga sejarah pembuatan batik dengan peralatan tradisi dan moden; jenis-jenis batik dengan ulasan pengertian motif dan corak-coraknya.

Sebelum meninggalkan bangunan muzium. Kami sempat bergambar dan bertukar cenderamata dengan Pengurus Muzium Pakaian itu yang tadinya telah melayan dan memberi penerangan-penerangan kepada kami.

Setelah itu kami meninggalkan Taman Mini Indonesia dan Kota-

4 Termasuk dalam kawasan Jakarta Timur.

5 Terletak berhampiran dengan Lubang Buaya.

raya Jakarta menuju Bogor.<sup>6</sup> Kami singgah sebentar di Bogor untuk makan tengahari. Oleh kerana kesuntukan masa kami hanya lihat Istana Bogor dan Kebun Raya Bogor dari luar sahaja.

Perjalanan kami di teruskan melalui kawasan ladang teh di Puncak, dan pada jam 6.00 petang barulah kami sampai di Kota Bandung<sup>7</sup> dan menginap di Hotel Braga.

21/11/90: Melawat Muzium Bandung. Kami di sambut oleh Pegawai Muzium (Rabu) dan di bawa melihat pameran-pameran. Oleh kerana muzium ini 8.15 pagi dalam keadaan pembinaan ubahsuai, maka kami sempat melihat pameran sementara sahaja.

9.15 pagi Kami ke pusat menjual alat-alat daripada kulit. Memang Bandung termasyhur dengan krafkulitnya.

10.15 pagi Melawat Institut Teknologi Bandung (ITB). Di sini kami disambut oleh Dekan Fakulti Senirupa dan diberi taklimat ringkas mengenai peranan Fakulti Senirupa ITB itu. Di antara lain, katanya, Fakulti Senirupa disitu mengamalkan dasar terbuka. Ianya tidak dikongkong atau terikat dengan sesuatu fahaman. Oleh itu penuntut-penuntut disitu, dibebaskan melahirkan idea-idea dan mencipta karya-karya. Dibilik tetamu terdapat beberapa lukisan moden abstrak dari Jepun dan Jerman. Lepas taklimat kami dibawa ke bilik-bilik kuliah. Malangnya pada ketika itu penuntut-penuntut sedang mengemas barang-barang untuk bercuti dan ada di antaranya telah tamat pengajian. Walau bagaimanapun kami dapatlah melihat suasana pembelajaran, peralatan dan beberapa hasil karya oleh penuntut-penuntut disitu.

ITB ini telah lama ditubuhkan. Tidak hairanlah kalau bangunan dan bilik-biliknya berkeadaan lama juga. Pengajian senilukis di sini adalah yang tertua di Indonesia.

Bidang-bidang pengajian yang di ajar di ITB ialah:

- Senilukis dan Senireka
- Senibina
- Senigrafik
- Tekstil
- Seni Arca
- Keramik
- Latihan Perguruan Seni

1.45 ptg. Keluar Hotel Braga dan pergi ke Tangkuban Perahu<sup>8</sup> iaitu sebuah

6 Bogor terletak kira-kira 40 km di Selatan Jakarta.

7 Bandung ialah ibukota Propinsi Jawa Barat yang di kenali juga sebagai Perliangan atau Tanah Sunda.

8 Gunung Tangkuban Perahu, tingginya kira-kira 2,076 kaki, terletak di utara Kota Bandung dan di selatan Kota Purwakarta.



kawah gunung berapi yang telah padam apinya. Selepas itu turun terus ke Kolam Air Panas di kaki Gunung Tangkuban Perahu itu.

4.45 ptg. Kami meninggalkan Kota Bandung menuju Yogyakarta,<sup>9</sup> Jawa Tengah, berjalan malam. Jam 12.30 malam, semasa dalam perjalanan, bas kami rosak, menyebabkan perjalanan kami tergendala lebih satu jam. Kami teruskan perjalanan dan singgah Sembahyang Subuh di Masjid Buwarjo, Yogyakarta.

22/11/90: Tiba di Candi Borobudur.<sup>10</sup> Tempat ini agak jauh terkeluar dari (Khamis) kota Yogyakarta. Candi itu tersergam di atas sebuah bukit. Kawasan 8.00 pagi sekitarnya luas kosong sebagai sebuah taman.

Pengunjung ke sini harus membeli tiket untuk ke Candi Borobudur itu. Kami terpaksa berjalan agak lebih kurang 200 meter untuk naik tangga ke Candi itu. Candi 10 tingkat itu ialah salah satu di antara barang ajaib dunia. Ianya di bawah pengawasan UNESCO. Candi itu tidak lagi sebagai tempat pemujaan harian oleh penganut Buddha dan tidak terdapat pun penganut Buddha tinggal di situ. Pihak pemerintah Indonesia membenarkan hanya sekali sahaja dalam setahun untuk penganut Buddha datang mengadakan upacara sembahyang mereka di situ, mengikut keterangan Pak Purnomo, pemandu kami. Sebelum bas kami masuk ke kota Yogyakarta, kami singgah sekejap di bengkel pertukangan perak Tom's Silver. Tempat ini menyediakan tukang-tukang perak berpengalaman untuk menunjukkan bagaimana hasil perak di proses untuk dijadikan berbagai-bagai barang hiasan. Sebuah kedai hasil barangan perak dengan gadis-gadis pelayan yang tahu berbahasa Inggeris juga diadakan di situ. Memang Tom's Silver ini dibuka khusus untuk pelancong. Dari sini kami terus ke Kraton (Istana) Sultan Hamengku Buwono. Istana ini memperlihatkan kesenian dan kebudayaan Jawa tulin. Bangunan kayu Dewan Penghadapan dan rumah-rumah disekitar berukiran halus menunjukkan ketinggian seniukir Jawa. Kami dibawa oleh pemandu pelancong khas di situ. Kami mendengar seorang pemandu pelancong disitu bercakap Jepun dengan serombongan pelancong Jepun yang kebetulan melawat bersama kami.

Pengawal Istana diwajibkan memakai pakaian Jawa asli dengan keris disandang dibelakang. Mereka berlegar di sekitar kawasan Istana mengawasi supaya keadaan disitu sentiasa tenteram. Seluruh kawasan luar bangunan tidak disimen tetapi diletak pasir agaknya mengelakkan ditumbuhi rumput. Kami sempat melihat catatan Ketua Pengawal Istana. Segala catatan dan laporan harian masih

9 Yogyakarta, walaupun terletak dalam Propinsi Jawa Tengah, merupakan Daerah Istimewa dan di perintah oleh Sultan.  
10 Candi Borobudur terletak di kawasan Prambanan ke timur Kota Yogyakarta ke Kota Solo. (Surakarta).

ditulis dengan tulisan dan bahasa Jawa Kuno. Mungkin tulisan itu tidak dapat dihayati oleh generasi sekarang. Kami tidak bernasib baik kerana baru seminggu lepas satu istiadat perkahwinan besar-besaran diantara Puteri Hamengku Buwono dengan seorang Putera Raja Negeri Sembilan, Malaysia, diadakan mengikut adat Jawa di Kraton itu.

Pada suatu Dewan ada persembahan wayang kulit Jawa secara terus. Pelancong dapat lihat bagaimana dalang memainkan patung-patung kulit dan pemuzik gamelan dengan panyanyi-penyanyi latar beraksi mengikut peranan masing-masing. Ada beberapa orang pelancong Eropah duduk bersila didepan kelir tekun menikmati persembahan hari itu. Agak lama juga kami di Kraton itu. Selepas itu kami keluar dan terus ke Hotel Airlangga di Yogyakarta. Masing-masing ahli rombongan bergesa-gesa masuk ke bilik untuk berihat kerana telah sehari semalam kami dalam bas.

23/11/90: Melawat Muzium Negeri Sonobudoyo Daerah Istimewa Yogyakarta.  
(Jumaat) Kami disambut oleh Bapak Kepala Muzium tersebut dan beliau  
8.30 pagi sendiri melayani kami sambil memberi penerangan mengenai koleksi dan pamiran di situ.

Mengikutnya artefak ethnografi di muzium itu adalah dari beberapa wilayah budaya seperti Cirebon, Jawa Tengah, Yogyakarta, Surakarta (Solo), Jawa Timur, Madura, Bali dan Lombok. Benda-benda arkeologi dari bahan batu dan logam pula berasal dari daerah Yogyakarta, Jawa Tengah dan Jawa Timur.

Diruang pintu masuk diletakkan arca-arca batu Indonesia Klasik. Di antaranya arca Kepala Kala, Arca Dewa Bertaring (Maha Kala), Arca Syiwa dan lain-lain. Ruang-ruang bilik pamiran adalah seperti berikut:—

a) Ruang Pengenalan:

- Mengenai Yogyakarta  
Sebagai Kota Kebudayaan  
Sejak Hamengku Buwono I.
- Perjuangan Diponegoro.
- Pendidikan sejak terdirinya Universiti Gajah Mada

b) Ruang Bersejarah:

- Tingkat kehidupan manusia di Indonesia, Paleolithik Neolithik dan seterusnya.

c) Ruang Klasik dan Islam:

- Peninggalan Hindu di Indonesia.
- Bahan sejarah kemasukan Islam di Indonesia.
- Bahan pasu tanah liat secara terakota.

d) Ruang Batik.

- e) Ruang Wayang.
- f) Ruang Topeng.
- g) Ruang Jawa Tengah dan Yogyakarta.
- h) Ruang Bali.
- i) Candi Bentar.

Selama sejam kami disini. Setelah bertukar cenderamata, kami beredar dan terus ke Instituti Senirupa Indonesia (ISI).

Di ISI kami disambut oleh Bapak Kepala Fakultas Seni. Dalam taklimatnya kami diberitahu ada tiga cabang seni disediakan di situ iaitu senitari, seni muzik dan senirupa. Dasar pembelajaran lebih mirip kepada corak tradisional Indonesia.

Semasa kami melawat bilik-bilik kuliah senirupa kami diperkenalkan dengan seorang penuntut dari Pantai Sabak, Kelantan, bernama Mohd Adnan b. Mat Daud. Beliau mendapat biasiswa YAKIN,<sup>11</sup> kelulusan STP, dan mengambil jurusan seniukir. Mengikutnya ada lebih kurang 10 orang penuntut Malaysia di situ. Tetapi kami tidak dapat berjumpa mereka pada ketika itu. Semasa kami dibawa ke bahagian seniarca, nampaknya karya-karya seniarca klasik dan moden di sini agak menonjol. Seperti juga di ITB kami tidak dapat melihat pembelajaran di sini cara mendalam kerana penuntut-penuntutnya sedang berkemas untuk bercuti akhir tahun.

Dari sini kami bergesa pulang ke Hotel untuk urusan keluar Hotel dan sembahyang Jumaat. Kami sembahyang Jumaat di Masjid Sultan. Masjid ini adalah masjid tertua dan bersejarah di Yogyakarta. Ianya terletak berhampiran Istana Sultan. Sultan Hamengku Buwono IV turut berjemaah di situ pada hari itu.

Selepas sembahyang kami terus ke Muzium Afendi. Muzium ini terletak pada tapak asal kediaman pelukis Afendi itu sendiri. Suasana sekitar Muzium semasa Afendi masih hidup nampaknya dipelihara supaya pelawat dapat menghayati sendiri akan kehidupan harian Afendi di situ. Pusara Afendi juga berada di suatu sudut depan pintu besar Dewan Pamiran Muzium itu.

Dalam Muzium itu dipamirkan karya-karya Afendi sejak dahulu hingga saat akhir hayatnya. Di antara karyanya ada satu karya yang tidak sempat disiapkan. Karya itu adalah karya yang terakhir sebelum beliau meninggal dunia mengikut keterangan pelayan Muzium itu. Pada bangunan kedua pula dipamirkan karya-karya Afendi bersama karya-karya anaknya Kartika. Nampaknya karya-karya Kartika lebih mempunyai unsur-unsur figura berlainan dengan karya bapanya berbentuk abstrak. Teknik dan warna-warna bersih terus dari tiub memang persamaan yang ketara di antara pelukis kedua beranak itu.

---

11. YAKIN: Yayasan Kelantan Darul Naim.

Di sini kami membeli sebuah buku riwayat hidup dan ilustrasi karya-karya Afendi untuk perpustakaan Balai Senilukis Kelantan.

Selepas makan tengahari hidangan ayam goreng istimewa di Restoran Ibu Suharti, kami teruskan perjalanan untuk pulang ke Jakarta dengan melalui Solo dan terus ke Semarang. Kami sampai di Semarang jam 8.00 malam dan menginap di Hotel Dinya Puri.

24/11/91: Kami bertolak dari Semarang yang merupakan ibukota Propinsi (Sabtu) Jawa Tengah menuju ke Pekalongan yang terletak di pantai utara Jawa Tengah. Kami berhenti sekejap di Pekalongan untuk membeli batik. Pekalongan adalah termasyhor dengan penghasilan batiknya. Selepas itu kami sampai di Cirebon yang terletak dalam Propinsi Jawa Barat. Kami berjalan malam terus ke Jakarta. Kami tiba di Jakarta pada jam 4.00 pagi dan menginap di Hotel Sriwijaya.

25/11/91: Ahli-ahli rombongan kami di bebaskan dengan acara persendirian (Ahad) masing-masing.

26/11/91: Kami mengadakan jamuan makan tengahari bersama di Restoran (Isnin) Natrabu, Jakarta. Beberapa orang pegawai dan kakitangan Kantor Permuseuman Jakarta telah di jemput ke majlis itu. Ketua rombongan kami, Tuan Haji Ismail Bukhary bagi pihak rombongan menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak Direktur Permuseuman, Direktorat-Jenderal Kebudayaan, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Jakarta yang telah memberi layanan yang begitu sempurna dan baik selama rombongan kami berada di Indonesia. Beliau juga telah menyampaikan cenderamata khusus berupa sebuah jam dinding pewter untuk Kantor dan cenderamata-cenderamata peribadi kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan pengendalian lawatan (karya wisata) rombongan kami.

Selesai majlis, kami terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta untuk pulang ke Malaysia. Penerbangan MAS Jakarta - Kuala Lumpur - Kota Bharu telah berjalan mengikut jadual. Rombongan kami tiba di Kota Bharu pada jam 1.00 malam. Maka berakhirlah lawatan sambil belajar kami ke Indonesia selama sembilan hari itu.

## Rumusan

Pada keseluruhannya perkembangan senilukis di Indonesia adalah sejajar dengan perkembangan senilukis di Eropah sejak zaman Impresiorisma. Beberapa karya bercorak Impresiorisma yang terdapat di Balai Senirupa Jakarta menandakan ianya telah bermula sejak tahun 1900 lagi. Raden Salleh (1807-1880) yang pernah tinggal di Belanda dan Eropah selama lebih 20 tahun telah meletakkan asas senilukis yang kukuh di Indonesia. Pelukis-pelukis seperti Raden Abdullah, Basoeki Abdullah dan Afendi sebagai pelupor-pelupor kearah zaman moden dengan karya-karya bersifat eksprenisma yang tinggi nilainya.

Penerimaan masyarakat Indonesia terhadap penciptaan patong-patong sama ada bersifat keagamaan atau bersifat arca tugu peringatan memperkayakan lagi hasil-hasil kesenian bangsa Indonesia. Di mana-mana kita akan dapati tugu peringatan yang dihasilkan oleh seniman Indonesia sendiri.

Lukis-lukisan bercorak tradisional dengan motif-motif alam sekitar dan kebudayaan tempatan terdapat dengan banyak di gedung-gedung seni sama ada milik pemerintah atau swasta. Ini menggambarkan pelukis-pelukis di sana amat sehati dengan fahaman pemikiran dan cara hidup mereka. Lukisan corak Bali misalnya masih dihasilkan oleh pelukis-pelukis muda di Bali sekarang.

Peranan dua buah institusi seni halus iaitu ITB dan ISI amat penting dalam memperkembangkan seni lukis moden di Indonesia. Dari pengetahuan dan pengalaman para pengajar seni yang mendapat pendidikan di Eropah dan Amerika, maka lahirlah pelukis-pelukis moden berbentuk abstrak dan sebagainya.

Kesungguhan dan kerja keras pelukis-pelukis Indonesia menjadikan ramai pelukis-pelukis Indonesia di terima pada peringkat antarabangsa. Kemudahan pameran-pameran di negara-negara luar dengan kerjasama Kedutaan Indonesia di sesuatu tempat itu memainkan peranan penting terhadap kejayaan seniman Indonesia.

Perkenalan di antara ahli rombongan dengan pegawai-pegawai Balai Seni-rupa di Indonesia dapat mempereratkan lagi perhubungan intergrasi kerjasama antara pihak Balai Seni lukis Kelantan dengan Balai Seni rupa dan Institut Seni-rupa di Indonesia. Hinggakan ada pelawaan dari pihak Balai Seni rupa Jakarta untuk Balai Seni lukis Kelantan mengadakan pameran di tempatnya suatu hari nanti. Pihaknya sedia datang ke Kelantan jika ada jemputan.

Oleh kerana lawatan ini ada hubungkait dengan urusan Permuseuman jadi ahli-ahli rombongan dapat banyak manfaat daripada kunjungan-kunjungan ke beberapa Muzium sama ada di Jakarta, Bandung dan Yogyakarta. Persamaan kebudayaan dan bahasa di antara Malaysia dan Indonesia adalah menjadi lebih mudah kami menghayati segala apa yang sempat dilihat di sana.

Kami sangat bangga dan menyanjung tinggi di atas kerjasama dan layanan sempurna oleh pihak *Direktor Ditjen. Pendidikan Permuseuman Jakarta* kepada kami. Budi baik itu menjadi ingatan yang berkekalan selama-lamanya.

Pada keseluruhannya lawatan sambil belajar ke Indonesia itu sangat berjaya. Hendaknya menghasilkan pulangan yang berfaedah kepada perkembangan Balai Seni lukis Kelantan khususnya dan perkembangan seni lukis Kelantan amnya.



*Ahli-ahli rombongan Balai Senilukis Kelantan bergambar beramai-ramai setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sukarno-Hatta, Jakarta, pada hari Ahad 18 November 1990.*



*Bergambar bersama kakitangan Balai Senirupa, Jakarta, pada hari Isnin 19 November 1990.*



*Ahli-ahli rombongan sedang mendengar taklimat di Muzium Negeri Jawa Barat, Bandung, pada hari Rabu 21 November 1990.*



*Sebahagian daripada ahli-ahli rombongan yang sedang mendengar taklimat yang diberikan oleh Dekan Fakulti Senirupa ITB, (Institut Teknologi Bandung), pada pagi Rabu 21 November 1990.*



*Bergambar di Borobudur, Yogyakarta, Jawa Tengah, pada pagi Khamis  
22 November 1990.*



*Wakil Muzium Negeri Sonobudoyo, Yogyakarta, sedang menerima hadiah dan  
cenderamata, daripada Ketua Rombongan Balai Senilukis Kelantan, pada 23  
November 1990.*





*Bergambar ramai di hadapan bangunan Muzium Sonobudoyo, Yogyakarta pada 23 November 1990.*



*Bergambar bersama salah seorang pelajar Malaysia dari Kelantan yang sedang menuntut di Institut Seni Indonesia (ISI), Yogyakarta dalam bidang Seniukir, pada 23 November 1990.*



*Pemandangan di sebuah bilik kuliah pelajar tahun akhir di Institut Senirupa Indonesia, Yogyakarta.*



*Tuan Hj. Ismail Bukhari (ketua rombongan), sedang menerima buku-buku penerbitan daripada wakil Dekan Institut Senirupa Indonesia, Yogyakarta, pada 23 November 1990.*




*Sebahagian daripada koleksi pelukis Affendi yang di pameran di Muzium Affendi, Yogyakarta, pada hari 23 November 1990.*



*Majlis Jamuan perpisahan yang diadakan di Restoran Natrabu, Jakarta, di antara ahli rombongan dengan kakitangan Jabatan Pendidikan dan Permuseuman Jakarta, pada tengahari Isnin 26 November 1990. Kelihatan, Tuan Hj. Ismail Bukhari, Ketua Rombongan sedang memberi ucapannya.*

**Gambar-gambar  
Warisan Lama**





*Haji Muhamad bin Khatib Haji Muhd. Sud, dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan, pada tahun 1888. Pergi ke Mekah tahun 1904 dan kemudian ke Mesir. Belajar di Universiti Al-Azhar Kaherah, Mesir hingga tahun 1914. Dilantik sebagai Penolong Setiausaha Ke-2 kepada DYMM Sultan Kelantan pada bulan Mac, 1916. Bergelar Dato' Bentara Jaya. Menjadi Setiausaha Majlis Agama Islam yang pertama pada tahun 1915 dan Pengarang 'Pengasoh' pertama pada tahun 1918-1922. Kemudian bergelar Dato' Laksamana dan menjadi Setiausaha Kerajaan Kelantan pada tahun 1921-1933. Meletak jawatan tahun 1933 dan meninggal dunia tahun 1939.*




Gambar ramai murid-murid Madrasah Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu dan murid-murid Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan serta ahli-ahli Persatuan Setiawan Belia Kelantan, di Kota Bharu pada tahun 1934.  
 Duduk dari kanan: Muhd. Ali b. Awang Besar (T), Kapten Bola, Ibrahim Hilmi b. Abdullah (T), Ketua Penterjemah; Muhd. Zain Hakim b. Hj. Hassan (K) Ahli Jawatankuasa Setiawan Belia; Muhd. Salleh b. Hj. Awang/Masbaha (T); Ishak b. Taib (K) Setiausaha Setiawan Belia, Wan Ibrahim Rushdi b. Ali (T) Ketua Kutubkhanah Terengganu. Berdiri dari kanan: Nik Hussin (K); Nik Muhammad b. Nik Abdul Kadir (K); Jaafar b. Embong (T); Nik Ishak b. Nik Daud (K); Nik Hassan Farid b. Hj. Wan Ahmad (K); Muhammad b. Hj. Kasim (T) Pemain bola; Ali b. Muhammad (T), Pemain bola.



Gambar ramai pegawai-pegawai dengan pengakap-pengakap Pasukan Kel-I dan 5 Kota Bharu dari Ismail English School, Kota Bharu yang baru berjaya mendapat Sijil "Queen Scout" pada tahun 1952.

Duduk dari kanan: Omar b. Hj. Ismail (Patrol Leader, 1st Kota Bharu), Mr. Bapoo b. Mohd. Hashim (Scout Master), Mr. Abdullah Sani b. Abu Bakar (Scout Master), Mr. Rahman b. Hussein (Scout Master), Zulkifli b. Mahmud (Patrol Leader). Berdiri dari kanan: Mahamed b. Yaacob, Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh (Patrol Leader), Mansor b. Mahmud (Patrol Leader), Nik Ibrahim b. Mohamed, Wan Mahmud b. Wan Idris (Patrol Leader), Yunus b. Harun (gambar diambil pada 28.10.52).





*Bangunan Masjid Kampung Laut di Kampung Laut, Tumpat Kelantan. (Gambar ini telah diambil pada awal tahun 1960-an).*

## **Biodata Penulis**



**ISMAIL CHE DAUD (CHE ISMAIL BIN CHE DAUD)** – Dilahirkan di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1947. Belajar di Sekolah Umum Meranti (1954 – awal 58), *Special Malay Class* di Sekolah Rendah Sultan Ibrahim, Pasir Mas (1958–60) dan Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas (1961–65). Tamat Tingkatan V dan lulus peperiksaan M.C.E. (sekarang SPM). Selanjutnya belajar sendiri sambil bekerja. Menduduki peperiksaan STP 1972 dan lulus dengan mendapat sijil penuh, tetapi ditakdirkan gagal mendapati tempat di Universiti.

Dari tahun 1967 hingga 1969 bertugas sebagai Kerani Sekolah di Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra, Kuala Krai; kemudian menyandang jawatan Pegawai Kerani Pertahanan – mula-mula ditempatkan di Markas PPT Kelantan (1969–77), selepas itu di Kem Pengkalan Chepa (1977–80) berkhidmat dengan Batalion Kelima, Rejimen Askar Melayu Diraja. Berikutan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kerani Kanan Pertahanan, pada 18 Ogos 1980 ditukar ke Sekolah Trafik/Bomba Udara, TUDM Kuantan yang baru ditubuhkan. Pada 1 September 1980, dilepaskan dengan izin kerana memasuki perkhidmatan kerajaan negeri Kelantan – juga berjawatan Pegawai Kerani. Penempatan awalnya di Jabatan Pertanian; kini, di Perbendaharaan Negeri di Kota Darulnaim (sejak pertengahan tahun 1989).

Meminati sejarah semenjak di bangku sekolah lagi. Gemar menjelajah kampung-kampung mencari bahan (bertulis dan lisan), iaitu semenjak awal 1970-an. Telah menulis beberapa rencana dalam pelbagai majalah dan akhbar. Di antaranya: Majalah Dian, Pengetahuan, Pengasoh, Peristiwa dan Fajar Islam.

**ABDULLAH BIN MUHAMED (Nakula)** – Dilahirkan di Kampung Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Madrasah Muhammadiyah anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; Sekolah Menengah Arab Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu; Sekolah Menengah Arab Madrasatul-Islah, Kota Bharu; dan Sekolah Menengah Muahad Al-Muhammadi, Kota Bharu. Pada awal tahun 1956 berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan dari tahun 1962 berkhidmat sebagai guru agama di sekolah rendah di Kelantan. Beliau bersara pada tahun 1988 yang lalu.

Sejak dari kecil lagi sangat gemar membaca dan kemudian menyelidik, mengkaji dan menulis. Beliau minati pelbagai bidang ilmu seperti agama Islam, sejarah, politik, astronomi, falsafah, ilmu jiwa dan budaya. Di samping menulis beliau juga giat dalam bidang penterjemahan dengan menterjemah ke bahasa Melayu sejumlah buku Arab yang berkaitan dengan politik, falsafah, sejarah, ilmu jiwa dan astronomi.

Telah banyak menulis rencana-rencana dan esei-esei mengenai aspek-aspek agama Islam, politik, falsafah, sejarah, astronomi dan kebudayaan yang disiarkan di dalam majalah-majalah tempatan seperti "Pengasuh", "Majalah Kelantan" "Mastika" "Pelajar" (majalah G.P.M.S.), dan "Kehidupan" (Singapura), akhbar-akhbar seperti "Warta Negara" "Utusan Melayu" dan "Utusan Zaman"; dan jurnal-jurnal seperti "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan", "Warisan Kelantan" dan lain-lain lagi. Dari tahun 1944 hingga sekarang telah menerbitkan sebanyak 7 buah buku bacaan umum mengenai aspek-aspek ekonomi, astronomi, agama dan falsafah. Buku-buku itu telah dicetak oleh The United Press P. Pinang,

Pustaka Dian Press, Kota Bharu, Kelantan, dan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga telah menyusun sebanyak 14 buah buku teks sekolah mengenai pengajian agama Islam dan sejarah Islam dan telah dicetak oleh Pustaka Dian Press, Pustaka Aman Press dan Penerbitan Bintang Emas, Kota Bharu, Kelantan. Di samping itu beliau telah menyediakan atau menulis kira-kira 40 buah lagi buku mengenai sejarah, agama Islam, sejarah Islam dan falsafah yang hampir semuanya masih belum dicetak. Abdullah bin Muhamed (Nakula) adalah seorang penulis yang amat gigih dan produktif kerana di samping 14 buku teks dan 40 buku umum beliau sempat pula menyediakan sejumlah rencana/esei dan kertas kerja untuk ceramah-ceramah dan seminar-seminar.

Abdullah bin Muhamed (Nakula) merupakan salah seorang daripada pengasas Persatuan Sejarah Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1964. Beliau menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan itu dan juga Pengarang Kehormatnnya.

Dalam tahun 1976 apabila Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ditubuhkan, beliau adalah salah seorang ahli Jawatankuasa yang pertama dan telah banyak memberi sumbangan buah fikiran terhadap penubuhan dan perkembangan Muzium Negeri Kelantan. Pada tahun 1980 beliau menjadi ahli Jawatankuasa Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan. Kemudian menjadi Timbalan Pengarah II Majlis tersebut dan pada tahun 1985 dilantik pula menjadi Ketua Bahagian 'Nilai dan Norma'.

Beliau juga mengambil bahagian aktif dalam seminar-seminar dan sesi-sesi ceramah yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu seperti: Seminar anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang diadakan di Alor Star, Kedah pada tahun 1977; Seminar Wayang Kulit di Port Dickson pada tahun 1979; Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu Kelantan tahun 1980 anjuran KKBS; International Conference on Islam and Technology di Kuala Lumpur, pada tahun 1983 anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Regional Seminar on the Search for Identity in Architecture di Kuala Lumpur pada tahun 1983 anjuran UTM; dan Seminar Sehari Sejarah dan Tamadun Melayu Campa di Kuala Lumpur pada tahun 1988 anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia dan Ecole Francaise D'Extreme-Orient (Sekolah Pengajian Timur-Jauh Perancis).

**HAJI MUHAMMAD BIN HAJI DAUD** – Dilahirkan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan pada 16 November 1934. Belajar di Sekolah Melayu Tendong, Pasir Mas hingga darjah 6 pada tahun 1950. Memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1968 dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia pada tahun 1974.

Muhammad bin Daud adalah seorang yang gigih menuntut ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha melengkapkan dirinya dengan pelbagai kemahiran yang diminatinya. Sejak dari tahun 1952 hingga tahun 1991 beliau telah mengikuti sebanyak tujuh jenis kursus seperti berikut: Kursus Perguruan di Sultan Idris Training College, Tanjung Malim, Perak (1952-55); Kursus Pengakap di Kem Kijang, Kota Bharu dan di Cheras, Kuala Lumpur dengan mendapat Pemegang Manik Kayu pada tahun 1958; Kursus Bahasa di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur (Jan. - Dis., 1959); Kursus Senilukis di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur (Jan. - Dis., 1965); Kursus Pengurusan Moden di RECSOM, Pulau Pinang (1978); Kursus Bimbingan dan Kaunseling, Kuala

Lumpur (1979); dan Kursus Senilukis North Light Art School, Ohio, U.S.A. melalui pos (Jan. 1990 – Jul. 1991).

Muhammad bin Daud mempunyai pengalaman yang luas sebagai guru atau pengajar. Jawatan guru yang telah disandangnya di beberapa sekolah dalam tempoh 27 tahun ialah seperti berikut: Sekolah Melayu Kuala Krai, Hulu Kelantan (1955–58); Sekolah Clifford, Kuala Lipis, Pahang (1960–64); Sekolah Menengah Lanjutan Kuala Lipis, Pahang, (1966–67); Sekolah Menengah Kota, Kota Bharu, (1968); dan Sekolah Menengah Ismail Petra, Kota Bharu, (1969–77). Kemudian beliau bertugas pula sebagai Guru Besar di Sekolah Menengah Ibrahim Dua, Pasir Mas, Kelantan (1966–82). Dari tahun 1982 hingga 1984 beliau bertugas pula sebagai Penyelia Pelajaran di Jabatan Pelajaran Kelantan, Kota Bharu. Di samping menjadi guru, beliau juga gigih menjalankan kerja-kerja bakti sambil iaitu sebagai Pensyarah Sambilan di Maktab Perguruan Ilmu Khas (1966–70); Pegawai Penting Pendidikan Senilukis Kementerian Pelajaran Malaysia (1976–79); Pemeriksa Kertas Lukisan I dan II, SRP (1969–85); Ketua Pasukan Pemeriksa Lukisan I dan II, SRP (1974–85); Ketua Pemeriksa bagi seluruh Malaysia Lukisan SRP (1982–85); dan Pemeriksa dan Ketua Pasukan Lukisan SPM, Kertas 5 (1970–85).

Muhammad bin Daud bersara dari perkhidmatan Kerajaan sebagai guru, pendidik dan pegawai pelajaran pada tahun 1985 atas pilihannya sendiri. Selain dari itu beliau adalah juga seorang pengembara/pelancang dan pernah melancang ke Indonesia (Sumatera, Jawa dan Bali) pada tahun-tahun 1973, 1974 dan 1990; ke England dan Perancis pada tahun 1984; dan ke Amerika Syarikat (Bahagian Selatan) pada tahun 1990. Mulai pada tahun 1988 hingga sekarang beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Balai Senilukis Negeri Kelantan.